

**PERANAN WANITA DALAM DAKWAH
MENGIKUT PERSPEKTIF AL-QUR'ĀN :
KAJIAN SŪRAH ĀLI 'IMRĀN**

NOR HANANI BINTI MOHD NOOR

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**PERANAN WANITA DALAM DAKWAH
MENGIKUT PERSPEKTIF AL-QUR'ĀN :
KAJIAN SŪRAH ĀLI 'IMRĀN**

NOR HANANI BINTI MOHD. NOOR

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Latarbelakang Masalah

Dalam sūrah Āli ‘Imrān terdapat hukum dan persoalan amal dakwah ke jalan Allah Ta’āla secara khusus dan kewajiban berdakwah di atas pundak setiap muslim yang mengaku beriman kepadaNya. Di samping itu, pendekatan Rasulullah s.a.w. dalam berdakwah yang diutarakan dalam sūrah ini sewaktu baginda menangani masalah yang timbul pada ketika itu harus dikaji dan dipersembahkan serta dijadikan amalan kepada umum agar usaha dakwah umat Islam terutamanya dari kalangan wanita muslimah semakin bertambah baik dan berkesan.

Apabila membahaskan persoalan dakwah, ulama tidak akan lepas dari berbincang dan mengambil dalil daripada sūrah ini. Justeru, sūrah ini amat sinonim dengan para pendakwah dan beberapa ayat di dalamnya membincangkan secara langsung hukum dakwah.

Bertitik tolak daripada ini, wajarlah sūrah Āli ‘Imrān diberi penekanan dan tumpuan untuk dikaji, terutama beberapa ayat di dalamnya bagi memahami dan mengupas persoalan dakwah yang merentas zaman dengan memberi fokus kepada peranan dan tugas wanita muslimah.

1.2 Kenyataan Tentang Masalah Kajian

Senario wanita muslimah masa kini yang kurang faham mengenai peranan mereka dalam dakwah memerlukan penyelesaian. Sūrah Āli ‘Imrān wajar diteliti dan dikupas atas alasan ia merupakan sebuah sūrah yang banyak menyebut tentang dakwah dan hukumnya. Di samping itu, pendekatan dakwah Rasulullah s.a.w. juga turut disentuh.

1. Apakah peranan wanita dalam dakwah mengikut perspektif sūrah Āli ‘Imrān ?
2. Bagaimanakah pendekatan berdakwah yang dianjurkan dalam sūrah Āli ‘Imrān ?

1.3 Objektif Kajian

1. Untuk memahami peranan yang perlu dimainkan oleh pendakwah wanita dalam dakwah mengikut perspektif sūrah Āli ‘Imrān.
2. Untuk menjelaskan pendekatan berdakwah yang dianjurkan dalam sūrah Āli ‘Imrān.

1.4 Kepentingan Kajian

1. Membantu wanita mengenalpasti peranan mereka dalam dakwah sebagaimana yang disarankan oleh sūrah Āli ‘Imrān dan mengamalkannya.

2. Memperkenalkan pendekatan berdakwah yang dianjurkan dalam sūrah Āli ‘Imrān.
3. Mengaplikasikan pendekatan berdakwah sebagaimana yang dianjurkan dalam sūrah Āli ‘Imrān sebagai satu pendekatan yang boleh digunapakai dan membuat sebarang pengubahsuaian yang bersesuaian.
4. Memberi kefahaman kepada masyarakat bahawa kewajipan berdakwah itu tidak terbatas kepada golongan tertentu sahaja.
5. Menyumbang ke arah kegiatan berdakwah kepada golongan wanita dengan lebih efektif dan lebih komited lagi.

1.5 Skop Kajian

Merujuk khusus kepada persoalan dakwah dan dihubungkan dengan peranan wanita terdapat di dalam sūrah Āli ‘Imrān. Tumpuan kajian adalah kepada kelompok-kelompok ayat yang terdapat di dalamnya iaitu 104, 110 dan 114 serta 159 dengan mengaitkan di antara satu kelompok ayat dengan satu kelompok ayat yang lain. Di samping itu, penyelidik turut menyebut ayat-ayat lain di dalam sūrah Āli ‘Imrān khususnya dan di dalam al-Qur’ān umumnya, sebagai sokongan kepada ayat-ayat yang menjadi tumpuan penyelidikan.

1.6 Huraian Istilah

Sūrah Āli ‘Imrān : Merupakan sūrah ketiga dalam susunan al-Qur’ān, selepas sūrah al-Fātihah dan sūrah al-Baqarah.

Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji beberapa ayat al-Qur’ān daripada sūrah Āli ‘Imrān yang berkaitan dengan tajuk dakwah.

Dakwah : Kegiatan menyeru dan membimbing serta meyakinkan secara baik dalam usaha mempengaruhi orang lain supaya menyadari (menghayati) dan mengamalkan ajaran agama yang sebenarnya.¹

1.7 Ulasan Kajian Lepas

Sepanjang kajian penyelidikan dalam menyiapkan kajian ilmiah “Peranan Wanita Dalam Dakwah : Mengikut Perspektif al-Qur’ān : Kajian sūrah Āli ‘Imrān”, hanya terdapat sebuah buku yang membicarakan berkaitan dengan isi perbincangan disertasi ini iaitu pendakwah wanita. Buku ini bertajuk *al-Nisa’ al-Da’iyāt* karangan Tawfīq Yūsuf al-Wa’ī.

Buku ini memberi penekanan kepada kepentingan pendakwah wanita dalam berdakwah dengan sokongan dalil-dalil ayat al-Qur’ān. Di samping itu, antara penemuan terpenting ialah media penyampaian dakwah khusus bagi pendakwah wanita. Antaranya penyampaian dakwah dengan perkataan, radio dan ceramah. Ciri penting buku ini juga, dalam setiap sudut dan aspek yang dibincangkan, penyelidik akan memberikan contoh-contoh para pendakwah wanita yang terkemuka sejak dari kurun pertama hijrah seperti Aisyah r.anha, Fatimah r.anha, Fatimah al-Khattāb r.anha dan lain-lain lagi.

¹ Sheikh Othman Sheikh Salim *et al* (1989), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 244.

Berbanding dengan kajian yang akan dijalankan, buku ini lebih memfokuskan kepada persoalan dakwah wanita dan media yang digunakan. Sementara kajian ini akan mengupas peranan yang perlu dimainkan oleh wanita berdasarkan ayat-ayat dakwah yang dipetik dari sūrah Āli ‘Imrān.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan satu unsur penting dalam satu kajian ilmiah bagi memastikan keobjektifan sesuatu kajian itu tercapai.

Dalam melaksanakan kajian ilmiah ini, penyelidik merangka langkah kerja berpandukan beberapa peringkat asas penyelidikan; memilih permasalahan penyelidikan, merumuskan rekabentuk penyelidikan, mengumpul data, menganalisa data dan seterusnya merumuskan dapatan dari kajian yang dijalankan.²

Secara terperinci, penyelidik menggunakan beberapa metode penting dalam suatu kajian ilmiah iaitu;

1) Metode pengumpulan data

Metode ini merupakan proses pada peringkat awal kajian ilmiah. Signifikannya metode ini ialah bilamana sumber dan asal-usul sesuatu data itu diperolehi akan memberi impak dari segi validiti dan objektiviti sebagai sebuah

² Kenneth D. Bailey(1992), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5

hasilan ilmiah. Di sini penyelidik mengetengahkan sumber bersifat premier dan sekunder.³

Antara metode pengumpulan data dalam kajian ilmiah ini ialah :

a. Metode historis

Metode ini digunakan bagi memperolehi data tentang latarbelakang masalah dan perbahasan *asbāb nuzūl* ayat-ayat al-Qur'ān dan *asbāb wurūd* hadith-hadith al-Syarīf.

b. Metode dokumentasi

Merupakan pengumpulan dokumen secara mengkaji dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah yang diteliti.⁴ Dalam kajian ilmiah ini, penyelidik telah melakukan kajian terhadap segala dokumen yang relevan, seterusnya diolah dan dipilih, serta diperbandingkan dan dibuat rumusan akhir.

Dokumen bermaksud benda bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan seperti gambar, potret, hukum hakam atau undang-undang, autobiografi, surat-surat peribadi, akhbar, buku harian dan cerita rakyat. Al-Qur'ān dan al-Hadīth dianggap sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin keaslian.⁵

³ Idris Awang *et al.* (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 7.

⁴ Abdul Halim Mat Diah(1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 117.

⁵ Abdul Halim Mat Diah(1986), *Filsafat Pendidikan Islam di Malaysia Kajian Ilmiah* (IAIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta, h.116.

Penyelidik menggunakan kaedah ini dalam menulis semua bab. Dokumen-dokumen yang penyelidik gunakan dalam membuat penyelidikan bagi kajian ilmiah ini ialah :

1. al-Qur'ān al-Karīm
2. al-Hadīth al-Syarīf
3. Kamus-kamus bagi memahami maksud perkataan
4. Buku-buku tulisan ulamak terdahulu dan kontemporari
5. Bahan-bahan bacaan dan nota-nota yang relevan dari seminar dan ceramah dan seumpamanya
6. Kajian-kajian ilmiah yang didokumentasikan
7. Akhbar, majalah dan risalah
8. Laman-laman web

2) Metode analisis data

Seterusnya, data-data mentah yang terkumpul akan dikaji dan dibuat analisa dan kajian secara lebih terperinci dengan mengambil kira segala bukti-bukti dan fakta-fakta yang penting dan sokongan.⁶

Dalam proses penting ini, penyelidik menggunakan dua metode yang popular ; metode induktif dan metode deduktif.

a. Metode induktif

Cara menganalisa data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil bersifat umum.⁷

⁶ Idris Awang *et al.* (2006), *op. cit.*, h. 8.

Penyelidik menggunakan metode ini bilamana membawa perbahasan bagaimana seorang pendakwah itu hendaklah menghormati kedua ibubapa mereka dan melayan mereka sebaik-baiknya walaupun mereka itu tidak memeluk Islam. Bukti ini menunjukkan bahawa Islam itu adalah agama ihsan yang mementingkan berbuat kebaikan tanpa mengambilkira latarbelakang.

b. Metode deduktif

Merupakan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil-dalil umum terhadap dalil-dalil khusus.⁸ Metode deduktif ini digunakan sebagai contoh, apabila penyelidik mengutarakan latarbelakang permasalahan umum dakwah dalam masyarakat untuk sampai kepada permasalahan khusus iaitu pendakwah wanita.

c. Metode komparatif

Satu cara membuat kesimpulan melalui perbandingan terhadap data, fakta dan pendapat yang diperolehi semasa melakukan kerja dan penelitian.⁹ Penyelidik menggunakan metode ini dalam membincangkan sifat orang mukmin dan orang munafik dalam bab tiga.

⁷ S. Hidibroto(1976), *Metode Research*, Bandung: Penerbitan Alumni, h.13.

⁸ Andrian D. De Grook(1969), *Methodology: Foundation of Inference and Research In The Behavioural Sciences*, Belgium: Mountain & Co, h.74.

⁹ Gerald S. Ferman & Jade Levin(1975), *Social Sciences Research*, USA: John Wisley & Sons, h.79.

1.9 Sistematika Penulisan

Bab Satu

- Latarbelakang Masalah Kajian, Kenyataan Tentang Masalah Kajian, Objektif Kajian, Kepentingan Kajian, Skop Kajian, Huraian Istilah, Ulasan Kajian Lepas, Metodologi Kajian dan Sistematika Penulisan.

Bab Dua

- Peranan wanita dalam dakwah. (takrif dakwah, dakwah dalam al-Qur'ān dan dakwah wanita dalam al-Qur'ān)

Bab Tiga

- Peranan wanita dalam dakwah mengikut perspektif sūrah Āli 'Imrān. (Pengenalan kepada sūrah Āli 'Imrān dan kajian terperinci peranan wanita dalam dakwah mengikut perspektif Āli 'Imrān.)

Bab Empat

- Pendekatan dakwah yang dianjurkan dalam sūrah Āli 'Imrān.

Bab Lima

- Saranan kepada kaum wanita, kaum lelaki, pihak berwajib, masyarakat dan golongan penerima / sasaran dakwah

BAB DUA

PERANAN WANITA DALAM DAKWAH

2.1 Pengenalan

Dakwah adalah satu bidang yang luas merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Tugas menjayakan usaha dakwah adalah tugas yang amat berat yang harus dipikul oleh semua individu muslim tanpa mengira jantina atau kaum. Justeru, tempat dan kedudukan wanita amat penting dan tidak harus dikesampingkan, lantaran wanita adalah satu unsur yang penting dalam sesebuah komuniti masyarakat.

2.2 Kalimah Dakwah Dalam al-Qur'ān dan Sarjana Islam

2.2.1 Pengenalan

Persoalan dakwah merentas zaman, bukan hanya menjadi tanggungjawab Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat r.anhum sahaja, malah adalah menjadi tugas semua manusia sehingga akhir zaman. Persoalan dakwah banyak disentuh dalam al-Qur'ān memperlihatkan peri pentingnya usaha ini digembelengkan dalam menjadikan agama Allah s.w.t. pegangan semua manusia.

2.2.2 Definisi Dakwah

i) Definisi dakwah menurut Bahasa Arab

Dakwah berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu **يَدْعُو - دَعَا**.
Perkataan dakwah digunakan dalam al-Qur'ān sebanyak 180 kali.¹⁰ Dari segi penggunaan Bahasa Arab, membawa maksud minta menghadirkan sesuatu, jerit dan memanggilnya serta meminta pertolongan kepadanya.¹¹

Apabila ditinjau penggunaannya dalam al-Qur'ān, *al-da'wah* membawa beberapa makna yang berbeza. Oleh yang demikian, *al-da'wah* dari segi Bahasa Arab berdasarkan penggunaannya dalam al-Qur'ān boleh didefinisikan sebagai :

a) **meminta dan memohon**. Antara ayat al-Qur'ān yang mengandungi perkataan

الدعوة dengan makna ini ialah :

1. Firman Allah s.w.t :

هٰذَاكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ ۖ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً
إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ

Sūrah Āli 'Imrān (3) : 38

Maksudnya : *Di sanalah Zakaria memohon kepada Tuhannya seraya berkata : Ya Tuhanku, berilah aku dari sisi Engkau*

¹⁰ Muhammad Shafiq (1996), *Islamic Da'wah : A Message For All*. Pakistan: Universal Books, h.15

¹¹ Ibrāhīm Mustafā(1986), *al-Mu'jam al-Wasīt*. Istanbul: Dār al-Da'wah, h. 286.

seorang anak yang baik. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar Doa.

Perkataan **دَعَا** dalam ayat di atas membawa maksud meminta atau memohon. Nabi Zakaria a.s. telah memohon kepada Tuhannya agar mengurniakan seorang anak. Apabila baginda melihat bagaimana Maryam dikurniakan Allah s.w.t. rezeki berupa buah-buahan pada waktu kemarau dan hujan, maka Nabi Zakaria a.s. mula merasa ingin mempunyai anak dari darah dagingnya sendiri walaupun baginda sudah tua dan beruban seluruh rambutnya. Lantas Nabi Zakaria a.s. mengangkat tangan memohon kepada Allah s.w.t. agar mengabulkan hajatnya itu.¹²

2. Firman Allah s.wt. :

❖ وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا خَوَّلَهُ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِيَ مَا كَانَ يَدْعُوهُ إِلَيْهِ مِنْ قَبْلُ وَجَعَلَ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلَّ عَنْ سَبِيلِهِ قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ قَلِيلًا إِنَّكَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ

Sūrah al-Zumar (39) : 8

Maksudnya : *Dan apabila manusia ditimpa kemudaratan, dia memohon (pertolongan) kepada Tuhannya dengan kembali kepadaNya. Kemudian apabila Tuhan memberikan nikmatNya kepadanya, lupalah dia akan kemudaratan yang pernah dia berdoa (kepada Allah)(untuk menghilangkannya) sebelum itu dan dia mengada-adakan sekutu-sekutu bagi Allah untuk menyesatkan (manusia) dari jalanNya. Katakanlah : Bersenang-senanglah dengan kekafiranmu itu sementara waktu, sesungguhnya kamu termasuk penghuni*

¹² Abū al-Fida' Ismā'il Ibn Kathīr (t.t.), Muhammad Ali al-Sābūnī(ed.), *Mukhtasar Tafsīr Ibn Kathīr*, j. 1. Beirut : Dār al-Qur'ān al-Karīm, h. 280.

neraka.

Dalam sūrah al-Zumar ayat 8 tersebut, perkataan **دَعَا** juga membawa maksud memohon atau berdoa. Bila mana manusia apabila berada dalam kesusahan akan kembali kepada Allah s.w.t. memohon doa kepadaNya, tetapi kemudian apabila dia dikurniakan nikmat dengan dihilangkan kesusahannya dan dia menjadi senang, dia lantas lupa lalu meninggalkan Tuhannya. Dia tidak lagi mahu berdoa kepada Pencipta, begitulah perangai manusia yang kufur.¹³

b) **panggil**. Antara ayat al-Qur'ān yang mengandungi perkataan *al-da'wah* dengan makna ini ialah :

1. Firman Allah s.w.t :

وَادْعُوا مَنِ اسْتَطَعْتُمْ مِّن دُونِ اللَّهِ

Sūrah Yūnus (10) : 38

Maksudnya : *Dan panggillah siapa-siapa yang dapat kamu panggil (untuk membuatnya) selain Allah.*

Dalam sūrah Yūnus, ayat 38 di atas kalimah **ادعوا** memberi makna panggil. Kalimah tersebut merupakan kalimah *al-amr*, yang menunjukkan kata perintah. Allah Ta'āla berfirman : Sekiranya timbul sebarang keraguan dalam dirimu bahawa kitab al-Qur'ān ini dibawa oleh Muhammad s.a.w. sedangkan

¹³ Ahmad Sonhadji Mohamad(1990), *Tafsir al-Quran*, j. 23. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, h. 222.

baginda manusia seperti kamu, maka panggillah sesiapa sahaja selain Allah s.w.t. dari kalangan jin dan manusia untuk mencipta kitab seumpama dengannya.¹⁴

2. Firman Allah s.w.t :

وَادْعُوا مَنِ اسْتَطَعْتُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Sūrah Hūd (11) : 13

Maksudnya : *Dan panggillah orang-orang yang kamu sanggup (memanggilnya) selain Allah, jika kamu memang orang-orang yang benar.*

Kalimah **ادعوا** di atas juga merupakan kalimah *al-amr* yang menunjukkan perintah. Kalimah tersebut membawa makna panggillah. Allah s.w.t. menjelaskan bahawa kitab al-Qur'ān itu mempunyai kelebihan dan tiada makhluk yang mampu menandinginya. Ini adalah kerana kata-kata Allah s.w.t. tidak dapat ditandingi oleh kata-kata makhluk yang bersifat lemah. Kemudian Dia memerintahkan mereka yang ingkar itu untuk memanggil sesiapa sahaja yang mereka rasakan dapat menyaingi ketinggian mutu al-Qur'ān.¹⁵

c) **mendakwa**. Antara ayat al-Qur'ān yang mengandungi perkataan *al-da'wah* dengan makna ini ialah

1. Firman Allah s.w.t:

¹⁴ Ibn Kathīr (t.t.), *op. cit.*, j.2, h. 194.

¹⁵ *Ibid.*, h. 214.

أَنْ دَعَوْا لِلرَّحْمَنِ وَلَدًا

Sūrah Maryam(19):91

Maksudnya : *Kerana mereka mendakwa Allah Yang Maha Pemurah mempunyai anak.*

Dalam ayat di atas, kalimah **دَعَوْا** membawa maksud mendakwa. Hamka menukilkan bahawa makhluk ciptaanNya, langit dan bukit-bukau hampir runtuh apabila sahaja mendengar mereka mengatakan bahawa Tuhan mempunyai anak.¹⁶ Maha Suci Allah dari disekutui sesuatu dari makhluk ciptaanNya.

d) **mengharap**. Antara ayat al-Qur'ān yang mengandungi perkataan *al-da'wah* dengan makna ini ialah

1. Firman Allah s.w.t. :

وَإِذَا أُلْقُوا مِنْهَا مَكَانًا ضَيِّقًا مُّقَرَّنِينَ دَعَوْا هُنَالِكَ
ثُبُورًا

Sūrah al-Furqān(25):13

Maksudnya : *Dan apabila mereka dilemparkan ke tempat yang sempit di neraka itu, dengan dibelenggu, mereka di sana mengharapkan kebinasaan.*

¹⁶ Hamka(1985), *Tafsir Al-Azhar*,j. 16. Singapura: Pustaka Nasional PTE, h. 4374.

Kalimah **دعوا** memberi makna ‘mengharap’. Kalimah ini adalah kalimah yang menunjukkan perkara yang telah berlaku di masa lepas. Ia berkisar di mana ketika manusia dicampakkan ke dalam neraka, mereka tidak bertanggung lagi menahan azab pedih. Timbul pengharapan daripada mereka agar mereka dibinasakan sahaja lantaran kesakitan yang amat sangat.¹⁷ Mereka sebenarnya tidak mengerti dan termasuk dari kalangan mereka yang rugi.

Berdasarkan penggunaan perkataan *al-da'wah* dalam al-Qur'ān, dapat disimpulkan bahawa dakwah dalam Bahasa Arab mempunyai pelbagai makna yang berbeza. Perbezaan ini adalah disesuaikan dengan kehendak ayat dan konteks ayat al-Qur'ān itu sendiri.

ii) Definisi dakwah menurut istilah syarak

a) Perkataan **دعوة** digunakan sebagai maksud **risalah** (menyampaikan mesej Allah s.w.t. kepada manusia) dan dalam bentuk perbuatan ; **seru**. Setiap Rasul dalam Islam dipanggil pendakwah kepada Allah s.w.t. iaitu mereka yang mengajak orang lain kepada Allah. Dalam al-Qur'ān, ayat yang menyentuh tentang dakwah ialah :

1. Firman Allah s.w.t :

¹⁷ Ibn Kathīr (t.t.), *op. cit.*, h. 626.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ



Sūrah al-Nahl (16) : 125

Maksudnya : *Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berbincanglah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.*

Dalam ayat di atas, kalimah ادع membawa maksud serulah. Ayat tersebut menerangkan bahawa Allah s.w.t memberi pimpinan kepada orang-orang yang hendak melakukan dakwah, iaitu seruan agama, agar orang yang ingin diseru itu terbuka hatinya untuk memeluk agama Islam dengan sukarela. Caranya ialah berdakwah dengan berhikmah. Hikmah membawa pengertian yang banyak, di antaranya ialah berlemah lembut, penyantun dan bijaksana. Termasuk dalam pengertian hikmah juga pengajaran yang baik, nasihat-nasihat dan contoh teladan yang boleh diikuti dalam keadaan mudah difahami dan dapat menarik hati orang.¹⁸

Menurut al-Marāghī pula, kalimah ادع memberi makna perintah Allah s.w.t. kepada RasulNya, “Serulah orang yang engkau diutuskan kepada mereka

¹⁸ Ahmad Sonhadji (1990), *op. cit.*, j. 16, h. 233.

dengan cara menyeru mereka kepada syariat yang telah digariskan oleh Allah s.w.t.¹⁹

2. Firman Allah s.w.t. :

وَالَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَفْرَحُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمِنَ الْأَحْزَابِ
مَنْ يُنْكِرُ بَعْضَهُ قُلْ إِنَّمَا أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا أُشْرِكَ بِهِ
إِلَيْهِ أَدْعُوا وَإِلَيْهِ مَعَابِ

Sūrah al-Ra'd (13) : 36

Maksudnya : Orang-orang yang telah Kami berikan kitab kepada mereka bergembira dengan kitab yang diturunkan kepadamu, dan di antara golongan-golongan yang bersekutu ada yang mengingkari sebahagiannya. Katakanlah, sesungguhnya aku hanya diperintah untuk menyembah Allah s.w.t. dan tidak mempersekutukan sesuatu pun dengan Dia. Hanya kepadaNya aku menyeru (manusia) dan hanya kepadaNya aku kembali.

Kalimah **ادعوا** membawa maksud aku menyeru. Dalam ayat di atas orang-orang yang diberikan kitab ialah orang-orang Yahudi dan Nasrani yang tidak dihiraukan oleh penyakit hawa nafsu. Di dalam kitab-kitab Taurat dan Injil ada disebutkan perihal di akhir zaman nanti, akan datang seorang Rasul bagi menyempurnakan syariat Nabi-nabi terdahulu. Setelah mereka melihat perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. dan mereka dapati apa yang berlaku seperti mana yang tercatat dalam kitab mereka, maka mereka pun merasa sangat gembira sebab telah datang orang yang telah lama ditunggu itu. Orang Yahudi yang bernama Abdullah

¹⁹ Ahmad Mustafā al-Marāghī, (2001), *Tafsīr al-Marāghī*, j. 4. Muhammad Thalib (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3867.

bin Salām segera memeluk Islam setelah mendengar beberapa ayat al-Qur’ān yang dibacakan kepadanya, kerana merasakan isi kandungan ayat-ayat itu tepat menurut Hukum Sepuluh yang terkenal. ‘Adī bin Hātim dan saudara perempuannya, dua putera dari Hātim Tai, dermawan pemurah bangsa Arab yang terkenal dan pemeluk agama Nasrani, datang sendiri ke Mekah dan bertemu dengan Rasulullah s.a.w., lalu dengan gembira dan besar hati akur kepada ajaran Islam. Tetapi selanjutnya Allah s.w.t. menerangkan pula bahawa ada di kalangan orang Yahudi itu mengingkari ayat-ayat al-Qur’ān. Namun Allah Ta’āla tetap memerintahkan RasulNya agar bersikap tegas menyatakan pendirian, “Katakanlah, sesungguhnya aku hanya diperintah untuk menyembah Allah s.w.t. dan tidak mempersekutukan sesuatu pun dengan Dia. Hanya kepadaNya aku menyeru (manusia) dan hanya kepadaNya aku kembali. Pendirian itulah yang sentiasa diulang-ulang, ditegaskan dan dijelaskan kepada kaum musyrikin yang menyembah berhala dan juga terhadap kaum yang diturunkan kitab.²⁰

3. Firman Allah s.w.t. :

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا
وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Sūrah Fussilat (41) : 33

Maksudnya : *Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah s.w.t., mengerjakan amal yang salih dan berkata: sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri*

²⁰ Hamka(1990), *Tafsir al-Azhar*, j. 13.Singapura: Pustaka Nasional PTE, h. 3769.

Kalimah **دعا** bermaksud menyeru. Menurut al-Marāghī, tidak ada seorang pun yang lebih baik perkataannya daripada orang yang mempunyai tiga sifat seperti berikut²¹ iaitu

i. **Menyeru manusia supaya mengesakan Allah s.w.t. dan mematuhi perintahNya.**

Ibn Sīrīn, al-Sūdiy, Ibn Zayd dan Hasan berkata, “Orang yang menyeru dalam ayat di atas itu adalah Rasulullah s.a.w. Sementara itu apabila Hasan membaca sūrah ini lalu beliau berkata, “Inilah Rasulullah s.a.w. Inilah *habīb* Allah, inilah *walī* Allah, inilah *saḥwāh* Allah dan inilah *khayrah* Allah. Demi Allah! Baginda adalah penduduk bumi yang paling dicintai oleh Allah s.w.t. dan baginda akan memenuhi setiap seruan Allah s.w.t. dan menyeru manusia supaya memenuhi seruan Allah s.w.t.

ii. **Mengerjakan amal yang baik.**

Amal yang baik iaitu dengan melaksanakan ketaatan dan meninggalkan perkara yang diharamkan.

iii. **Menerima Islam sebagai agamanya dan ikhlas kepada Tuhannya.**

Iaitu seperti ungkapan seseorang: Inilah pegangan dan kepercayaan yang benar.

4. Firman Allah s.w.t. :

²¹ al-Marāghī, (2001), *op. cit.*, j. 12. h. 6071.

يَقُولُونَ أَجِيبُوا دَاعِيَ اللَّهِ وَآمِنُوا بِهِ يَغْفِرَ لَكُمْ مِّن ذُنُوبِكُمْ

Sūrah al-Ahqāf (46) : 31

Maksudnya :*Hai kaum kami, terimalah (seruan) orang yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepadaNya. Nescaya Allah akan mengampuni dosa-dosa kamu.*

Kalimah داعى bermaksud orang yang menyeru. Al-Marāghī mentafsirkan bahawa Allah s.w.t. berfirman (katakanlah wahai Muhammad), Wahai kaum kami! Penuhilah seruan Rasulullah s.a.w. atas apa yang diserukannya kepada kamu, iaitu mentaati Allah s.w.t. dan percayailah apa-apa yang baginda bawa berupa perintah dan larangan Allah s.w.t.. Nescaya Allah s.w.t. pasti akan mengampuni sebahagian dosa dan menutupinya bagi kamu, serta tidak mengaibkan kamu di akhirat kelak kerana dosa-dosa tersebut, iaitu dengan menghukum kamu atas dosa-dosa tersebut. Dengan itu, Allah s.w.t. juga akan menyelamatkan kamu daripada azab yang pedih apabila kamu telah bertaubat daripada dosamu dan kembali kepada Tuhanmu serta mengikhlaskan ibadat kepadaNya.²²

Sebagai kesimpulannya, maksud *al-da'wah* dari segi istilah syarak ialah semua perkataan dan perbuatan serta penulisan yang bertujuan mengajak dan menyeru manusia ke jalan Allah Ta'āla dan beramal dengan perintahNya serta meninggalkan segala laranganNya.

²² al-Marāghī, (2001), *op. cit.*, h.6365.

Antara pandangan ulama tentang kalimah *al-da'wah* ialah, pertamanya, 'Abd al-Karīm Zaydān. Menurut 'Abd al-Karīm Zaydān, dakwah membawa maksud panggilan ke jalan Allah s.w.t.²³

Firman Allah Ta'āla

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ

Sūrah Yūsof (12) : 108

Maksudnya : *Katakanlah inilah jalan (agama) ku,aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak kamu kepada Allah.*

Yang dimaksudkan dengan ajakan ke jalan Allah ialah ke jalan agama Islam iaitu agama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.²⁴. Firman Allah s.w.t.

رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ

Sūrah Āli 'Imrān (3): 9

Maksudnya : *“Ya Tuhan Kami, sesungguhnya Engkau mengumpulkan manusia untuk (menerima pembalasan) pada hari yang tidak ada keraguan padanya.*

Dengan itu, Islam adalah merupakan objek dakwah dan merupakan unsur pertama dakwah. Rasulullah s.a.w. telah menyebarkan Islam semenjak baginda

²³ Abd al-Karīm Zaydān(1979), *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*.H.M. Aswadi Syukur Lc. (terj.) Jakarta: Penerbit Media Dakwah, h. 1.

²⁴ *Ibid.*

diangkat menjadi Rasul sampai akhir hayat, baginda diutus untuk berdakwah.²⁵

FirmanNya

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًا إِلَى
أَلِّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾

Sūrah al-Ahzāb(33): 45-46

Maksudnya : *Hai Nabi sesungguhnya Kami mengutusmu untuk jadi saksi dan pembawa khabar gembira dan pemberi peringatan. Dan untuk menjadi penyeru kepada agama Allah dengan izinNya dan untuk jadi cahaya yang menerangi.*

Nabi s.a.w. sebagai jurudakwah yang pertama yang memanggil umat manusia ke jalan agama Islam dan dengan demikian Rasulullah s.a.w. sebagai unsur dakwah yang kedua. Umat manusia yang diajak ke jalan agama Allah s.w.t. baik orang Arab atau orang bukan Arab, kerana misinya bersifat universal dan baginda diutus kepada umat manusia seluruhnya. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا
يَعْلَمُونَ

Sūrah Saba'(34): 28

Maksudnya : *Dan Kami tidak mengutus kamu melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*

²⁵ Ibid.

Manusia yang dipanggil dan yang diajak ke dalam Islam merupakan unsur dakwah yang ketiga. Rasulullah s.a.w. menyampaikan dakwah baginda menurut metode dan melalui media yang telah diwahyukan seperti apa yang tercantum dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah. Maka metode dan media serta segala yang berhubung dengan metode dan media adalah merupakan unsur dakwah yang keempat. Dalam huraian di atas, dapat dikatakan bahawa dakwah itu mempunyai unsur: objek dakwah, jurudakwah (*da'i*), penerima dakwah (*mad'ū*), metode(*uslūb*) dan media(*wasīlah*).²⁶

Sementara al-Ghazālī mentakrifkan dakwah sebagai satu program yang lengkap, yang kesemua peringkatnya mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka.²⁷

Dr. Yusuf al-Qaradāwī pula memberi definisi dakwah sebagai usaha membawa orang lain kepada agama Islam, supaya mengikut petunjuk agama ini, melaksanakan segala ketetapanannya di muka bumi ini, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah s.w.t. sahaja, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang bukan daripada Allah (*tāghūt*) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah s.w.t., menafikan hak ke atas orang yang dinafikan hak oleh Allah s.w.t.,

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Abdul Aziz bin Mohd. Zin(1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu Lembah Pantai, h.1.

menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad pada jalanNya.²⁸

Manakala Dr. ‘Abd al-Na’īm Muhammad Hasnīn berpendapat dakwah ialah seruan ke jalan Allah s.w.t. dan beriman denganNya sebagai satu tuhan tiada sekutu bagiNya, beriman dengan malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, hari akhirat, qadha’ dan qadarNya sama ada baik atau sebaliknya. Ia juga membawa manusia ke arah akidah yang memberi faedah dan manfaat kepada mereka dan mengeluarkan mereka dari kesesatan di mana mereka hanyut di dalamnya.²⁹

Ādam ‘Abdullah al-Ālūrī pula menjelaskan bahawa dakwah ialah memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berdasarkan akidah, kerana dakwah merupakan satu seruan bagi menyelamatkan manusia daripada kesesatan yang hampir-hampir mereka terjerumus ke dalamnya.³⁰

Muhammad Shafiq berpendapat dakwah digunakan sebagai maksud risalah iaitu menyampaikan mesej Allah kepada manusia. Dakwah tidak terhad kepada memberi nasihat yang baik sahaja, malah dakwah merangkumi semua

²⁸ *Ibid.*, h. 2.

²⁹ ‘Abd al-Na’īm Muhammad Hasnīn(1984), *al-Da’wah ilā Allah alā Basīrah*. Al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, h.18

³⁰ Abdul Aziz bin Mohd. Zin(1997), *op.cit.*, h. 2.

tingkahlaku dan seluruh aspek kehidupan manusia yang boleh dimanifestasikan melalui perbuatan, ucapan, akhbar dan media elektronik.³¹

Sementara Sheikh Ali Mahfudz pula memberi pandangannya bahawa dakwah Islamiah itu adalah mendorong manusia kepada kebaikan dan petunjuk, melarang perbuatan yang merosak individu dan orang ramai agar mereka memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat.³²

Berdasarkan pandangan beberapa tokoh di atas, dapat dirumuskan bahawa dakwah dalam istilah syariat Islamiah ialah usaha dan perkara-perkara yang dilaksanakan oleh seorang individu muslim atau secara berkumpulan untuk membawa manusia kepada keredhaan Allah s.w.t. dengan cara dan pendekatan tertentu yang dibenarkan di sisi syarak.

2.3 Dakwah Wanita Dalam al-Qur'ān

Dalam al-Qur'ān, banyak disebut tentang wanita. Peranan mereka dalam masyarakat dan agama amat besar sehinggakan ada kalangan sahabiah yang menjadi guru kepada para tabi'in. Bermula dengan institusi keluarga, sehinggalah kepada masyarakat amnya, wanita telah menunjukkan bahawa kehadiran mereka amat diperlukan dan peranan mereka tidak dapat dinafikan lagi untuk kebaikan umat Islam keseluruhannya. Wanita solehah yang disebut dalam al-Qur'ān selalu

³¹ Muhammad Shafiq(1996), *op. cit.*, h.17.

³² H. Asep Muhiddin M. A.(2002), *Dakwah Dalam Perspektif al-Quran*. Bandung : CV Pustaka Setia, h. 32.

dirangkaikan dengan kata amal, manakala amal itu pula pasti disebut selepas kata iman. Amal salih adalah suatu perbuatan yang didasari atas iman dan ilmu yang datang dari Allah s.w.t., sebaliknya amal yang salah pula ialah perbuatan yang tidak bersumber dari iman dan ilmu yang benar.³³

1. Sebagai pembantu kaum lelaki

Tugas dan peranan utama wanita dalam dakwah Islam ialah menjadi pembantu atau penolong kaum lelaki dalam semua aspek. Peranan wanita adalah amat penting kerana mereka adalah sebahagian daripada umat dan suara mereka diperlukan dalam memastikan misi dakwah tercapai. Seorang wanita tugasnya adalah sama pentingnya dengan kaum lelaki, diibaratkan sebagai satu unsur yang penting dalam satu-satu jemaah atau gerakan. Setiap apa yang dilakukan oleh kaum lelaki, wanita ada tempat dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Ini jelas sebagaimana firman Allah Ta'āla

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ

Sūrah al-Taubah (9) : 71

Maksudnya : *Dan orang-orang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) perkara baik, mencegah dari yang mungkar dan mendirikan sembahyang.*

³³ Abu Muhammad Rasyid Ridha(1995), *Ciri dan Fungsi Wanita Shalihah*. Solo : Pustaka Al-Ala, h. 25.

Al-Brusawi mentafsirkan kalimah **اولياء بعضهم** dengan makna sebahagian mereka di atas agama sebahagian yang lain, iaitu bersepakat dalam tauhid dan sebahagian mereka adalah penolong sebahagian yang lain dalam urusan agama dan dunia. Di samping itu, sebahagian mereka adalah juga bertanggungjawab untuk menyampaikan sebahagian yang lain ke satu darjat yang tinggi dengan sebab didikan dan penyucian jiwa serta mereka saling menunjuki kepada jalan Allah Ta'āla.³⁴

Muhammad 'Izzah Darwazah pula berpendapat orang-orang mukmin baik lelaki mahupun wanita yang benar-benar ikhlas adalah menjadi penjamin yang saling bertolongan dalam setiap kebaikan dan kebenaran serta menyuruh kepada perkara makruf dan mencegah perkara-perkara mungkar. Kaum wanita mukmin diletakkan pada kedudukan ini adalah sebagai menguatkan lagi bukti tentang sumbangan para wanita mukmin di zaman Nabi s.a.w. dan penglibatan mereka dalam pelbagai situasi dalam bidang dakwah. Di samping itu, terdapat makna lain dalam menyebut wanita digandingkan dengan kaum lelaki mukmin dalam ayat ini, iaitu sebagai sokongan al-Qur'ān terhadap syakhsiah wanita di samping lelaki dalam masyarakat Islam serta persamaan mereka dengan lelaki di sisi masyarakat, politik dan hak dalam pelbagai *taklīf* syarak terutama dalam hal menyeru kepada perkara makruf dan mencegah perkara mungkar.³⁵

³⁴ Ismā'īl Haqqī al-Brusawī(2001), *Tafsīr Rūh al-Bayān*, j. 3. Beirut: Dār Ihya al-Turāth al-Arabiyy, h. 589.

³⁵ Muhammad 'Izzah Darwazah(1961), *al-Tafsīr al-Hadīth Tartīb al-Suwar Hasbu al-Nuzūl*, j. 9.Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi, h. 495.

Saling bergantung dan bekerjasama dengan kaum lelaki pada setiap perkara yang melibatkan masyarakat dengan penuh kebaikan adalah merupakan penyebab wanita mukmin layak mendapat syurga dan kekal di dalamnya sebagaimana janji Allah Ta'āla.³⁶

Sūrah ini merupakan antara sūrah terakhir yang diturunkan dalam persoalan ini. Ini merupakan bukti kukuh di mana wanita disebut pada akhir sūrah al-Qur'ān adalah merupakan sokongan kepada kedudukan wanita dalam masyarakat Islam dari segi politik dan kemasyarakatan atas dasar persamaan dengan kaum lelaki.³⁷

Ahmad Sonhadji berpendapat kaum wanita dan lelaki mukmin saling pimpin-memimpin dan bantu-membantu sesama mereka dengan rasa kasih sayang yang dijalin oleh semangat persaudaraan. Tugas pimpin-memimpin dan bantu-membantu ini termasuklah juga kaum wanita kerana mereka turut memainkan peranan besar, umpamanya dalam masa berperang dan dalam urusan yang berkaitan ketenteraan dan pengorbanan harta. Para isteri Nabi s.a.w. dan isteri-

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*

isteri para sahabat r.‘anhunna pernah keluar bersama askar mukmin dalam medan perang. Tugas mereka adalah membantu memberikan minuman, menyediakan makanan, merawat cedera dan meniup semangat perjuangan ke dalam jiwa askar. Rasa persaudaraan, tolong-menolong, bantu membantu, sayang-menyayang antara seorang mukmin dengan yang lain diumpamakan Nabi s.a.w. suatu kumpulan yang membentuk tubuh yang satu atau berupa sebuah bangunan yang satu menguatkan yang lain. Mereka bersatu untuk mempertahankan kebenaran, keadilan dan meninggikan kalimah Allah Ta’āla.³⁸

Hamka mentafsirkan kalimah **اولياء** sebagai pimpinan atau pemimpin.

Ini adalah perbezaan yang besar antara orang mukmin dan munafik di mana di kalangan orang munafik, terdapat perangai yang sama dan kelakuan yang sama. Namun, di antara mereka sesama mereka tidak ada sifat pimpin-memimpin dan bimbing-membimbing. Ini adalah kerana orang munafik masing-masing mementingkan diri sendiri dan sekiranya mereka bersatu, hanya kerana mereka ada kepentingan mereka sendiri. Tetapi jika ada kesempatan, mereka akan saling mengkhianati antara satu sama lain. Berbeza dengan orang-orang mukmin, mereka bersatu, pimpin-memimpin antara satu sama lain dan bantu-membantu antara kaum lelaki dan wanita. Dipaterikan kesatuan mereka atas kesatuan akidah iaitu percaya kepada Allah Ta’āla.³⁹

Sifat bantu-membantu ini jelas apabila dilihat bagaimana golongan Suffah yang mendiami masjid berdekatan Madinah, makanan dan minuman mereka

³⁸ Ahmad Sonhadji Mohamad(1989), *Tafsir al-Quran*, j. 10.Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan, h. 495.

³⁹ Hamka(1984), *Tafsir al-Azhar*, j. 10.T.T.P.: Panji Masyarakat, h. 292.

adalah dihantar oleh orang-orang yang mampu di kalangan orang mukmin. Para wanita mukminah pada zaman itu juga turut bersama-sama ke medan perang kerana mereka berpegang dengan agama yang sama. Di dalam hadith sahih al- al-Bukhārī dan Muslim telah diterangkan bahawa Fatimah binti Rasulullah s.a.w. bersama Ummu Sulaim dan Aisyah r.anhunna turut bersama dalam Perang Uhud. Tugas mereka adalah bersesuaian dengan tugas-tugas seorang wanita seperti menyediakan makanan dan mengubat luka. Dalam Perang Khaibar juga, terdapat ramai kaum wanita mukmin yang turut serta melaksanakan tugas-tugas yang bersesuaian sehingga ada yang bersedia mengangkat senjata. Rasulullah s.a.w. juga turut memberikan kepada mereka bahagian dalam pembahagian harta *ghanīmah*.⁴⁰ Dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī juga diceritakan bagaimana kaum wanita pada zaman Nabi s.a.w. turut sama terlibat dalam perang melawan musuh dengan menjalankan tugas-tugas yang bersesuaian dengan fitrah mereka. Daripada contoh-contoh ini, dapat dilihat bahawa kaum lelaki yang beriman dengan kaum wanita yang beriman adalah saling pimpin-memimpin antara satu sama lain. Ini menunjukkan kaum wanita pun turut mengambil bahagian penting dalam menegakkan agama, bukan hanya kaum lelaki.⁴¹

Dalam mentafsirkan **يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ**, Hamka berpandangan, dengan semangat tolong-menolong dan pimpin-memimpin yang wujud dalam diri para mukmin lelaki dan wanita itu, mereka menegakkan amal dan membangun masyarakat Islam, iaitu masyarakat orang yang beriman lelaki dan wanita. Kalau ada pekerjaan yang baik, semua mereka akan menegakkannya

⁴⁰ Harta rampasan perang.

⁴¹ *Ibid.*

dan sekiranya ada perbuatan mungkar pula, semua mereka akan menentang sehinggalah mereka mempunyai suatu pandangan umum yang baik. Tidak ada sebarang penghinaan kepada kaum wanita oleh pihak lelaki mahupun sebaliknya, seperti masalah tuntutan hak. Ini adalah kerana semua hak telah dibahagikan secara adil.⁴²

Dalam frasa **وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ**, Hamka mentafsirkan kerana dengan mendirikan sembahyang, orang mukmin akan mendapat dua hubungan. Pertama hubungan dengan Allah Ta'āla dalam ibadat, kedua hubungan sesama mukmin dengan berjemaah. Dari sembahyang yang didirikan secara berjemaah itu, bertambah subur amar makruf dan nahi mungkar kerana ukhuwwah terikat padu dalam ibadat. Setelah selesai mengerjakan sembahyang mereka akan kembali berusaha untuk hidup dengan bercucuk tanam, berniaga dan berternak. Manakala hasil dari usaha mereka itu, mereka akan dikeluarkan untuk dibayar zakat pula.⁴³

Dalam satu hadith yang diriwayatkan daripada Abū Saīd al-Khudrī, Nabi bersabda⁴⁴

عن ابي سعيد الخدري قالت النساء للنبي صلى الله عليه وسلم غلبنا عليك
الرجال فاجعل لنا يوما من نفسك فوعدهن يوما لقيهن فيه فوعدهن وامرهن

⁴² *Ibid*, h. 293.

⁴³ *Ibid*.

⁴⁴ Muhammad b Ismā'īl Abū Abd Allah al-Bukhārī(1980), *Sahīh al-Bukhārī*. Kitāb Solat, Bab Orang Perempuan Meminta Izin Kepada Suaminya Untuk Keluar Pergi Ke Masjid, no hadith 817.

فكان فيما قال لهن : ما منكن امرأة تقدم ثلاثة من ولدها الا كان لها حجابا من النار. فقالت واثنيتين. فقال واثنيتين.

Maksudnya : *Dari Abū Saīd al-Khudrī r.a. katanya: Sejumlah wanita mengajukan permohonan kepada Nabi s.a.w., “Kami tidak memperoleh waktu untuk belajar dari Tuan, kerana semua waktu telah diisi oleh para pemuda. Oleh kerana itu, sediakanlah waktu satu hari untuk kami agar kami dapat belajar.” Maka Nabi s.a.w. menjanjikan kepada mereka suatu pengajian khusus untuk wanita, di mana Nabi s.a.w. dapat mengajar mereka dan menyampaikan perintah-perintah Allah. Antara lain baginda s.a.w. bersabda: “Barangsiapa di antara kamu ditimpa musibah, kematian tiga orang anak. Maka kematian mereka akan menjadi pendinding baginya dari api neraka”. Bertanya seorang wanita, “Kalau dua orang?” Kemudian jawab baginda: “Ya, dua orang juga.”*

Maksud kalimah **فاجعل لنا** (Maka sediakanlah untuk kami) atau tentukanlah untuk kami. Namun demikian, pilihan dan ketetapan dikembalikan kepada Rasulullah s.a.w. Ini bermakna Rasulullah s.a.w. memerintahkan untuk bersedekah. Penghapusan objek iaitu sedekah yang diperintahkan, adalah untuk menyamaratakan semua perintah-perintah Allah Ta’āla. Seorang wanita berkata, dan wanita itu ialah Ummu Sulaim. Menurut sumber yang lain pula, wanita tersebut bukanlah Ummu Sulaim. Golongan muslimah pada waktu itu mahu mendapat pengajaran terus daripada Rasulullah s.a.w. sebagaimana kaum lelaki yang gigih menuntut ilmu daripada baginda. (Dan dua), menurut riwayat al-Karīmah dengan tambahan huruf ta *al-ta’ nith*.⁴⁵

⁴⁵ Ibn Hajar al-‘Asqalāni, (2002), *Fath al-Bārī*. ‘Abd al-‘Azīz Abdullah bin Bāz (terj.). Jakarta: Pustaka Azzam, h. 377.

Daripada hadith di atas, dapat disimpulkan peranan yang besar kaum wanita mukmin sejak dari zaman Nabi s.a.w. Mereka tidak betah duduk diam di rumah sahaja, malahan mereka ingin turut sama giat menuntut ilmu dan ingin berbakti kepada agama sebagaimana kaum lelaki. Muslimah di zaman Nabi s.a.w. ingin supaya peranan dan kedudukan mereka juga diberi perhatian sewajarnya dan diiktiraf oleh agama.

2. Sebagai pentadbir rumahtangga suaminya

وَأَذْكُرْنَ مَا يُتْلَىٰ فِي بُيُوتِكُنَّ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ وَالْحِكْمَةِ

Sūrah al-Ahzāb(33): 34

Maksudnya : *Dan ingatlah (serta amalkanlah) apa yang dibaca di rumah kamu dari ayat-ayat Allah (al-Qur'ān) dan hikmah pengetahuan (hadith-hadith Rasulullah).*

Tugas berdakwah yang meliputi semua aspek tidak hanya terhad kepada perkataan baik berupa nasihat, malah merangkumi semua aspek dalam kehidupan seorang insan. Dalam ayat di atas, menekankan peri pentingnya wanita menjalankan tugas utamanya di dalam rumahtangga. Dalam konteks ini, seorang muslimah hendaklah menjalankan peranannya dengan berkesan dalam menyeru ke arah kebaikan yang berupa semua perkara yang membawa kebaikan dan manfaat kepada ahli rumahnya dalam perkara agama dan keduniaan.

Wanita harus memainkan peranannya yang aktif di rumahnya kerana wanitalah yang harus mengatur urusan rumahtangga dan menjaga apa pun yang ada di dalamnya berdasarkan hadits Sahih Muslim:⁴⁶

الا كلکم راع و کلکم مسؤل عن رعیتہ فالامیر الذی علی الناس راع وهو
مسؤل عن رعیتہ والرجل راع علی اهل بیتہ وهو مسؤل عنهم والمرأة راعیة
علی بیت بعلها وولده وهي مسؤلة عنهم

Maksudnya : *Kamu semua adalah pemimpin dan kamu akan ditanya pimpinan kamu. Maka seorang ketua bagi manusia adalah pemimpin dan dia akan ditanya tentang pimpinannya. Dan seorang lelaki adalah pemimpin ahli keluarganya dan dia akan ditanya tentang pimpinannya. Dan wanita adalah pemimpin di rumah suaminya dan anak-anaknya dan dia akan ditanya tentang mereka.*

Menurut para ulama, **الراعى** ialah penjaga yang diberi amanah dan bertanggungjawab ke atas mereka yang di bawah jagaannya. Setiap penjaga juga dikehendaki berlaku adil kepada mereka dan menunaikan tanggungjawabnya dengan berusaha untuk kebaikan mereka dalam hal agama dan dunia serta apa yang berkaitan dengannya.⁴⁷

Wanita adalah penjaga bagi rumahtangga suaminya, oleh itu hendaklah seseorang itu berusaha untuk menjaga hal ehwal rumahtangga dengan sebaiknya dari segi kebersihan, kekemasan, hal ehwal ekonomi dan seumpamanya. Tanggungjawab yang diamanahkan di atas pundaknya itu akan dipersoalkan di

⁴⁶ Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj(t.t), *Mukhtasar Sahīh Muslim*. Kitāb al-Imārah, Bāb Kullukum Rā'i wa Kullukum Mas'ul 'An Ra'iyatih, no hadith 1201.

⁴⁷ Muhy al-Dīn al-Nawāwī(1996), *Sahīh Muslim bi Sharh al-Imām Muhy al-Dīn al- Nawāwī*, j. 11.Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 417.

akhirat kelak. Sebagai pentadbir rumahtangga, seorang wanita harus memperhatikan ekonomi keluarga dengan tidak berbelanja secara boros. Saling ingat mengingatkan, tegur menegur antara satu sama lain agar tidak boros dalam menggunakan sesuatu barang adalah satu langkah bijak. Teguran bagaimanapun hendaklah dilakukan dengan cara beradab, sopan dan lembut dan elakkan daripada kurang beradab dan kasar.⁴⁸

Rumahtangga yang baik menyediakan satu ruang yang amat luas untuk seorang muslimah menyalurkan ilmu dan kemahirannya membentuk satu generasi masa depan yang cemerlang. Ini adalah kerana rumah adalah satu institusi kecil dalam sesebuah masyarakat yang akhirnya akan membentuk sebuah negara. Apabila wanita baik maka akan terbentuklah sebuah keluarga yang baik dan natijahnya sebuah masyarakat yang baik. Justeru, para wanita yang sedang bergelanggang dalam perjuangan Islam jangan ada perasaan *inferiority complex* atau perasaan rendah diri kerana terbatasnya medan pergerakan wanita Islam yang tidak seperti luasnya langkah wanita di negara Barat bukanlah bererti sempitnya perjuangan dan pengorbanan. Satu perjuangan walaupun nampak gah, tetapi jika diatur oleh otak manusia, ianya akan musnah sebagaimana hebatnya wanita Barat berdemonstrasi dan memperjuangkan kepada kehancuran moral. Wanita Islam walaupun gelanggangnya kebanyakan di persekitaran rumah tapi sebenarnya peranan mereka adalah besar.⁴⁹

⁴⁸ Said Mohd Addib(1996), *Peraturan Rumahtangga Muslim*. Mahyuddin Hamat(terj.). Ampang: Akademi Al-Hikmah, h. 48.

⁴⁹ Maimunah Haji Arshad(1997), Maimunah Haji Arshad(1997), *Di Sebalik Kelembutan Isteri Dan Kegagahan Suami*. Johor Bharu : Jahabarsa, h. 157.

Pembahagian tugas secara adil di dalam kehidupan alam ini, mengharuskan laki-laki untuk bekerja di luar rumah, sedangkan wanita bekerja di dalam rumah. Sejalan dengan tugas-tugas khusus yang telah dijadikan Allah bagi wanita ini, maka wanita juga mempunyai ciri-ciri khusus yang memang sesuai dengan tugas-tugas tersebut. Malah itu merupakan tugas kemanusiaan yang sangat penting. Allah telah menciptakan di dalam diri wanita perasaan yang meluap-luap, cepat emosional, mudah terpengaruh serta halus perasaan hati dan tabiatnya. Ini merupakan ciri-ciri khusus yang diciptakan Allah sebagai fitrah di dalam diri seorang wanita, yang tidak mungkin diubah-ubah dan tetap seperti itu selamanya. Justeru, pekerjaan dan misi wanita yang paling penting dan asas sesuai dengan kekhususan fitrahnya, hendaklah dia menjadi pengatur urusan rumahtangga.⁵⁰

Siapa pun yang tidak sependapat dengan ini, bererti dia menentang fitrah dan tabiat kewujudan manusia. Ini adalah kerana rumah merupakan tempat tinggal yang sesuai dengan tabiat wanita, untuk mewujudkan tugas-tugas wanita sebagai wanita dan membuahkan hasilnya. Keberadaan wanita di dalam rumah dapat diibaratkan benteng pertahanan, yang dengan kekhususan tugas tersebut dia dapat menjauhkan sebab-sebab munculnya cubaan. Sehingga dengan itu dia dapat memperoleh ketenangan dari segi psikologi dalam melaksanakan pekerjaannya.⁵¹

Seorang suri rumahtangga harus juga mengambil berat persoalan kebersihan di dalam dan luar rumah. Namun, kebersihan seorang muslim dengan seorang

⁵⁰ Muhammad bin Abdullah Sulaiman Arafah(1994), *Hak Dan Peran Aktif Wanita Muslimah*. Kathur Suhardi (terj.).Solo: Hazanah Ilmu, h. 252.

⁵¹ *Ibid.*, h. 176.

yang bukan muslim adalah berbeza. Perbezaan ini telah disyariatkan oleh Allah s.w.t. dengan meletakkan ‘kesucian’ sebagai sempadan yang sah dianggap ‘bersih’. Kesucian disebut *al-tahārah* dalam Bahasa Arab. Hanya *tahārah* sahaja yang dinilai bersih lagi suci di sisiNya. Di sini, jelas hanya orang muslim sahaja yang menilai bersih itu meliputi suci. Agama atau bangsa selain Islam hanya menilai kebersihan sahaja tanpa mementingkan kesucian. Disyariatkan bersuci ke atas muslim dengan beberapa sebab seperti ketika berada dalam keadaan hadas, berjunub, haid dan nifas. Keadaan ini menjadikan wajibnya muslim itu bersuci iaitu bertaharah sama ada berwuduk atau mandi wajib. Kalimah *al-tahārah* terkandung bersamanya kebersihan, bermakna bila dikatakan suatu perkara itu suci, maka ia juga bermakna bersih. Manakala kalimah ‘kebersihan’ pula tidak semestinya ‘suci’, misalnya memakai celak mata yang bertujuan untuk membersihkan mata, tetapi memakai celak mata ini tidak dikategorikan sebagai bersuci. Islam menggariskan bahawa perbuatan bersuci adalah dikaitkan dengan penggunaan air. Di sinilah terletaknya perbezaan antara kebersihan dan kesucian.⁵²

Tidak lupa juga tugas hakiki wanita di rumahnya adalah menjadi ejen penyeru kepada perkara-perkara makruf dan melarang dari melakukan perkara-perkara yang mungkar. Perkara makruf yang paling besar ialah agama yang benar, iman, tauhid dan kenabian. Sementara perkara mungkar yang paling besar ialah kufur dengan Allah.⁵³ Yang paling penting ialah rumahtangga muslim ideal tidak boleh melencong daripada matlamat asas hidup Islam, iaitu saling melengkapi

⁵² Said Mohd Addib(1996), *op. cit.*, h. 10.

⁵³ Ahmad Mustafā al-Marāghī, (1963), *Tafsīr al-Marāghī*, j.4. al-Qāhirah: Sharīkah Maktabah wa Matba’ah Mustafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādh, h. 30.

dalam beribadat kepada Allah Ta'āla. Apa pun yang dilakukan mereka, hendaklah tetap dalam rangka itu, kesatuan langkah merealisasikan cita-cita hidup dan bahu-membahu dalam mengembang amanah demi meraih nilai tertinggi iaitu redha Allah s.w.t.⁵⁴

2. Sebagai seorang isteri

Seorang wanita itu dicipta sebagai *sakīnah* yang bererti memberi ketenangan dan ketenteraman. Bagi kaum lelaki, setiap hari mereka berhadapan dengan pancaroba kehidupan di luar apabila keluar mencari nafkah. Di rumah dia memerlukan belaian kasih sayang, sambutan senyum ceria dan kelembutan tegur sapa daripada isteri untuk memulihkan kesegaran jiwa dan rohani.⁵⁵

Sebagai seorang isteri, peranan wanita di samping suami tidak dapat disangkal lagi. Mereka hendaklah mengambil pendekatan dakwah dalam setiap tindak tanduk, perkataan dan sikap mereka. Tanggungjawab seorang isteri terhadap suami adalah merupakan hak suami ke atas mereka.

a) Memberi pertolongan keperluan zahir

Allah Ta'āla berfirman

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ

⁵⁴ Abu Muhammad Rasyid Ridha(1995), *op. cit.*, h. 112.

⁵⁵ Zuraini Husain (t.t.), *Wanita Muslimah*. Subang Jaya : Penerbitan Al-Kauthar, h. 16.

Maksudnya : *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan taqwa.*

Ayat di atas menggambarkan bahawa tugas utama isteri ialah menolong suaminya dalam perkara kebaikan dan taqwa kepada Allah Ta'āla. Antara peranan penting membawa kebaikan kepada suaminya ialah dengan memberi bantuan seboleh mungkin kepadanya, sama ada dari segi zahir mahupun batin. Dari segi zahir ialah dengan mengurus segala keperluan suami untuk memudahkannya bergelanggang di tengah masyarakat seperti mengurus makan minumannya supaya kesihatannya terjaga, mengurus pakaian supaya sentiasa bersih dan mudah bergerak dan keperluan-keperluannya yang lain yang terlalu remeh bagi seorang lelaki. Di samping itu, isteri juga harus berperanan dalam mengurus soal-soal peribadi suami dan mengingatkannya pada program-program yang penting.⁵⁶

Wanita sebagai seorang pemimpin dalam rumahtangga suaminya, tidak harus menuntut hal keduniaan di luar batas kemampuan suaminya. Sebaliknya jika keluarga dikurniai kelebihan rezeki, seorang wanita hendaklah bijak menjalankan tugas dengan bermurah hati mendorong suaminya memperuntukkan sedikit untuk *infāq* khusus untuk kegiatan *fī sabīlillah*.⁵⁷

Seorang isteri juga hendaklah mengambil tanggungjawab memastikan keselamatan harta suami sama ada semasa suami berada di rumah ataupun suami berada di luar. Di samping itu, sifat boros harus dihindari dalam membeli

⁵⁶ Maimunah Haji Arshad(1997), *op. cit.*, h. 158.

⁵⁷ Abu Mohammad Jibril Abdurrahman(1985), dalam Nurul Halim(ed.), *Wanita Solehah Ciri-ciri dan Fungsinya*. Petaling Jaya: Hikmah Enterprise, h. 107.

keperluan dapur agar kewangan keluarga sentiasa stabil. Usaha suami dalam menyediakan makanan yang halal harus juga mendapat penghargaan daripada pihak isteri.⁵⁸

b) Memberi pertolongan keperluan batin, dari segi buah fikiran dan kerohanian

Firman Allah Ta'āla:

وَقَالَتِ امْرَأَتُ فِرْعَوْنَ قُرَّتْ عَيْنِي لِي وَلَكَ لَا تَقْتُلُوهُ عَسَىٰ أَن
يَنْفَعَنَا أَوْ نَتَّخِذَهُ وَلَدًا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ

Sūrah al-Qasas(28):9

Maksudnya : *Dan (ketika melihat kanak-kanak itu) berkatalah isteri Firaun: "(Semoga ia menjadi) cahaya mata bagiku dan bagimu; janganlah kamu membunuhnya; Mudah-mudahan ia berguna kepada kita, atau kita jadikan dia anak.*

Dalam ayat di atas, Asiah merupakan seorang isteri yang baik walaupun bersuamikan seorang yang kufur kepada Allah Ta'āla. Buah fikiran dan pendapatnya telah membantu suaminya, Firaun melakukan sesuatu yang baik sehingga meletakkan Musa a.s. pada tempat yang istimewa di istana mereka. Justeru, tidak dinafikan sumbangan isteri dari segi fikiran dan percambahan minda amat diperlukan oleh suami. Sebagaimana peranan yang dimainkan oleh Ummu Salamah ketika Rasulullah s.a.w. sedang menghadapi masalah semasa di Hudaibiyah. Ada di antara para sahabat yang keberatan mengikut arahan Nabi

⁵⁸ Ramayulis(1987), *Pendidikan Islam Dalam Rumahtangga*. Jakarta : Kalam Mulia. h. 52.

s.a.w. untuk bercukur. Lalu Ummu Salamah memberi cadangan agar Rasulullah s.a.w. yang bercukur dahulu dan pasti akan diikuti oleh para sahabat.⁵⁹

Sumbangan yang tidak kurang pentingnya ialah dari segi rohani. Kekuatan kerohanian seorang wanita akan banyak mempengaruhi suaminya. Wanita yang sentiasa mengerjakan amal kebajikan dan lidahnya sentiasa basah dengan wirid akan dapat membantu kejayaan suaminya. Ini adalah kerana untuk berjuang memerlukan kedua-dua kekuatan iaitu kekuatan zahir dan kekuatan kerohanian. Sekiranya seseorang wanita itu jahat, maka kejahatannya akan menjadi hijab untuk peningkatan darjat suami di sisi Allah. Telah diriwayatkan di dalam kitab seorang wali Allah tidak naik doanya ke langit kerana dihijab oleh kejahatan isteri yang telah keluar tanpa izin.⁶⁰

Sekiranya isteri bermasam muka sahaja, maka isteri adalah dianggap derhaka kepada suami. Bermasam muka adalah natijah daripada kerosakan hati, dengan itu hendaklah dikikis segala sifat-sifat keji yang menjadi penyakit kepada hati. Apabila syaitan dan hawa nafsu menguasai diri, maka isteri akan mula mahukan segala apa yang dikehendaki nafsu.⁶¹

c) Pemberi semangat dan dorongan

Firman Allah Ta'āla:

⁵⁹ Maimunah Haji Arshad(1997), *op. cit.*, h. 159.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Fadhilah A. Alim(1998), *Konsep Pembentukan Wanita, Isteri dan Ibu Solehah*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa, h. 290.

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ

Sūrah al-Baqarah(2):187

Maksudnya : *Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka.*

Dalam ayat di atas dinyatakan bahawa antara suami isteri, mereka adalah pakaian kepada yang lain. Sifat pakaian ialah menutup dan melindungi, memberi kelegaan dan ketenangan serta menghalang dari sebarang bahaya. Dengan ini, sifat seorang isteri yang tidak kurang pentingnya ialah memberi dorongan atau semangat bagi suaminya.

Peranan isteri dan cara bermuamalat dengan suami sekiranya suami adalah mereka yang menceburi diri dalam medan dakwah dan orang-orang yang menyerahkan hidup mereka untuk Islam, adalah sebagai satu alat yang sangat membantu dalam mengembangkan risalah mereka. Sebagaimana yang terjadi pada isteri-isteri para *salaf al-sālih*, di mana mereka menggerakkan anak dan suami mereka untuk berjihad dan mendorong untuk tetap teguh dalam mempertahankan yang hak serta sabar dalam menghadapi rintangan di jalan Allah. Mungkin satu perkataan yang memberikan dorongan dan semangat dari seorang isteri yang solehah akan memberi impak yang sangat besar dalam membentuk sikap dan perilaku suami agar kukuh pada pendiriannya.⁶²

⁶² Mustafa Malaikah(2001), *Manhaj Dakwah Yusof al-Qaradawi*. Samson Rahman (terj.). Jakarta:Pustaka al-Kauthar, h. 87.

Seorang isteri yang baik juga akan cuba memahami kedudukan suaminya sebagai seorang pendakwah atau ulama, dengan rela dan ikhlas menerima dan menggembirakan tetamu suaminya yang datang ke rumah untuk bertukar fikiran tentang agama. Dia juga boleh menerima dengan hati terbuka apabila suaminya itu sering meninggalkannya atau selalu terlambat pulang kerana memenuhi permintaan umat Islam dan mencari keredhaan Allah Ta'āla.⁶³

Keberangkatan suami akan diiringi dengan senyuman yang ikhlas dan kepulangannya ke rumah pula akan disambut dengan wajah yang ceria. Seorang isteri yang taat juga tidak akan khianat di waktu suami tidak berada di sampingnya, menghargai pemberian suaminya walaupun sedikit dan sentiasa menghormati tetamu dari kalangan keluarga dan sahabat suami. Di samping itu, tanggungjawab isteri yang paling utama bagi seorang suami ialah sentiasa berada di samping suami dalam setiap situasi dan keadaan, menemaninya di waktu suka dan gembira, menghibur dalam duka dan nestapa serta menyenangkan suami yang dalam keadaan sedih dan gelisah.⁶⁴

Sekiranya suami adalah golongan orang yang amalan agamanya sentiasa turun naik, iaitu tidak *istiqāmah* melaksanakan perintahNya dan meninggalkan laranganNya, maka adalah menjadi tugas seorang isteri untuk mengajak suaminya kepada cara hidup berteraskan Islam yang betul berpandukan al-Qur'ān dan al-Sunnah. Peranan mengajak dan berdakwah ini tidak akan berhenti sehingga

⁶³ Abu Mohammad Jibril Abdurrahman(1985), *op. cit.*, h. 107.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 109. Lihat juga Abu Muhammad Rasyid Ridha(1995), *op. cit.*, h. 114.

mereka mampu beramal untuk kepentingan Islam dan hidup selari dengan tuntutan agama serta ianya akan sentiasa diteruskan pada masa hadapan.⁶⁵

Apabila suami adalah seorang yang jauh dari agama, maka di sini peranan dan kewajipan seorang isteri menjadi bertambah berat dan perjuangan dakwah membawa kepada kebaikan dan menjauhi kemungkaran akan berjalan panjang. Seterusnya peranan isteri di kala ini amat penting dan perlu dilaksanakan dengan penuh hikmah bagi menjaga hati suaminya⁶⁶ dan tidak dinafikan ia terlalu sukar sehinggakan terdapat larangan dari Allah seorang wanita mengahwini seorang yang tidak beragama Islam, Allah berfirman

وَلَا تُنكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا

Sūrah al-Baqarah (2) :221

Maksudnya : *Dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita mukmin).*

Dalam senario ini, senjata yang paling ampuh dan berkesan digunakan adalah tindakan hikmah dan kesabaran. Walaubagaimanapun, adalah wajib bagi seorang isteri menanamkan rasa cinta dalam diri suaminya kepada agama Islam yang suci, sedangkan hasilnya adalah dinantikan dari Allah.⁶⁷

3. Sebagai seorang ibu

⁶⁵ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h.88.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ *Ibid.*

Seorang ibu memikul tanggungjawab besar dalam mendidik anak-anak yang merupakan amanah Allah kepada pasangan suami isteri. Para ibu memainkan peranan yang signifikan dalam tumbesaran anak-anak.

a) Mengajar tauhid dan taqwa

Firman Allah Ta'āla

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

Sūrah Āli 'Imrān (3) :102

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.*

Ibn 'Asyūr menjelaskan bahawa ayat ini adalah merupakan satu asas penting dalam perkara asas akhlak. Allah melarang hambaNya mati melainkan dalam keadaan beragama Islam. Dapat difahami daripada ayat tersebut ketetapan larangan daripada mengasingkan Islam daripada kehidupan seharian.⁶⁸

Tugas memastikan Islam dan taqwa kepada Allah Ta'āla sebagai satu cara hidup adalah tugas setiap muslim. Seorang ibu secara khususnya memikul tanggungjawab ini dan cukup jelas daripada ayat di atas, tugas utama seorang ibu ialah mengajar anak-anaknya mengenal Allah sebenar-benar kenal. Dalam diri anak-anak hendaklah juga ditanam sifat ketakwaan. Sifat takwa inilah yang akan

⁶⁸ Muhd al-Tāhir Ibn 'Asyūr (1984), *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: al- Dār al-Tunīsiyyah, h. 30 .

menjadi pendinding bagi anak-anak dari melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam agama.⁶⁹

Seorang ibu muslimah akan melaksanakan tugas membawa anak-anaknya ke jalan Allah s.w.t. dan mengenali sifat-sifatNya yang mulia. Ini adalah kerana anak-anak merupakan mereka yang paling utama bagi seorang wanita untuk berdakwah. Seorang ibu itu hendaklah secara istiqamah menyeru anak-anaknya ke arah kebaikan dan jalan Islam.

Apabila suatu ketika seorang anak bertanya; “Siapakah Allah itu?” Seorang ibu harus pantas memberikan jawapan yang terperinci dan jelas kepadanya agar mudah difahami bahawa Allah s.w.t. adalah Zat yang tidak ada satupun yang menyamaiNya. Allah Ta’āla yang menciptakan semua yang berada di alam ini. Perumpamaannya seumpama seorang pembuat roti pasti berbeza dengan roti yang dibuatnya. Begitu juga seorang tukang kayu yang membuat almari harus berbeza dengan apa yang dihasilkannya. Demikianlah halnya Allah s.w.t. yang mencipta manusia, malaikat dan jin serta semua makhluk lain, pasti berbeza dengan makhluk ciptaanNya. Dari pertanyaan-pertanyaan yang diketengahkan oleh seorang anak seharusnya dijawab dengan ringkas, jelas dan tepat sesuai dengan taraf berfikirnya dan disertai dengan contoh-contoh.⁷⁰

Wanita sebagai ibu merupakan asas yang amat kuat bagi tegaknya keluarga dan faktor utama bagi keharmonian keluarga, bahkan rumah itu adalah

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ Abu Saufi(1995), *Tanggungjawab Ibubapa Muslim*. Batu Caves : Pustaka Ilmi, h. 13.

kerajaannya. Ibu menggalas tugas besar dalam menanam roh tauhid dalam jiwa anak-anak dalam membina generasi yang disegani. Musuh Islam sangat memahami peranan aktif wanita dalam keluarga dan masyarakat. Justeru, mereka menjadikan wanita sebagai alat untuk menyebarkan kemungkaran. Oleh yang demikian, para aktivitis Islam harus benar-benar memperhatikan kaum wanita dan menjadikannya sebagai medium untuk membina kemuliaan, mengukuhkan institusi keluarga serta masyarakat dan melahirkan generasi yang komited dengan Islam.⁷¹

Seorang wanita harus yakin bahawa peranannya adalah amat besar dan pengaruhnya sangat efektif bagi suasana keluarga dan kehidupannya. Dengan akhlakunya yang mulia, kearifannya dan perasaan diawasi Allah, dia mampu menjadikan rumahtangga seolah-olah syurga yang dirindukan oleh suami dan anak-anak, mereka merasakan kesejukan setelah merasakan panasnya kehidupan dan keletihan di luar rumah.⁷²

b) Membimbing dan mencorakkan anak ke arah kebaikan

Firman Allah Ta'āla

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ

⁷¹ Mustafa Masyhur(2000), *Fiqh Dakwah*. Abu Ridho(terj.). Jakarta: Al-I'tishom Cahaya Umat, h. 517.

⁷² *Ibid*.

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya adalah dari manusia dan batu (berhala).*

Jelas daripada ayat di atas, tanggungjawab seorang ibu yang amat berat iaitu menjaga ahli keluarganya dari terjerumus dalam neraka. Dengan itu, peranan ibu yang seterusnya ialah mendidik anak-anak agar kehidupan mereka dipimpin ke jalan yang benar.

Setiap anak yang lahir dibekalkan dengan sebuah potensi (kekuatan pendorong alamiah) yang dapat diarahkan sama ada ke jalan baik atau jalan buruk. Maka telah menjadi kewajipan orang tua untuk memanfaatkan potensi tersebut dan menyalurkannya ke arah yang diredhai oleh Allah s.w.t.

Satu matlamat dalam mendidik anak ialah memelihara diri dan keluarga dari api neraka dengan cara memberi pelajaran dan pendidikan yang baik terhadap anak, membiasakan mereka berkelakuan dan berakhlak tinggi serta menunjukkan mereka jalan yang memberi manfaat. Setiap anak yang dilahirkan itu adalah suci, kedua orang tuanyalah yang menjadikan anak sama ada baik atau sebaliknya.

Anak yang baru dilahirkan mendapat perhatian yang pertama daripada ibunya. Hubungan ini adalah semulajadi dan secara automatiknya, seorang anak itu akan mendapat didikan langsung daripada ibunya.

Menyemai roh iman dan ajaran-ajaran agama dalam jiwa anak harus dimulai dengan memberikan contoh perbuatan yang baik. Misalnya, bila berbicara

masalah solat kepadanya, maka itu sahaja tidak akan memberi pengaruh bagi dirinya. Melainkan setelah anak itu melihat ibubapanya menunaikan solat tepat pada waktu dengan penuh kesedaran dan kekhusyukan, pasti akan berpengaruh dalam jiwanya. Ibu hendaklah mengelakkan dari menanam nilai-nilai agama kepada anak dengan cara berbantah. Sebaliknya anak-anak harus dilatih dan membiasakan diri mereka untuk melakukan suatu ibadat itu, sehingga ia diulang-ulang, dan akhirnya akan menjadi suatu kemanisan. Dengan demikian, maka nilai-nilai agama dapat tertanam kukuh dalam jiwanya.⁷³

Satu cara mendidik agar hubungan antara adik-beradik sentiasa baik dan mengatasi perasaan iri mereka ialah dengan memberinya gula-gula dan mengatakan: Ini dari adikmu, atau memberinya alat permainan dan mengatakan: Ini dari adikmu, adikmu mencintaimu.⁷⁴ Ibu juga haruslah mengenali tradisi-tradisi dan akhlak buruk yang mungkin dilakukan oleh anak-anak di luar rumah, agar dapat melindungi mereka dari terpengaruh. Seorang ibu harus meneliti model-model teman anaknya dengan bantuan bapa, agar mereka dapat dihindarkan dari teman-teman yang jahat, seterusnya menerapkan ajaran-ajaran Islam kepada mereka dan melaksanakan Islam dalam diri mereka; mengajarkan sembahyang kepada mereka pada usia tujuh tahun, memukul mereka kerana meninggalkan sembahyang ketika usia menjangkau sepuluh tahun dan memisahkan tempat tidur mereka. Ibu juga hendaklah membiasakan anak perempuan memiliki sifat malu dan memakai pakaian

⁷³ Abu Saufi(1995), *op. cit.*, h. 12.

⁷⁴ Fatimah Omar(1995), *Anak Amanah Allah*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publisher, h. 73.

sebagaimana tuntutan syarak.⁷⁵ Seorang ibu harus yakin bahawa anak yang baru sahaja dilahirkan bersih dari pengaruh kebiasaan-kebiasaan sehingga anak itu bebas memilih jalan untuk mengembangkan keperibadian dan kreativiti pada masa hadapan. Nasib baik atau buruk bagi seorang anak dalam mengharungi kehidupan mereka yang seterusnya amat bergantung kepada pendidikan dan kebiasaan-kebiasaan yang baik sebagai pengaruh lingkungan di mana mereka tinggal.⁷⁶

Demikian juga, apabila seorang anak itu kian membesar, ibulah orang yang paling sering berinteraksi dengan mereka dan mereka sangat memerlukan pada masa-masa pembentukan keperibadian dan pertumbuhan mereka, serta tidak perlu diadakan pengasuh untuk anak-anak kecuali keperluan yang sangat mendesak. Di sini, perlu ada kerjasama antara ibu dan bapanya dalam cara mendidik anak sehingga terlaksana pembentukan dan pembinaan diri yang baik. Sebaiknya ibubapa bersikap sederhana di antara kekerasan dan memanjakan anak dalam mendidik, iaitu bersikap tegas tetapi lembut dan bersikap lembut tetapi tegas.⁷⁷ Sebarang pertentangan dan perbezaan di antara keduanya harus dielakkan kerana kadang-kadang kelembutan ibu terhadap anak-anak, jika tidak dikawal, akan menyebabkan anak-anak menjadi manja dan tidak mentaati perintah ayahnya.⁷⁸ Walaubagaimanapun, ibu harus menyemai dalam jiwa anak memuliakan dan menghormati ayah dan pendapat-pendapatnya. Rasa keikhlasan dan cinta kasih terhadap orang yang menjadi perantara seorang anak hadir ke dunia, iaitu ibubapa,

⁷⁵ Mustafa Masyhur(2000), *op. cit.*, h. 518.

⁷⁶ Abu Saufi(1995), *op. cit.*, h. 96.

⁷⁷ *Ibid*, h. 63.

⁷⁸ Mustafa Masyhur(2000), *op. cit.*, h. 518.

juga hendaklah dipupuk. Jika seorang ibu itu berjaya melaksanakannya dengan baik, maka akan tercipta kerukunan dalam rumahtangga di mana antara satu individu dengan lainnya saling kasih mengasihi dan percaya mempercayai dan yang paling penting anak tidak merasa takut untuk menyampaikan masalahnya kepada orang tua bila-bila masa sahaja dan di mana jua.⁷⁹

Tugas yang tidak kurang pentingnya juga ialah memperkenalkan kepada anak-anak batas-batas halal dan haram dan ia merupakan perkara sangat penting dalam metode pendidikan. Apabila anak sejak dari usia kecil telah terbiasa melakukan perkara-perkara haram, sedangkan mereka tidak mengetahui bahawa perkara tersebut adalah haram, maka di usia dewasa amat sukar untuk diperbetulkan lagi kesilapan itu.⁸⁰

Antara peranan lain seorang ibu yang tidak kurang pentingnya ialah memberi dorongan dan perangsang kepada anak-anaknya agar terus teguh dan tetap berjuang di jalan Allah. Ibu mempunyai pengaruh yang kuat dalam diri anak-anak dan kata-kata semangat daripada seorang ibu walaupun satu patah akan mampu membangkitkan semangat anaknya dan menguatkan jiwanya dalam berjihad dan memperjuangkan yang hak dan menjatuhkan yang batil.⁸¹

Seorang ibu juga harus berperanan menanam semangat berbahagi pahala dalam jiwa setiap ahli keluarganya. Semasa perintah Allah s.w.t. kepada Nabi Ibrahim a.s. agar mengorbankan anaknya, Nabi Ibrahim a.s. tidak melakukan

⁷⁹ Abu Saufi(1995), *op. cit.*, h. 99.

⁸⁰ *Ibid.*, h. 89.

⁸¹ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h. 87.

secara sebelah pihak sahaja, sebaliknya baginda bertanya kepada anaknya Nabi Ismail a.s. terlebih dahulu. Baginda tidak terus menyembelih anaknya sewaktu anaknya sedang tidur dan baginda mempunyai alasan dan tujuan tertentu dalam berbuat demikian. Nabi Ibrahim a.s. ingin agar putera baginda ketika melaksanakan perintah itu boleh melaksanakannya secara sukarela dan penuh kerelaan dan ketaatan. Oleh yang demikian, Nabi Ismail a.s. juga berhak untuk mendapat pahala ketaatan dan ketundukan kepada perintah Allah s.w.t. Tetapi sekiranya putera baginda tidur, maka perintah Allah Ta'ala itu pasti dijalankan dalam keadaan tidak sedar dan paksaan. Semangat berbahagi pahala harus selalu bersemayam dalam diri setiap individu muslim sehingga dia tidak akan rela bila hanya dia sahaja yang berbuat baik, sementara ahli keluarganya yang lain bergelumang dalam kemaksiatan.⁸²

Dalam mendepani anak yang masih dalam usia kanak-kanak, pendekatan berbeza harus diambil. Masa kanak-kanak merupakan fasa permulaan kehidupan seseorang. Ketika dilahirkan seorang bayi itu adalah suci dan bersih, tangan ibubapa dan persekitaranlah yang mencorak dan membentuk pemikiran dan personaliti mereka.

Jangka masa lima tahun pertama dalam kehidupan adalah satu tempoh yang amat kritikal sekali. Ini adalah kerana apa sahaja yang mereka terima dalam waktu tersebut akan mereka bawa sehingga dewasa. Seumpama sebiji gelas yang kosong, apa sahaja yang dituang ke dalamnya akan mengisi gelas tersebut.

⁸² Fakhruddin Nur Syam(2003), *Kunci-kunci Dakwah Yang Dilupakan Sebuah Tafsir Tematik*. Solo: Bina Insani Press, h. 122.

Menurut Piaget(1963), perkembangan kognitif seorang kanak-kanak bermula sedari mula lahir, di mana tahap pertama dipanggil tahap sensorimotor. Tahap ini ditandai dengan tingkah laku bayi yang kurang menggunakan bahasa dan tidak mengaplikasikan simbol atau perwakilan mental bagi objek di keliling mereka. Tahap ini berlaku sehingga bayi mencecah usia dua tahun.⁸³

Tahap yang seterusnya pula, kanak-kanak mula menunjukkan tendensi untuk menggunakan keupayaan mental bagi memberi simbol kepada alam sekeliling. Namun, pemikiran mereka hanya berkisar tentang diri mereka sahaja. Pada tahap ini, kanak-kanak tidak dapat menumpukan kepada dua aspek dalam satu-satu situasi. Tahap ini berakhir ketika kanak-kanak menjangkau usia tujuh tahun. Sementara proses kognitif yang aktif berlaku pada usia tujuh hingga dua belas tahun, di mana kanak-kanak menunjukkan kematangan dalam menaakul bila berupaya berfikir dalam pelbagai aspek dan mengambil kira pandangan orang lain.⁸⁴

Seorang ibu juga harus melatih anak-anaknya agar bertanggungjawab dan berani menghadapi masalah seterusnya menyelesaikannya. Nabi Ibrahim a.s. sewaktu diwahyukan Allah s.w.t. untuk menyembelih anaknya Nabi Ismail a.s., meminta pendapat puteranya itu dalam melaksanakan perintah tersebut. Ini merupakan tindakan tepat untuk melatih dan membiasakan anak dalam menghadapi permasalahan dan bagaimana menanganinya. Sekiranya tidak dilatih,

⁸³ Spencer A. Rathus(1988), *Understanding Child Development*. Florida: Holt, Rinehart and Winston Inc., h. 303.

⁸⁴ *Ibid.*

maka ketika dewasa anak akan cenderung manja dan bergantung kepada orang lain dalam menghadapi segala dugaan dan masalah kehidupan.⁸⁵

Dapat disimpulkan bahawa usia kanak-kanak merupakan masa yang kritikal dan itulah masanya mereka memperoleh ilmu dari orang sekeliling dan persekitaran mereka. Rasulullah s.a.w. juga menganjurkan pendakwah mendepani para *mad'ū* dengan bercakap dengan mereka berdasarkan kemampuan pemikiran mereka.

Manakala bagi anak remaja pula, zaman remaja biasanya didefinisikan sebagai masa peralihan antara masa kanak-kanak dan masa dewasa. Tiada batasan masa yang jelas untuk transisi ini, tetapi biasa dikaitkan dengan mereka yang berusia 12 tahun hingga akhir usia belasan atau awal usia 20'an. Tiga perkara penting yang menjadi penanda zaman ini iaitu perubahan fizikal, pencarian dan pemantapan identiti diri dan persiapan menghadapi tugas dan tanggungjawab sebagai manusia yang berdikari.⁸⁶

Seiring dengan terjadinya perubahan fizikal, perubahan dari segi psikologi juga dilalui oleh remaja. Pada diri mereka, mula muncul perasaan tentang identiti diri. Jika semasa masih kanak-kanak, mereka tidak pernah berfikir tentang diri mereka, maka pada masa remaja pertanyaan seperti 'siapa diri saya?' dan 'apa

⁸⁵ Fakhruddin Nur Syam(2003), *op. .cit.*, h. 123.

⁸⁶ Alwi Alatas(2004), *Remaja Gaul Nggak Mesti Ngawur*. Jakarta: Penerbit Hikmah, h. 44

tujuan hidup saya?’ menjadi persoalan yang sangat penting. Persoalan menjadi serius ketika pertanyaan ini tidak dapat dijawab dengan baik dan berlarutan.⁸⁷

Menurut David Elkind(1970), remaja mencipta dimensi mereka sendiri dalam berfikir; cerita tentang diri sendiri dan juga audiens bayangan. Remaja menjadi terlalu memikirkan tentang pandangan orang lain tentang diri mereka. Ini menyebabkan remaja sering beranggapan diri mereka unik dan hebat. Remaja juga sentiasa merasakan tiada siapa yang memahami apa yang sedang dilaluinya.⁸⁸

Krisis yang dihadapi oleh kebanyakan golongan remaja menjadikan usaha untuk berdakwah kepada golongan ini agak rumit. Pengurusan dakwah di kalangan remaja tidak boleh diselesaikan dalam bilik seminar sahaja tetapi ia memerlukan kepada pengurusan yang lebih praktikal. Pada kebiasaanya, remaja yang bermasalah tidak hadir ke bilik-bilik seminar bagi membincangkan masalah mereka dan mereka juga tidak berminat untuk mendengar penerangan agama di masjid atau di surau.⁸⁹

Justeru, peranan seorang ibu ialah harus bijak mendekati mereka dengan menganalisa perkara-perkara yang menjadi kesukaan mereka. Remaja suka kepada mereka yang tidak banyak protokol dan senang untuk berunding dan

⁸⁷ *Ibid*, h. 46

⁸⁸ Thomas L. Crandell dan Corrine Haines Crandell(2004), *Human Developmental*, c. 7.USA: Mc Graw-Hill Higher, h. 351.

⁸⁹ Idris Ahmad (2000), “Pengurusan Dakwah di Kalangan Remaja”, dalam Abdul Ghafar Don *et al(ed), Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*.Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 141.

berbicara di mana-mana tempat dan bila-bila masa sahaja.⁹⁰ Remaja gemar jika mereka didekati dengan lembut dan penuh kasih sayang dan sekiranya mereka dilayan dengan cara yang agak kasar, mereka akan cepat memberontak.

Remaja juga cenderung untuk mempunyai artis kesayangan dan juga ahli sukan yang mereka minati. Jika perlu, seorang ibu hendaklah berusaha untuk mengikut rentak mereka dengan mengambil tahu perkembangan dunia artis dan sukan untuk diselitkan ketika menyampaikan dakwah. Di sini, kadang-kala memerlukan seseorang itu membuat beberapa komen untuk dijadikan pedoman dan pengajaran pada mereka, supaya mereka boleh berfikir.⁹¹

Ibu juga hendaklah menghidupkan budaya *syura*⁹² dalam keluarga dan tidak bersikap autokratik dalam mengambil keputusan serta menerapkan kebaikan dan nilai-nilai murni yang harus diamalkan oleh seluruh anggota keluarga. Tetapi, seorang ibu itu hendaklah bersikap demokratik dan aspiratif dari anggota keluarga, terutama anak remaja dan dewasa, dan menghargai pendapat mereka serta memberikan kepada semua anggota keluarga kebebasan untuk mengemukakan pendapat tanpa ada sebarang sekatan.⁹³ Anak-anak mempunyai kehendak yang seharusnya dipelihara dengan hormat oleh setiap orang tua, hingga mereka terbiasa dengan kebebasan sejak kecil. Biarlah mereka mengemukakan pendapat sesuai dengan fikiran dan kemampuannya untuk mengungkapkan pendapat yang berkaitan dengan permasalahan hidup dan kehidupan. Dalam

⁹⁰ *Ibid.*, h. 145.

⁹¹ *Ibid.*, h. 143.

⁹² mesyuarat, berbincang dan bertanya pendapat.

⁹³ Fakhruddin Nur Syam(2003), *op. cit.*, h. 122.

masalah ini, kadangkala pendapat mereka benar dan kadangkala keliru. Maka apabila mereka benar, ibubapa haruslah memberikan motivasi dan semangat. Sementara apabila mereka ternyata keliru, maka ibu khususnya, hendaklah bijaksana dan berhati-hati dalam memberikan peringatan dan penjelasan atas kekeliruan itu. Tetapi seorang ibu itu tidak boleh sekali-kali memaki dan mencela, yang bakal mematikan kreativiti dan membodoh-bodohkannya atau mengherdik sehingga menyinggung perasaan dan peribadi anak.⁹⁴

Seorang ibu yang bersedia mendengar perkataan anaknya, bererti menghargai dan mengambil berat terhadap pendapat dan usul serta apa sahaja yang diperkatakan oleh anaknya. Anak pula akan merasa mendapat perhatian dan penghargaan sehingga dia pun akan menghormati dan menghargai fikiran ibubapanya dan taat kepada mereka. Hal ini menuntut ibubapa untuk melakukan dua perkara, iaitu⁹⁵

- i. Hendaklah mereka mahu mendengar apa sahaja yang dikemukakan oleh anak-anaknya.
- ii. Hendaklah mereka menjauhi kritikan dan kata-kata keras yang akan melukai perasaan anak dan mematikan kreativitinya.

Remaja sebagai pewaris masa depan negara memerlukan pendekatan dakwah yang berhikmah dengan mengambil kira perkara-perkara yang sensitif kepada mereka dan berusaha untuk memahami corak pemikiran mereka agar

⁹⁴ Abu Saufi(1995), *op. cit.*, h. 64.

⁹⁵ *Ibid.*, h. 66.

dakwah kepada golongan ini tetap mencapai matlamat yang disasarkan. Tempoh masa remaja dan kanak-kanak adalah satu masa yang bersesuaian untuk ibubapa membentuk jati diri mereka sebagai seorang muslim yang sejati.

c) Mendidik mental dan emosi

Firman Allah Ta'āla

قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبِرُوا جَمِيلًا

Sūrah Yūsuf(12): 18

Maksudnya :*Bapa mereka berkata: "Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya.*

Ayat di atas menerangkan bagaimana perlunya didikan emosi yang wajar dari pihak ibubapa untuk kebaikan seorang anak. Justeru, seorang ibu itu juga bertanggungjawab dalam tumbesaran anak-anak dari segi emosi dan mental. Sewajarnya seorang ibu yang baik menyemai sifat-sifat *mahmūdah* dan emosi yang baik yang terkawal dalam diri anak-anaknya di samping ilmu pengetahuan yang berguna dan pelbagai untuk manfaat anak di masa hadapan.

Wanita-wanita yang terkenal di dunia, kebanyakannya adalah wanita yang cerdas. Sebagai contoh, Cleopatra yang terkenal adalah merupakan seorang wanita yang cantik. Tetapi kalau tidak kerana kecerdikannya, dia tidak akan dapat mempengaruhi Julius Caesar. Sementara tokoh pemikir terkenal dunia seperti Karl Marx dan Hitler, semua mereka adalah golongan cerdas pandai. Namun,

kepandaian mereka telah disalahgunakan sehingga mengakibatkan kemerosotan pemikiran manusia. Manakala tokoh-tokoh wanita solehah yang menjadi ikutan sepanjang zaman pula, semuanya adalah merupakan wanita-wanita yang cerdik. Sayidatina Aisyah r.anha., terkenal bukan kerana kecantikannya, bahkan ada riwayat yang menyatakan bahawa dalam hal kecantikan, ada isteri Rasulullah s.a.w. yang lain yang lebih cantik daripada Aisyah r.anha. Kemasyhuran Aisyah r.anha lebih menonjol kerana faktor kecerdikan dan kepetahan lidahnya. Begitu juga dengan Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad s.a.w., baginda merupakan seelok-elok makhluk dari segi ciptaan. Namun, bukan keelokan penciptaan baginda yang disebut-sebut, sebaliknya yang menjadi ikutan adalah sifat terpuji baginda dan tindakan baginda yang bijak dan penuh hikmah walaupun terhadap musuh baginda sendiri.⁹⁶

Orang yang cerdik akal adalah seorang yang mudah faham, tinggi tahap IQ, banyak ilmu, banyak idea, mudah menangkap, menafsir dan mengembangkan idea orang lain dan selalu berfikir. Sementara orang yang cerdik hati pula dapat dikenal dengan rohnya yang bersih, hati yang tawaduk dan berbagai sifat kehambaan lainnya. Pada dirinya terserlah segala akhlak yang mulia sama ada akhlak kepada Allah Ta'āla mahupun akhlak terhadap sesama manusia. Hiasan dirinya adalah sabar, *qana'ah*, sensitif dengan Allah Ta'āla, mudah bertolak-ansur, berkasih sayang, cekap, amanah, tangkas, cermat, kemas dan semua sifat baik yang ada pada orang yang cerdik akal. Allah dan RasulNya telah banyak menyebutkan ciri-ciri orang cerdik hati.⁹⁷

⁹⁶ Fadhilah A. Alim(1998), *op. cit.*, h. 83.

⁹⁷ *Ibid.*, h. 84.

Kecerdikan hati dapat merangkumi seluruh unsur kekuatan kerohanian manusia iaitu akal, jiwa dan emosi. Sebaliknya kecerdikan akal pula hanya terbatas pada akal sahaja. Kecerdikan yang datang kepada akal sangat susah untuk melawan nafsu. Namun, sekiranya hati yang cerdik terlebih dahulu, insyaAllah ia dapat mencerdikkan akal. Menjadi seorang yang cerdik hati adalah sangat sukar, lebih-lebih lagi jika sebelum pada itu tergolong dalam golongan orang yang cerdik akal semata-mata, iaitu orang yang cerdik melulu tanpa panduan iman yang benar. Untuk mencerdikkan hati, seseorang yang cerdik akal semata-mata mestilah mengenali kelemahan-kelemahan atau penyakit-penyakit *mazmūmah* yang biasa menghinggapi orang cerdik. Seterusnya, hendaklah diusahakan untuk mencari jalan bagaimana untuk mengatasinya. Jika sifat-sifat *mazmūmah* ini dapat diatasi, maka bertambahlah kecerdikan itu daripada cerdik akal semata-mata menjadi cerdik akal dan cerdik hati.⁹⁸

Adalah menjadi tugas seorang ibu untuk menjelaskan perihal *mazmūmah* ini kepada anaknya. Kelemahan yang paling menonjol pada orang yang cerdik akal adalah mudah dihindangi penyakit ‘*ujub*, iaitu rasa seronok atas kecerdikan yang dimiliki dan selalu merasa lebih mulia dari orang lain dan ingin agar kata-katanya sentiasa didengar. *Mazmūmah* yang lainnya adalah sombong yang mana ia tidak semestinya nampak secara lahiriah pada rona muka atau gerak-geri. Sifat sombong yang sangat halus adalah tidak adanya rasa hina diri, baik di hadapan Allah s.w.t. mahupun di hadapan manusia. Wujudnya perasaan bahawa diri lebih mulia daripada orang lain, itu adalah dinamakan sombong. Begitu juga jika sudah

⁹⁸ *Ibid.*

hilang rasa hina diri dalam hati, maka di situlah bermulanya sifat sombong.⁹⁹

Tanggungjawab seorang ibu juga tidak menunjukkan sifat-sifat yang tidak terpuji seperti banyak menyelidik, mendengar perbualan orang dan seumpamanya di hadapan anak kerana itu merupakan contoh-contoh yang tidak baik untuk mereka.¹⁰⁰

Apa yang paling dicintai oleh orang cerdik akal adalah pujian dan yang paling ditakuti adalah kejian. Maka tidak hairanlah kalau orang-orang cerdik pandai berlumba-lumba membuat berbagai-bagai kajian supaya nama dan kecerdikannya diabadikan bersama penemuannya itu. Mereka ingin supaya nama mereka menjadi semasyhur Newton, Einstein dan Avogadro, serta sentiasa bertungkus-lumus untuk mendapat penghargaan dan pingat-pingat yang melambangkan kecerdikan manusia seperti Hadiah Nobel, Magsaysay dan lain-lain. Orang yang cerdik akal adalah orang yang paling takut dikeji. Pantang baginya untuk disebut sebagai orang yang gagal. Itulah sebabnya Hitler lebih suka memilih bunuh diri daripada diseret ke mahkamah sebagai orang yang kalah dalam Perang Dunia Kedua.¹⁰¹

Seorang ibu juga harus mengelak daripada membandingkan antara seorang anak dan lainnya sehingga satu dipuji dan yang lain dicela pada pemahaman anak. Mungkin juga masing-masing anak itu mempunyai sifat-sifat dan bakat-bakat

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ Abu Saufi(1995), *op. cit.*, h. 98.

¹⁰¹ Fadhilah A. Alim(1998), *op. cit.*, h. 84.

yang berbeza sehingga tindakan tersebut boleh mempengaruhi mental anak-anak dan melemahkan keperibadian mereka.¹⁰²

Kewajipan seorang ibu juga ialah menanam sikap hormat dan menghormati tuntutan agama yang hak, iaitu agama yang mengajak manusia menjunjung tinggi hak-hak kemanusiaan dan pergaulan yang baik lagi harmoni antara sesama manusia. Agama Islam mengajak umat manusia melakukan kebajikan, berjiwa besar dan memenuhi jiwanya dengan cinta kasih sesama manusia. Para ibubapa terutama ibu wajib mengetahui bahawa agama bukan sahaja mengucapkan kalimah syahadah, beribadat dan menegakkan syiarnya, malah agama yang sebenarnya adalah juga kasih sayang yang bersumber dari jiwa kemanusiaan yang sangat dalam, yang terpancar dalam bentuk memuliakan orang lain dan bergaul dengan baik di tengah masyarakat. Kasih sayang beragama tidak bangkit dan tumbuh dengan mengasingkan diri dari kehidupan masyarakat, tetapi berkembang dalam kehidupan sesuai dengan perkembangan peribadi. Ia merupakan suatu kepastian bahawa pengertian-pengertian agama berjalan seiring dengan tabiat jiwa anak dan berkembang sesuai dengan perkembangan fikiran mereka. Hubungan antara ibu dan anak yang didirikan atas dasar kasih sayang menjadikan seorang ibulah yang dapat mengembangkan sifat kasih sayang dalam jiwa anak dan mencipta hubungan yang harmoni dalam keluarga.¹⁰³

Peranan seorang ibu juga ialah menerapkan pendidikan akhlak kepada anaknya kerana akhlak itu adalah cerminan kepada hati. Pendidikan akhlak

¹⁰² Fatimah Omar(1995), *op. cit.*, h. 82.

¹⁰³ Abu Saufi(1995), *op. cit.*, h. 90.

bertujuan untuk membentuk pribadi-pribadi berakhlak mulia. Prinsip dasar pendidikan akhlak ialah menanam kepercayaan pada diri seorang anak itu sendiri bahwa seseorang itu adalah penentu sikapnya sendiri. Di samping itu juga pendidikan akhlak ingin mencipta rasa kasih sayang antara anggota keluarga, ahli komuniti dan seterusnya masyarakat. Ia bertujuan untuk menyedarkan bahawa dasar-dasar akhlak itu bersumber dari dalam diri manusia itu sendiri dan bukan peraturan yang diwajibkan oleh masyarakat. Pendidikan akhlak harus disertai dengan dorongan kemahuan kuat yang mengatakan bahawa seseorang tetap dapat melaksanakan ajaran akhlak tersebut dalam keadaan apa pun. Akhirnya, ia dapat menanam rasa kemanusiaan dalam diri seorang anak.¹⁰⁴

Tidak dapat dinafikan tugas membentuk jiwa anak dan emosi mereka amat sukar, namun seorang ibu itu hendaklah membulatkan tekad dan mencuba sedaya-upaya untuk menjadikan anaknya sebagai pejuang agama yang bijak dan kental jiwanya bersih dari segala sifat *mazmūmah* di samping kasih sayang yang menyeluruh kepada semua umat manusia.

d) Menjaga makanan anak

¹⁰⁴ Miqdad Yaljan(1987), *Potret Rumahtangga Islamy*. SA Zemool (terj.). Solo: Pustaka Mantiq, h. 154.

Firman Allah Ta'āla:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ

Sūrah al-Baqarah(2): 172

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda- benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu.*

Daripada ayat ini, jelas bahawa adalah menjadi tanggungjawab setiap muslim untuk menjaga makanan yang diambil dan memastikan ianya halal di sisi syarak. Justeru, dalam konteks kehidupan seorang anak, seorang ibu bertanggungjawab memastikan anak-anak dan keluarga mendapat makanan yang baik. Islam mengajar agar umatnya tidak memasukkan ke dalam perut mereka apa sahaja yang diharamkan oleh Allah s.w.t. Ini adalah kerana perbuatan ini amat dimurkai Allah s.w.t. dan mungkin akan membawa mereka ke neraka.¹⁰⁵

Makanan yang haram akan mengakibatkan jiwa menjadi kotor sehingga tidak mendatangkan ketenangan dan ketenteraman hati. Di samping itu, tubuh akan terasa berat untuk melakukan ibadat dan hati pula akan menjadi kotor dan keras sehingga membentuk peribadi jahat seperti hasad dengki, degil, suka membantah dan sebagainya serta sulit menerima hidayah dan kebenaran. Berlebih-lebihan dalam makan dan minum akan dapat menyebabkan kegemukan yang mengakibatkan munculnya berbagai penyakit serta meningkatkan syahwat

¹⁰⁵ Abu Muhammad Rasyid Ridha(1995), *op. cit.*, h. 115.

sehingga membuat orang merasa berat dan malas melakukan ketaatan, aktiviti dan jihad.¹⁰⁶

Umar bin al-Khattāb r.a. berkata : “Hindarilah kekenyangan dalam makan dan minum sebab ia akan menyebabkan kerosakan fizikal, mendatangkan penyakit dan menjadikan malas untuk menegakkan sembahyang. Hendaklah kalian sederhana dalam makan dan minum, sebab itu lebih menyihatkan badan dan lebih jauh dari sikap berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai ahli agama yang gemuk. Dan seseorang itu tidak akan binasa kecuali bila dia lebih mengutamakan syahwatnya daripada agamanya.”¹⁰⁷

Sejak usia kecil seorang anak harus dibiasakan makan pada waktu tertentu. Cara ini adalah untuk menanamkan kesabaran pada jiwa anak sehingga akan faham apa yang cuba disemai oleh ibu selama ini, iaitu mendidik anak ke arah kebiasaan yang baik. Seorang ibu harus mengatur waktu makan anak sesuai dengan kadar keperluannya. Sekiranya tidak dibiasakan mereka makan pada waktu tertentu, maka anak akan membesar menjadi anak yang rakus mengambil apa sahaja yang diingini untuk dimakan, sekalipun pada akhirnya makanan itu tidak dihabiskan. Jika ini menjadi kebiasaan anak-anak, maka akan hilang erti kesederhanaan dalam hidup mereka. Mengatur waktu makan juga mempunyai pelbagai manfaat, lebih-lebih lagi dalam mencegah penyakit-penyakit yang

¹⁰⁶ Abu Mohammad Jibril Abdurrahman(1985), *op. cit.*, h. 110.

¹⁰⁷ Mustafa Masyhur(2000), *op. cit.*, h. 508.

mungkin timbul. Di samping itu juga, dapat menerapkan sifat sederhana dalam segala urusan, khususnya dalam ketaatan.¹⁰⁸

Tugas memilih makanan yang halal dan baik, menghindari dari haram dan yang masih mengandung syubhat, menjauhi sikap berlebihan atau sangat kedekut dan sebaik mungkin cuba mengambil makanan setakat keperluan badan adalah tugas berat bagi seorang ibu. Umat Islam tidak harus menikmati kelazatan dunia dengan syahwat perut, namun rugi di akhirat kerana tidak mendapat kenikmatan dan buah-buahan syurga.

e) Menyempurnakan susuan anak

Firman Allah Ta'ala

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ
الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ
نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى
الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوهُمَا أُولَدُكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا
سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ

Sūrah al-Baqarah(2): 233

Maksudnya : *Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap. Iaitu bagi orang*

¹⁰⁸ Abu Saufi(1995), *op. cit.*, h. 97.

yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajiban yang tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut.

Al-Samarqandī berpendapat bahawa **حولین کاملین** ialah dua tahun

sempurna kepada mereka yang ingin menyempurnakan susuan.¹⁰⁹ Menurut al-Marāghī pula, diwajibkan kepada para ibu baik yang masih berfungsi sebagai isteri mahupun yang dalam keadaan tertalak untuk menyusui anak-anak mereka selama dua tahun penuh dan tidak lebih dari itu. Tetapi, diperbolehkan kurang dari masa itu jika kedua orang tua memandang adanya kemaslahatan. Dalam hal ini, persoalannya diserahkan kepada kebijaksanaan mereka berdua.¹¹⁰

Dalam ayat di atas, ditegaskan satu peranan penting seorang ibu yang sering dialpakan oleh muslimah moden iaitu penyusuan bayi sehingga umur dua tahun. Justeru, sering kali berlaku seorang ibu menghentikan penyusuan anaknya sedangkan pada masa itu, anaknya sangat memerlukan air susu ibu. Sebagai ganti susu ibu, anak itu diberikan susu haiwan dan tindakan itu amat tidak wajar.

¹⁰⁹

Abū Laith Nasr bin Muhammad bin Ahmad bin Ibrāhīm al-Samarqandī (1993), *Tafsīr al-Samarqandī*, j. 1. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 210

¹¹⁰

Ahmad Mustafā al-Marāghī, (1984), *Terjemahan Tafsīr al-Marāghī*. Bahrūn Abu Bakar(terj.). Semarang: Penerbit Toha Putra, h.344.

Dengan alasan kesibukan, anak ditinggalkan begitu sahaja kepada pembantu yang mengakibatkan pertumbuhan dan perkembangan anak mengikut acuan penjaganya. Itulah sebabnya banyak terjadi anak-anak yang memiliki keperibadian yang jauh berbeza dari keperibadian ayah dan ibunya kerana anak tersebut tidak mendapat kasih sayang dari kedua orang tuanya. Ini berbeza sekiranya seorang ibu yang air susunya tidak mencukupi, tidak menjadi kesalahan membantunya dengan air susu tidak asli.¹¹¹

Sebab diwajibkan menyusui anak bagi ibu ialah kerana air susu ibu merupakan susu yang terbaik, sebagaimana yang diakui oleh para doktor. Bayi yang masih berada dalam kandungan ditumbuhkan dengan darah ibunya. Setelah lahir, darah tersebut berubah menjadi susu yang merupakan makanan utama bagi bayi kerana ia telah terpisah dari kandungan ibunya. Hanya air susu ibu yang paling sesuai dengan perkembangan bayi. Tidak ada yang perlu dikhuatirkan sama ada bayi akan cedera atau diserang penyakit disebabkan air susu ibu. Apa yang dimakan oleh bayi ketika masih dalam kandungan dan susu yang diperoleh dari ibunya tidaklah memberi kesan kepada diri bayi tersebut, bahkan ia akan membuatnya lebih sihat dan lebih baik. Para ahli pendidikan di negara-negara maju telah memahami kenyataan ini. Oleh kerana itu, diberitakan pembesar Rusia telah memerintahkan isterinya untuk menyusukan sendiri anak-anaknya dan melarang mereka disusukan oleh orang lain.¹¹²

¹¹¹ Abu Mohammad Jibril Abdurrahman(1985), *op. cit.*, h. 112.

¹¹² al-Marāghī, (1984), *op. cit.*, h. 344.

Firman Allah itu merupakan pengukuhan terhadap kewajiban menyusukan bayi selama dua tahun. Menurut kebiasaan, sekalipun kurang dari dua tahun, hal ini boleh juga dikatakan dua tahun, seperti dikatakan, “Saya tinggal di rumah Si Fulan selama dua tahun.” Maksud dari perkataan ini, terkadang masa tinggalnya tidak cukup dua tahun, tapi kurang sedikit dari itu, contohnya satu setengah tahun. Hikmah ditetapkan pembatasan waktu menyusui bayi dengan masa ini ialah agar kepentingan bayi benar-benar diperhatikan. Air susu adalah makanan utama bayi pada umur seperti ini dan ia amat memerlukan perawatan yang sempurna dan tidak mungkin dilakukan oleh orang lain kecuali ibunya sendiri.¹¹³

Dengan itu, seorang ibu tidak wajar sengaja memberhentikan penyusuan anaknya dengan alasan kecantikan kerana tindakan ini adalah satu pengkhianatan dan akan dikutuk oleh Allah s.w.t.

4. Sebagai Seorang Anak

Firman Allah Ta’āla:

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا
وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا

Sūrah Luqmān (31) : 15

Maksudnya : *Dan sekiranya dia berusaha agar engkau mensyirikkan Ku dengan sesuatu yang tiada pengetahuan mu tentang itu, maka janganlah mentaatinya. Dan bergaullah dengannya di dunia secara baik*

¹¹³ Ibid, h. 346.

Ayat di atas memberi petunjuk bagaimana tanggungjawab seorang anak kepada ibubapa mereka walaupun mereka berlainan agama. Bagi seorang anak, ibubapa adalah merupakan golongan yang harus dihormati dan diikuti segala perintah dan permintaan mereka. Merekalah orang yang bertanggungjawab menjaga dan membesarkan seseorang itu hingga dewasa dan berjaya menjawat pelbagai jawatan yang penting.

Sebagai seorang anak, hak ibubapa ke atas mereka adalah amat besar. Namun, sekiranya seorang anak itu melihat ibu atau bapa mereka melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan agama, tanggungjawab untuk berdakwah tetap tidak gugur.

Cabaran dakwah terhadap ibubapa terlalu sukar, apatah lagi bagi mereka yang mempunyai ibubapa yang bukan muslim. Dalam konteks ini, seorang anak hendaklah mengambil satu posisi yang tepat selaras dengan kehendak Islam. Namun demikian, Islam bukanlah satu agama yang zalim kepada umatnya. Anak-anak yang memeluk Islam adalah tidak dihalang untuk berhubungan dengan ibubapa mereka yang bukan muslim. Hak ibubapa tetap tidak gugur walaupun mereka berlainan agama. Malah Islam menganjurkan agar anak-anak ini berbuat baik kepada ibubapa mereka yang berada dalam agama lain, dan berusaha untuk berdakwah mereka kepada Islam. Sebagaimana yang berlaku kepada Sayyidatina Asma' binti Abū Bakar r.a. di mana ayat di atas telah diturunkan sebagai jawapan kepada permasalahannya dalam berhadapan dengan ibu yang bukan muslim.

Kebiasaannya, seseorang anak itu akan berada dalam keadaan dilema untuk melaksanakan tugas dakwah terhadap ibubapa, sama ada untuk menegur perbuatan ibubapa yang bertentangan dengan kehendak syarak ataupun hanya berdiam dan sekadar hanya menegur dalam hati. Syariat Islam telah menetapkan perintah ibubapa tertakluk kepada perkara-perkara yang dibenarkan oleh undang-undang Allah Ta'ala.

Antara peranan dan tanggungjawab seorang anak ialah mentaati ibubapa dan ianya tidak gugur walaupun anak dan ibu berlainan agama. Kewajipan berbuat baik kepada ibubapa tidak terhenti dengan anak itu memeluk Islam dan meninggalkan keluarga asalnya. Kewajipan itu tidak terbatas kepada ibubapa yang satu agama dengannya sahaja. Seorang anak juga hendaklah sentiasa berkata baik kepada ibubapanya walaupun diuji dengan dugaan yang berat seperti dipaksa kembali kepada agama asal¹¹⁴. Ini pernah terjadi kepada Sa'ad bin Abi Waqqās r.a. di mana ibunya yang masih menganut agama nenek moyang mereka telah mengugut untuk tidak makan jika sekiranya Sa'ad tidak menurut katanya supaya balik ke ajaran asal mereka. Namun dengan tegas, Sa'ad menjawab, "Jika sekiranya ibu dikurniakan sepuluh nyawa, dan nyawa itu hilang satu persatu disebabkan ibu tidak makan. Saya tetap dengan pendirian saya atas agama Islam yang suci." Akhirnya ibu Sa'ad mengalah dan mula makan selepas keletihan dan sedar bahawa iman Sa'ad tidak bisa digugat lagi.¹¹⁵

Di waktu ibubapa meniti usia tua pula, adalah menjadi tanggungjawab seorang anak untuk memelihara mereka dan menjaga kebajikan mereka dengan

¹¹⁴ Anshari Thayib(1992), *Struktur Rumahtangga Muslim*. Surabaya: Risalah Gusti, h.89.

¹¹⁵ Hamka(1990), *Tafsir Al-Azhar*,j. 7. Singapura: Pustaka Nasional PTE, h. 5568.

sempurna. Anak mungkin akan diuji dengan kerenah ibubapa yang sudah lanjut usia dan mungkin kurang daya ingatan. Walaubagaimanapun seorang anak itu harus sabar dan redha dengan ujian itu serta sentiasa merendah diri di hadapan kedua ibubapa yang telah membawanya ke dunia.¹¹⁶

Kesungguhan dan kesabaran seorang anak dalam mentaati ibubapa selaras dengan perintah Allah s.w.t. tidak akan sia-sia. Hidup anak itu kelak akan diberkati dan sentiasa di dalam redhaNya selagi ibubapa meredhai.

5. Peranan dalam hubungan adik-beradik

Firman Allah Ta'āla:

إِذْ قَالُوا لَيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَيْنَا مِنْنَا وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

Sūrah Yūsuf (12) : 8

Maksudnya : *Ketika mereka berkata : Sesungguhnya Yusuf dan saudara kandungnya (Bunjamin) lebih dicintai oleh ayah kita daripada kita sendiri, padahal kita (ini) adalah satu golongan (yang kuat). Sesungguhnya ayah kita adalah dalam kekeliruan yang nyata.*

Ayat tersebut di atas menghuraikan tentang hubungan di antara saudara dalam keluarga, bagaimana saudara Nabi Yūsuf a.s. telah bercakap-cakap sesama

¹¹⁶ Anshari Thayib(1992), *op. cit.*, h.89.

mereka dengan mengatakan : Demi Allah, Yūsof dan adiknya Bunyamin itu lebih dikasihi oleh ayah kita daripada mengasihi kita, sedangkan kita adalah satu kumpulan. Mereka mengatakan demikian didorong oleh perasaan hasad dengki terhadap Yūsof dan Bunyamin apabila melihat ayah mereka lebih menyayangi keduanya. Mereka berpandangan: Apalah perlunya ayah kita melebihkan kasih sayangnya kepada kanak-kanak yang masih kecil yang kurang berguna, sedangkan kita sekumpulan daripada kanak-kanak yang lebih besar dan sanggup bekerja untuk menolong mencari rezeki. Jelaslah di sini, walaupun saudara-saudara Nabi Yūsof a.s. masih dalam usia kanak-kanak lagi, namun mereka sudah mempunyai perasaan dengki terhadap Nabi Yūsof yang begitu besar dan rasa cemburu mereka tidak dapat dibendung sehingga menimbulkan kemarahan membuak kepada ayah mereka, iaitu Nabi Yaakob a.s.¹¹⁷

Berlandaskan ayat ini, dapat disimpulkan bahawa hubungan antara saudara adalah sangat kritikal dan rumit. Seorang wanita seharusnya juga memberi perhatian yang khusus dalam bermuamalat dengan saudara-saudara mereka. Sebagai saudara kandung, mereka harus memelihara rasa cinta dan kasih sayang antara mereka dan mengelakkan suasana saling bersengketa. Budaya saling memberi dan saling bertolak-ansur serta faham-memahami harus diamalkan

¹¹⁷ Ahmad Sonhadji(1990), *op. cit.*, j. 11, h. 152.

dalam keluarga. Suasana yang harmoni akan wujud apabila yang besar mengasihi yang kecil dan yang kecil menghormati yang besar.¹¹⁸

Bagi saudara yang lebih tua sama ada abang atau kakak, seseorang itu bertanggungjawab untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada saudara mereka yang lebih muda. Dalam situasi di mana seseorang itu merupakan saudara yang lebih muda, tanggungjawab untuk berdakwah kepada saudaranya yang lain masih lagi tertanggung atas pundaknya. Di sini, seseorang itu harus bijak memilih pendekatan yang paling sesuai untuk menyampaikan dakwah kerana berdepan dengan mereka yang seharusnya dihormati. Perselisihan antara saudara kandung atau adik-beradik adalah suatu lumrah dan ia patut ditangani dengan cara yang terbaik dan wajar.

Perasaan seorang kakak atau abang harus dijaga dan sebagai seorang saudara yang lebih muda, wajarlah seseorang itu memperhalusi tindakan dan tutur katanya dan sentiasa menjaga tertib walaupun saudara yang lebih tua telah melakukan kesalahan.

6. Peranan wanita sebagai seorang guru

Firman Allah Ta'āla:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ط

¹¹⁸ Mustafa Masyhur(2000), *op. cit.* h. 521.

Maksudnya : *Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad)
dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik.*

Ayat di atas jelas menunjukkan peranan seorang guru (yang kebanyakan merupakan wanita) ialah menunjuk ajar dengan baik. Wanita dianugerahkan Allah sifat semulajadi yang lembut, sabar dan pengasih serta penyayang yang memungkinkan mereka mendidik kanak-kanak dengan sabar dan baik. Seorang guru muslimah hendaklah mendepani pelajarannya dengan cara yang lembut, kerana pendekatan inilah dianjurkan Islam. Tambahan pula, sifat lemah-lembut ini adalah sifat semulajadi yang dikurniakan Allah kepada seorang wanita. Maka sewajarnya kelebihan ini digunakan sebaiknya. Tanggungjawab dan tugas seorang guru adalah amat berat kerana mereka merupakan 'role model' dalam masyarakat.

Fokus utama dakwah dalam konteks seorang guru ialah pelajar. Seorang guru seharusnya menunjukkan contoh dan teladan yang baik setiap masa. Seorang pelajar akan menghabiskan sebahagian besar masanya dalam sehari di sekolah. Justeru, seorang guru mempunyai impak yang amat besar dalam dirinya, terutama mereka yang tinggal di asrama. Seorang warden akan lebih mengenali pelajar itu, mungkin lebih baik dari ibubapanya sendiri lantaran kesibukan ibubapa yang pergi bekerja sebelah pagi dan pulang semula waktu malam setelah anaknya tidur.¹¹⁹

Terdapat banyak kes di mana tingkah laku pelajar di sekolah adalah berlawanan dengan tingkah lakunya di rumah. Apabila laporan dibuat kepada

¹¹⁹ Peranan Guru Pendidikan Islam, dalam Seminar Kurikulum Pendidikan Islam bagi Guru Pendidikan Islam, Genting Highlands, 27 Julai 2006.

ibubapa tentang kesalahan anak mereka, kebanyakan ibubapa tidak percaya kerana menganggap anak mereka baik dan tidak akan melakukan kesalahan. Ini akan menjadi satu dilema kepada guru untuk membuktikan bahawa laporannya adalah benar. Senario ini tentunya akan menyulitkan proses dakwah berlangsung.

Seorang guru bukan sahaja mengajar isi pelajaran dalam kelas, malah mereka juga berkewajipan menerapkan nilai-nilai murni dan sikap-sikap positif dalam jiwa pelajar. Pelajar akan memandang guru sebagai seorang model dalam kehidupannya sehinggalah ditemui model yang lebih baik ataupun pelajar mendapati sikap guru tidak merefleksikan apa yang diajar.

Seorang guru juga akan berhadapan dengan rakan sejawatnya, iaitu guru-guru yang lain. Sebagai seorang yang mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup, dia seharusnya cuba mengekalkan suasana hubungan yang harmoni dengan mereka. Apabila suasana hubungan adalah baik dan aman, sesuatu program atau aktiviti yang diadakan di sekolah akan dapat dijalankan dengan baik. Sekiranya ada rakan sejawat yang menganut agama lain, seorang guru itu hendaklah tegas dalam melaksanakan hukum agama tetapi dengan menggunakan cara yang terbaik agar mereka menghormati setiap pendirian guru muslim.¹²⁰

Guru yang mengamalkan ajaran Islam dalam hidupnya juga harus mempunyai satu pendekatan yang positif dalam mendepani ketuanya, atau dalam konteks seorang guru ialah pengetua sekolah atau guru besar. Seorang guru yang istiqamah akan sentiasa mengekalkan prestasi cemerlang dalam tugas-tugas di

¹²⁰ *Ibid.*

sekolah dan melaksanakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan ke atasnya oleh ketua dengan sebaik mungkin.

Sasaran dakwah yang paling rapat dengan sasaran utama iaitu pelajar ialah ibubapa kepada para pelajar. En. Samsudin bin Md Noor, seorang Guru Cemerlang opsyen Pendidikan Islam pemegang Gred Khas Jusa C, berpendapat komunikasi berkesan amat penting bagi seorang guru dalam berhubung dengan banyak pihak, terutama dengan ibubapa pelajar. Komunikasi berkesan akan menghasilkan hubungan yang baik yang merupakan langkah awal bagi menyampaikan mesej berikutnya. Apabila timbul kemesraan natijah dari hubungan yang sentiasa dijaga, hubungan akan menjadi bertambah rapat sekaligus memudahkan penyelesaian segala masalah dan menjalinkan kerjasama yang lebih bermakna. Menurut beliau, ibubapa merupakan penjaga mutlak pelajar, juga pemerhati dan penilai bagi seorang guru. Justeru, guru sedapat mungkin hendaklah mengekalkan hubungan baik dengan ibubapa pelajar dengan mengusahakan untuk mendapat persepsi yang sama terhadap pelajar, bekerjasama dengan mesra dan menyimpan maklumat sulit tentang pelajar dengan baik untuk kepentingan pelajar.¹²¹

Tujuan pendidikan dalam Islam ialah untuk melahirkan manusia yang produktif, yang memberi erti kepada hidup dan kehidupan sebagaimana ia pun mengambil manfaat darinya, yang aktif walaupun kiamat telah di ambang mata, yang menunaikan kewajipan sebelum menuntut hak, yang mencintai saudaranya

¹²¹ *Ibid.*

seperti cinta kepada dirinya sendiri dan yang mengabdikan hidup untuk umat Islam sebelum untuk dirinya.¹²²

Pendidikan dalam pemahaman Islam adalah pendidikan yang lengkap dan menyeluruh dan bukan sekadar pendidikan agama sebagaimana yang sering disangkakan oleh sesetengah orang. 'Pendidikan agama' adalah salah satu bahagian dari pendidikan Islam yang Islam serukan dan Islam wajibkan. Pendidikan Islam turut merangkumi pendidikan kecerdasan, pendidikan jasmani, pendidikan kesihatan, pendidikan moral, pendidikan keilmuan, pendidikan ketrampilan, pendidikan sastera, pendidikan seni, pendidikan seks, pendidikan sosial, pendidikan ketenteraan, pendidikan ekonomi, pendidikan politik dan pendidikan kemanusiaan. Semua ilmu tersebut hendaklah saling melengkapi dan berjalan seiring hingga berupaya membentuk seorang individu muslim yang baik dan memiliki ciri-ciri kecemerlangan dari segenap aspek.¹²³

Sesungguhnya kedudukan seorang guru amat mulia di sisi Allah kerana ilmu yang ada dalam diri mereka sebagaimana firman Allah :

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ

Sūrah al-Mujādilah(58) :11

Maksudnya : *Nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat.*

¹²² Mustafa Malaikah(2001), *op. cit*, h. 80.

¹²³ *Ibid.*, h. 81.

Justeru nikmat itu, seorang guru muslimah hendaklah benar-benar menyedari peranannya dalam mempersiapkan diri untuk mendidik generasi. Ini adalah kerana terdapat di kalangan guru yang beranggapan tugasnya hanya mengisi memori pelajar dengan berbagai pengetahuan semata-mata. Apabila berjaya membuat sejumlah besar pelajarinya lulus cemerlang dalam matapelajaran yang diajar, bererti dia seorang guru yang berjaya. Ini adalah pemahaman yang tersasar kerana tugas guru adalah mendidik sebelum mengajarkan ilmu.¹²⁴

Seorang guru muslimah yang baik akan memastikan pelajarinya terdidik dengan nilai-nilai murni sebagaimana kehendak syarak. Perbezaan yang jelas terdapat antara *tarbiyah* dan *ta'lim*. *Ta'lim* (pengajaran) adalah berinteraksi dengan rasional dan fikiran, sementara *tarbiyah*(pendidikan) pula berinteraksi dengan jiwa dan rohani. Justeru, perhatian yang lebih hendaklah diberikan terhadap *tarbiyah* seperti kata pepatah : Adab lebih diutamakan daripada ilmu.¹²⁵

Dalam mendidik dan melakukan dakwah menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada perkara makruf dan mencegah perkara mungkar, sebaiknya seorang guru itu melaksanakan dahulu atau dengan kata lain mengamalkan terlebih dahulu apa yang diajarnya. Dengan itu, pelajar akan lebih cenderung untuk mencontohinya berbanding dengan hanya mengucap dengan kata-kata tanpa melaksanakannya. Misalnya, berusaha melaksanakan sembahyang tepat pada waktunya bersama murid-muridnya, membantu mereka untuk lebih memahami ajaran agama setiap kali melihat hal-hal yang menyimpang, memuji akhlak

¹²⁴ Mustafa Masyhur(2000), *op. cit.*, h. 542

¹²⁵ *Ibid.*, h. 540.

muslim atau perilaku baik yang mereka lakukan dan membenci perilaku buruk yang mereka kerjakan. Dengan kata lain, guru muslimah hendaklah menjadi teladan yang nyata dalam ketekunannya dalam melaksanakan ajaran-ajaran Islam dan adab-adab yang dianjurkan syarak.¹²⁶

Dalam mendidik pelajar juga, seorang guru hendaklah membersihkan hatinya, mendidik pelajar dengan ikhlas agar apa yang diajar akan lebih berkesan dan mendapat keberkatan. Sekiranya seorang guru itu tidak ikhlas, maka seluruh visi kerajaan, cita-cita dan impian masyarakat dan kehendak syarak akan menemui jalan buntu.¹²⁷

Seorang guru muslimah dianjurkan agar mencipta hubungan baik dan kasih sayang dengan para pelajar. Ini adalah kerana hal itu banyak membantu munculnya kesan baik dalam diri mereka, sehingga para pelajar itu cenderung mengikut segala anjurannya dengan hati terbuka. Hubungan seumpama itu dapat dijelmakan melalui penglibatan guru-guru dalam acara lawatan sambil belajar atau seminar-seminar.¹²⁸

Sekiranya seorang wanita itu merupakan seorang yang diberi tanggungjawab menggubal dasar atau kurikulum pendidikan negara, perkara penting yang harus dipastikan ialah corak pendidikan yang hendak dibentuk bersesuaian dengan tujuan pendidikan dalam Islam selari dengan peranannya menyeru kepada

¹²⁶ *Ibid.*

¹²⁷ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h.81.

¹²⁸ Mustafa Masyhur (2000), *op. cit.*,h. 540.

kebaikan umat Islam, mengajak kepada perkara makruf dan menegah kemungkaran.

Di samping itu, para wanita yang memegang amanah ini juga tidak harus lupa, pendidikan agama yang sering disebut *Ulum Shar'iyah*, bukanlah semata-mata pengetahuan agama Islam yang diajarkan dan berkaitan agama sahaja. Yang dimaksud dengan pendidikan agama Islam tidak hanya terbatas pada hafalan-hafalan walaupun itu juga benar dan bermanfaat. Sesungguhnya pendidikan agama Islam adalah sebuah proses yang lebih dalam dan lebih besar. Justeru, pendidikan Islam harus menggarap dan menyentuh fikiran dan hati dalam membentuk akal Islami, jiwa Islami dan peribadi Islami, iaitu peribadi yang diinginkan dalam Islam.¹²⁹

Antara tanggungjawab mereka yang penting juga ialah menjadikan Islam sebagai ciri umum dalam setiap kurikulum yang digubal walau apa sahaja subjek pengkhususannya.¹³⁰ Hendaknya waktu pelajaran agama tidak dijadikan satu-satunya waktu pelajar mempelajari tentang agama Islam, sebaliknya semua material ilmiah dan sastera memiliki pemberatan pendidikan Islam. Pelajaran fizik, ilmu biologi, atau geografi yang diajarkan oleh seorang mukmin berlandaskan paradigma Islam dan keimanan akan lebih kuat pengaruhnya pada jiwa anak dan akan menanam nilai yang jauh lebih mapan daripada jam pelajaran agama yang rasmi. Tema-tema tertentu dari bacaan sastera, atau satu bab dari bab-bab sejarah atau kaedah-kaedah ilmu, jika ditulis dengan nuansa dan hakikat Iman

¹²⁹ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h. 83.

¹³⁰ Mustafa Masyhur (2000), *op. cit.*,h. 540.

dan Islam, pasti akan memberikan impak yang sangat kuat terhadap pendidikan Islam seorang pelajar, lebih daripada pengaruh yang didapati dari buku-buku pelajaran yang tidak mengikut acuan ini. Sesungguhnya arahan yang tidak langsung jauh akan lebih kuat pengaruhnya dari arahan yang bersifat langsung. Begitu juga arahan yang dilakukan bukan untuk ujian akan lebih kuat pengaruhnya daripada yang hanya sekadar untuk ujian.¹³¹

Manakala sekiranya seorang wanita itu adalah sebagai pimpinan dalam sesebuah institusi pendidikan, haruslah peranan wanita itu selaras dengan tuntutan agama. Dia hendaklah memastikan tidak ada *tabarruj* berlaku, tidak ada percampuran bebas antara lelaki dan wanita dan memperhatikan adab-adab Islam dalam melakukan interaksi. Di samping itu, tanggungjawabnya ialah menyediakan tempat untuk sembahyang dan wuduk dan memastikan pembahagian waktu yang bersesuaian dengan waktu sembahyang.

¹³¹ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit*, h. 83.

7. Peranan sebagai penulis dan saksi

Firman Allah Ta'āla:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ
وَلْيَكُتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ
فَلْيَكُتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ شَيْئًا
فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ
فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا
رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا
أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا

Sūrah al-Baqarah(2) : 282

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar, dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi.*

Menurut Ibn ‘Asyūr, *khitāb* ayat di atas adalah ditujukan kepada orang mukmin keseluruhannya. Pada pandangannya, ayat ini juga khas kepada orang yang berhutang kerana orang yang berhutang lebih berhak untuk dijaga hal ehwalnya dan hendaklah dia berada dalam keadaan tenang sentiasa.¹³²

Berpadanan tugas ini dengan fitrah seorang wanita yang sentiasa tenang dan teliti. Ayat di atas juga menerangkan lebih lanjut peranan penting wanita iaitu menulis dan menjadi saksi. Dalam konteks hari ini, penulis buku mahupun wartawan akhbar (tanpa mengambil kira lapangannya) adalah antara tenaga penggerak utama masyarakat dalam sesebuah negara. Maka tepatlah pepatah Melayu ‘Sesungguhnya mata pena itu lebih tajam daripada mata pedang’.

Masyarakat Malaysia, walaupun dilaporkan hanya membaca dua buah buku dalam satu tahun, namun bahan-bahan ilmiah ringan seperti majalah-majalah yang diterbitkan secara berkala masih menjadi tumpuan. Sasaran dakwah dalam konteks seorang penulis ialah pembaca tulisan mereka dari segenap lapisan masyarakat sama ada lelaki mahupun wanita.

Sejarah telah mencatatkan bahawa di negara kita, kuasa tulisan berupaya menggerakkan kuasa manusia, mampu memainkan sentimen serta membangkitkan kesedaran beragama. Telah terbukti bagaimana kisah seorang gadis pingitan yang telah sekian lama dididik dengan asuhan agama Islam di bawah jagaan ibu angkatnya telah menggoncang seluruh Tanah Melayu, justeru sebagai simbol keprihatinan umat. Gadis tersebut yang bergelar Natrah, atau nama

¹³² Muhd al-Tāhir Ibn ‘Asyūr (1984), *op. cit.*, h. 98.

asalnya Maria Hertogh, telah dipaksa pulang ke pangkuan ibubapa kandungnya yang beragama Kristian, sehingga mencetuskan tunjuk perasaan besar-besaran di Singapura. Akhbar-akhbar di Singapura dan Tanah Melayu telah memainkan peranan yang penting dengan membakar semangat umat Islam pada masa itu sama-sama bangkit menegakkan hak Natrah untuk tetap dalam ajaran Islam. Di Mahkamah Singapura, dapat didengar dua versi cerita di mana satu datangnye daripada Adeline Hunter, ibu Natrah dan satu versi lagi daripada ibu angkat Natrah, Aminah Mohammad. Ibu Natrah mendakwa bahawa beliau hanya menyerahkan Natrah kepada ibu angkatnya atas sebab-sebab peribadi hanyalah untuk sementara waktu sahaja.¹³³

Natrah, atau nama penuhnya Nadra binte Ma'arof, telah berkahwin dengan Mansor Adabi pada 1 Ogos 1950 di Singapura sewaktu usianya 13 tahun. Namun perkahwinannya telah diisytiharkan tidak sah oleh Mahkamah Singapura kerana di bawah umur. Semua ini membangkitkan kemarahan umat Islam pada masa itu. Rentetan daripada itu, satu tunjuk perasaan besar-besaran berlaku pada tanggal 11 Disember 1950 di Singapura berlanjutan hingga 13 Disember dan menyaksikan 18 nyawa terkorban dan 173 lagi cedera.¹³⁴ Ternyata objektif sesuatu penulisan iaitu membangkitkan semangat pembaca dapat dimanifestasikan daripada peristiwa bersejarah ini.¹³⁵

¹³³ Tunjuk Perasaan Maria Hertogh, http://en.wikipedia.org/wiki/maria_hertogh_riots, 12 September 2006.

¹³⁴ *Ibid.*

¹³⁵ Al-Bahi al-Khuly(1984), *Panduan Para Pendakwah*. Ismail Mohd. Hassan (terj.). Kuala Terengganu: Siri Penerbitan Yayasan Islam Terengganu, h. 646.

Tuntasnya, seorang penulis atau saksi bagi sesuatu peristiwa haruslah bertanggungjawab dalam menjalankan tugasnya. Mereka sepatutnya bertindak secara adil agar tidak berlaku sebarang kepincangan dalam masyarakat amnya atau individu terbabit khususnya.

Berdasarkan peranan yang pelbagai dan penting yang harus dimainkan oleh seorang muslimah, maka tugas berat itu harus dipikul dengan berhemah. Tugas-tugas utama di sisi keluarga harus menjadi prioriti golongan wanita muslimah. Mereka seharusnya melaksanakan kewajipan di rumah menjaga keperluan suami dan anak terlebih dahulu serta memastikan rumahtangga tidak terabai sebelum keluar bergiat dalam program dakwah di tengah masyarakat. Tugas profesional seorang muslimah juga harus digalas berpandukan matlamat memperbaiki diri dan komuniti Islam secara amnya. Oleh itu, kerjasama semua pihak, terutama suami amat diperlukan dalam usaha muslimah meninggikan syiar Islam demi kepentingan agama dan umat Islam keseluruhan.

BAB TIGA

PERANAN WANITA DALAM DAKWAH

MENURUT SŪRAH ĀLI ‘IMRĀN

3.1 Pengenalan

Ayat-ayat yang menjadi topik perbincangan penyelidik dalam kajian ini ialah ayat 104, 110 dan 114 serta 159 sūrah Āli ‘Imrān. Ayat-ayat tersebut menyentuh secara langsung persoalan dakwah, dan wanita adalah termasuk dalam *khitāb* ayat-ayat tersebut.

Berdasarkan hukum syariat Islam yang menetapkan bahawa wanita adalah merupakan makhluk Allah Ta’āla yang sama-sama diberi kewajipan seperti juga golongan lelaki, maka kajian ini dijalankan untuk menjelaskan perspektif peranan wanita dalam pelbagai aspek disorot dari ayat-ayat berbentuk umum. Al-Qur’ān menyatakan bahawa lelaki dan perempuan sama-sama bertanggungjawab untuk memperbaiki seterusnya mensejahterakan masyarakat di mana Allah Ta’āla berfirman :

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Sūrah al-Taubah (9) :71

Maksudnya : *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang mungkar mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan mereka taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

Dalam pentafsiran ayat tersebut di atas, al-Zuhaylī menyifatkan orang beriman dari kalangan lelaki dan wanita adalah saling tolong-menolong dan saling bergantung antara satu sama lain. Kerjasama antara lelaki dan wanita turut merangkumi bidang yang bersifat keras, seperti di medan perang dan peristiwa Hijrah.¹³⁶

Wanita adalah makhluk yang dikenakan *taklīf* syariah sebagaimana lelaki, mereka diperintahkan untuk beribadat kepada Allah, menegakkan agamaNya, melaksanakan kewajipan dan menjauhi larangan-laranganNya, menyeru manusia kepada agama Allah, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Semua perintah agama adalah ditujukan kepada lelaki dan perempuan. Jika Allah berfirman , “Wahai manusia atau Wahai orang-orang yang beriman,” seruan itu merangkumi juga wanita.¹³⁷

Inilah sebabnya mengapa Ummu Salamah tatkala dia mendengar Rasulullah bersabda, “Wahai manusia,” dan dia saat itu sedang sibuk dengan

¹³⁶ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al- Tafsīr al-Munīr fī al- 'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, j. 8.Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āsir, h. 141.

¹³⁷ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h. 84.

urusannya, dia cepat bergegas memenuhi panggilan baginda. Sebahagian orang yang melihat tindakan Ummu Salamah ini menjadi hairan. Lalu Ummu Salamah berkata, “Saya adalah seorang manusia.”¹³⁸

Pada prinsipnya wanita adalah sama dengan lelaki dari sudut kewajipan dan *taḳlīf* syariah, sebagaimana firmanNya:

أَنَّى لَا أَضِيعَ عَمَلَ عَمِلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنثَىٰ بَعْضُكُم مِّنْ بَعْضٍ ۖ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :195

Maksudnya : *Sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan amalan orang-orang yang beramal di antara kamu, baik lelaki atau perempuan, (kerana) sebahagian kamu adalah sebahagian dari yang lain.*

Dengan ini jelas dapat difahami bahawa mana-mana ayat al-Qur’ān yang menggunakan kalimah umum orang lelaki beriman, maka wanita beriman juga termasuk dalam perbahasan yang sama kecuali ayat-ayat yang ditujukan *khitāb* khusus hanya untuk kaum lelaki. Berlandaskan kepada fakta ini, maka beberapa ayat dari sūrah Āli ‘Imrān yang membicarakan tentang dakwah dan menggunakan *khitāb* kepada kaum lelaki telah diberi tumpuan dalam kajian dengan sokongan beberapa ayat dari sūrah lain. Penyelidik memfokuskan kepada peranan kaum wanita dalam berdakwah kerana wanita juga termasuk dalam *khitāb* ayat tersebut tanpa perselisihan ulama.¹³⁹

¹³⁸ *Ibid.*

¹³⁹ al-Marāghī(1963), *op. cit.*, h. 22.

3.2 Pengenalan Sūrah Āli ‘Imrān

3.2.1 Pengenalan

Sūrah Āli ‘Imrān diberi nama bersempena nama sebuah keluarga yang memiliki sifat mulia dan amalan ketaatan kepada Allah Ta’āla, iaitu keluarga ‘Imrān. ‘Imrān merupakan bapa kepada Maryam, ibu Nabi ‘Isa a.s. Maryam terkenal dalam sejarah Islam sebagai seorang hamba Allah yang tekun beribadat dan tinggi rasa perhambaan kepada Allah s.w.t. Maryam merupakan antara wanita yang menjadi contoh di zamannya hingga ke akhir zaman sehingga Hari Akhirat.¹⁴⁰ Ia juga merupakan bukti kekuasaan Allah s.w.t. dengan kelahiran Maryam dan puteranya Nabi ‘Īsa a.s.¹⁴¹

3.2.2 Latarbelakang Sūrah Āli ‘Imrān

Sūrah Āli ‘Imrān adalah termasuk dalam kategori Sūrah Madaniyyah. Ayat-ayat dalam sūrah ini diturunkan di Madinah al-Munawwarah. Sūrah ini juga digelar sebagai *al-amān*, *al-kanzu*, *al-ma’niyyah*, *al-mujādalah* dan *Sūrah al-Istighfār*. Sūrah ini mengandungi 200 ayat kesemuanya.¹⁴²

¹⁴⁰ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 142.

¹⁴¹ Muhammad Ali al-Sābūnī (1976), *Safwah al-Tafāsīr*. Madīnah al-Nasr: Dār al-Sābūnī, h. 82.

¹⁴² Abū al-Fadl Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Ālūsī al-Baghdādi (1993), *Rūh al-Ma’āni*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 118.

Sūrah Āli ‘Imrān dan sūrah al-Baqarah dinamakan *al-Zahrawāni* kerana kedua-dua sūrah ini memberi petunjuk ke arah kebenaran kepada pembacanya.¹⁴³ Kedua sūrah ini juga akan membawa cahaya yang sempurna kepada mereka beramal dengannya pada hari Akhirat kelak. Di samping itu, pada kedua sūrah ini juga terdapat *Ismullah al-A’zam* iaitu pada sūrah al-Baqarah¹⁴⁴, firman Allah s.w.t.

وَالْهَكُمُ إِلَهُ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Sūrah al-Baqarah(2) :163

Maksudnya : *Dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Esa tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang.*

Manakala pada Sūrah Āli ‘Imrān pula Allah berfirman:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :2

Maksudnya : *Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) Melainkan Dia. Yang Hidup kekal lagi terus-menerus menguruskan makhlukNya.*

3.2.3 Kedudukan Sūrah Āli ‘Imrān

Sūrah Āli ‘Imrān merupakan sūrah ketiga dalam susunan al-Qur’ān iaitu selepas sūrah al-Fātihah dan sūrah al-Baqarah. Sūrah selepas sūrah Āli ‘Imrān

¹⁴³ *Ibid.* ; Lihat juga Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 142.

¹⁴⁴ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 142.

iaitu sūrah keempat ialah sūrah al-Nisa'. Sūrah ini diturunkan selepas sūrah al-Anfāl.¹⁴⁵

3.2.4 Hubungan Sūrah Āli 'Imrān dengan sūrah sebelum dan selepas

i) Hubungan sūrah Āli 'Imrān dengan sūrah sebelumnya

Kedua-dua sūrah al-Baqarah dan sūrah Āli 'Imrān diturunkan di Madīnah al-Munawwarah. Sūrah-sūrah ini dikategorikan sebagai sūrah *madaniyyah*.¹⁴⁶

Sūrah al-Baqarah dan sūrah Āli 'Imrān membicarakan tentang al-Qur'ān dan perihal keadaan-keadaan manusia dalam *bermuāmalat* dengannya. Pada sūrah al-Baqarah, disentuh persoalan segolongan manusia yang beriman dengan kitab yang diturunkan dan juga golongan yang tidak beriman dengannya. Logiknya ia didahulukan kerana ia merupakan isi pertama dakwah Islam. Sementara dalam sūrah Āli 'Imrān pula, dinukilkan pendirian sekelompok manusia yang menggunakan ayat-ayat *mutasyābihat* dengan niat untuk menimbulkan fitnah dan pendirian mereka yang mempunyai ilmu yang mendalam di mana golongan ini menerima semua ayat *muhkamāt* dan *mutasyābihat* dengan berkata : “Semua ayat-ayat ini adalah dari sisi Tuhan Kami.”¹⁴⁷

¹⁴⁵ al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 140.

¹⁴⁶ *Ibid.*, al- Ālūsī (1993), *op. cit.*, h. 118, al-Sābūnī (1976), *op. cit.*, h.181.

¹⁴⁷ al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 140.

Kedua sūrah tersebut juga mengandungi hujah-hujah terhadap para Ahli Kitab. Sūrah al-Baqarah banyak membicarakan tentang hujah-hujah Allah yang menundukkan kaum Yahudi dan terdapat juga hujah yang mematahkan dakwaan kaum Nasrani. Manakala pada sūrah Āli ‘Imrān pula, adalah sebaliknya. Ini bertepatan dengan fakta bahawasanya golongan Nasrani muncul terkemudian dari kaum Yahudi jika mengambil kira seruan dakwah Islam.¹⁴⁸

Sūrah al-Baqarah juga berperanan sebagai pemberi hujah, sementara peranan sūrah Āli ‘Imrān pula lebih kepada menafikan segala keraguan dan kesangsian. Justeru, terdapat penegasan dalam sūrah al-Baqarah dalam bentuk pengulangan apa yang penting iaitu hakikat kebenaran kitab ini (al-Qur’ān) dari segi penurunannya dan membenarkan kitab-kitab yang datang sebelumnya serta petunjuk ke arah jalan yang benar sebagaimana firmanNya

قُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ
وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ
وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ مِن رَّبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ

Sūrah al-Baqarah(2) :136

Maksudnya : Katakanlah (hai orang-orang mukmin) “Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami. Dan apa yang diturunkan kepada Ibrahim dan Ismail dan Ishak dan Yaakob dan anak cucunya dan apa yang diberi kepada Musa dan ‘Isa dan apa yang diberikan kepada Nabi-nabi dari Tuhannya. Tiada beza antara mereka.

Justeru, sūrah Āli ‘Imrān pula tampil memberi penjelasan lanjut berkaitan dengan apa yang telah disebut dalam sūrah terdahulu.¹⁴⁹

¹⁴⁸ Ibid.

¹⁴⁹ al- Ālūsī (1993), *op. cit.*, h. 118.

Di samping itu, antara bentuk persamaan yang wujud antara dua sūrah ini ialah perbicaraan tentang penciptaan Nabi Ādam a.s. dalam sūrah al-Baqarah, sementara sūrah Āli ‘Imrān pula menyentuh persoalan tentang penciptaan Nabi ‘Īsa a.s.. Kedua-dua mempunyai persamaan di mana ia adalah penciptaan baru yang belum pernah ada sebelumnya.

Bentuk persamaan seterusnya bagi kedua sūrah ini ialah sūrah- sūrah ini ditutup dengan doa. Sūrah al-Baqarah berpadanan dengan permulaan beragama bilamana sebahagian besarnya banyak berkaitan dengan *taklīf* dan memohon agar dikurniakan kemenangan mengatasi mereka yang menghalang dakwah Islam dan memerangi pengikutnya. Manakala sūrah Āli ‘Imrān pula tepat dengan situasi yang berlaku selepas itu, apabila dipohon agar Allah Ta’āla menerima usaha dakwah yang dijalankan serta semoga dilimpahkan ganjaran baik di Akhirat.¹⁵⁰

Selanjutnya, pada sūrah al-Baqarah diperihalkan kisah Nabi Ibrahim a.s.¹⁵¹ di mana Allah s.w.t. berfirman :

رَبَّنَا وَأَبْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ

Sūrah al-Baqarah (2) :129

Maksudnya : *Ya Tuhan kami, utuslah untuk mereka seorang Rasul dari kalangan mereka.*

Sementara pada sūrah Āli ‘Imrān pula, Allah s.w.t. berfirman

¹⁵⁰ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 140.

¹⁵¹ al- Ālūsī (1993), *op. cit.*, h. 119.

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) : 164

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah telah memberi kurnia kepada orang-orang yang beriman ketika Allah mengutus di antara mereka seorang Rasul dari kalangan mereka.*

Penyesuaian antara sūrah-sūrah ini juga jelas apabila pada sūrah al-Baqarah Allah s.w.t. menceritakan perihal golongan Yahudi yang berkata kepada orang-orang Islam di zaman Nabi s.a.w. , “Wahai Muhammad, Tuhan engkau telah meminta gadaian dari hambaNya” tatkala turun firman Allah s.w.t.:¹⁵²

مَّن ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ

Sūrah al-Baqarah (2) : 245

Maksudnya : *Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah.*

Manakala dalam sūrah Āli ‘Imrān pula, diturunkan ayat menjawab dakwaan golongan ini, di mana Allah s.w.t. berfirman:

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ
وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) : 181

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan : “Sesungguhnya Allah itu miskin dan kami kaya”.*

¹⁵² Ibid.

Persamaan lain yang boleh dilihat dari kedua sūrah ini ialah dalam sūrah al-Baqarah disebut sifat neraka¹⁵³ di mana Allah s.w.t. telah berfirman:

فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ

Sūrah al-Baqarah (2) : 24

Maksudnya : *Peliharalah dirimu dari neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu, yang disediakan untuk orang-orang kafir.*

Sementara pada akhir sūrah Āli ‘Imrān pula terdapat ayat yang membicarakan tentang syurga dan neraka. Allah s.w.t. berfirman:

وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :133

Maksudnya : *Dan syurga yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa.*

Sūrah Āli ‘Imrān juga ditutup dengan firman Allah Ta’āla :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) : 200

Maksudnya : *Hai orang-orang yang beriman bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaran mu dan tetaplah bersiap siaga (di perbatasan negeri mu) dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beruntung.*

¹⁵³ Ibid.

Ini adalah bersesuaian dengan bagaimana bermulanya sūrah al-Baqarah, firman Allah Ta'āla :

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Sūrah al-Baqarah(2) :2

Maksudnya : *Kitab (al-Qur'ān) itu tidak ada keraguan. Padanya, petunjuk bagi mereka yang bertakwa.*

Ayat sūrah Āli 'Imrān tersebut seolah-olah merupakan penutup bagi sūrah sebelumnya. Ini adalah kerana sūrah al-Baqarah bermula dengan penetapan kejayaan bagi orang-orang yang bertakwa dan sūrah Āli 'Imrān pula ditutup dengan seruan kepada manusia agar bertakwa kepada Allah dan mereka akan dikurniakan kejayaan.¹⁵⁴

ii) Hubungan sūrah Āli 'Imrān dengan sūrah selepasnya

Kedua-dua sūrah Āli 'Imrān dan sūrah -sūrah al-Nisa' adalah sūrah yang dikategorikan sebagai sūrah *madaniyyah*.¹⁵⁵

¹⁵⁴ al- Ālūsī(1993), *op. cit.*, h. 119.; Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 141.

¹⁵⁵ al-Marāghī(1963), *op. cit.*, h. 173.

Lihat juga al-Sayyid Rashid Rida(t.t.), *al- Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*, j.4. Al-Qāhirah: Maktabah al-Qāhirah, h. 321

Terdapat beberapa hubungan yang unik antara kedua sūrah ini di mana pertamanya, sūrah Āli ‘Imrān ditutup dengan perintah agar bertakwa kepada Allah. Firman Allah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :200

Maksudnya : *Hai orang-orang yang beriman bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap sedia (di perbatasan negerimu) dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beruntung.*

Manakala sūrah al-Nisa’ pula dibuka dengan perintah sedemikian juga¹⁵⁶ sebagaimana firman Allah :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ

Sūrah al-Nisa’(4):1

Maksudnya : *Hai manusia bertawalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya dan daripada keduanya Allah memperkembang-biakkan lelaki dan perempuan yang banyak dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (menggunakan) namaNya kamu saling meminta satu sama lain.*

¹⁵⁶ al-Marāghī(1963), *op. cit.*. 173.

Keduanya, pada sūrah Āli ‘Imrān telah disebut tentang kisah Peperangan Uhud dengan penjelasan secara terperinci, peristiwanya dan hukum-hukum berkaitan. Pada sūrah al-Nisa’ pula menyebut tentang kesan-kesan dari kisah peperangan ini¹⁵⁷ sebagaimana firman Allah Ta’āla:

﴿فَمَا لَكُمْ فِي الْمُتَنَفِقِينَ فِتْنَيْنِ﴾

Sūrah al-Nisa’(4) :88

Maksudnya : *Maka mengapa kamu (terpecah) menjadi dua golongan dalam (menghadapi) orang-orang munafik.*

Sūrah Āli ‘Imrān dan sūrah al-Nisa’ juga membicarakan tentang peperangan selepas Perang Uhud iaitu Perang Hamra’u al-Asad.¹⁵⁸ Allah Ta’āla berfirman dalam sūrah Āli ‘Imrān :

الَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِلَّهِ وَالرَّسُولِ مِنْ بَعْدِ مَا أَصَابَهُمُ الْقَرْحُ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :172

Maksudnya : *(Yaitu) orang-orang yang mentaati perintah Allah dan RasulNya sesudah mereka mendapat luka (dalam Perang Uhud).*

Sementara dalam sūrah al-Nisa’, Allah berfirman :

¹⁵⁷ *Ibid.*; Lihat juga al-Sayyid Rashid Rida(t.t.), *op. cit.*, h. 321.

¹⁵⁸ al-Marāghī (1963), *op. cit.*, h. 173.

Lihat juga al-Sayyid Rashid Rida(t.t.), *op. cit.*, h. 322.

Lihat juga al- Ālūsī (1993), *op. cit.*, h. 280.

وَلَا تَهِنُوا فِي ابْتِغَاءِ الْقَوْمِ

Sūrah al-Nisa'(4) :104)

Maksudnya : *Janganlah kamu berhati lemah dalam mengejar mereka (musuhmu).*

Persamaan lain yang didapati dalam sūrah Āli ‘Imrān dan sūrah al-Nisa’ ialah dalam keduanya terdapat hujah-hujah terhadap golongan ahli kitab iaitu golongan Yahudi dan Nasrani. Di samping itu, kedua sūrah ini juga menyebut tentang puak munafiqin dalam persoalan peperangan. Seterusnya sūrah-sūrah ini turut membahaskan hukum-hukum berkaitan perang.¹⁵⁹

3.2.5 Kelebihan Sūrah Āli ‘Imrān

Sūrah Āli ‘Imrān adalah termasuk dalam kategori sūrah *Madaniyyah* yang diturunkan di Madinah. Sūrah ini terkenal dengan banyak kelebihan, antaranya :

- a) Sūrah ini dinamakan *al-Zahrawāni*, bersama sūrah al-Baqarah kerana ia memberi petunjuk ke arah kebenaran kepada pembacanya dan akan datang di hari Akhirat sebagai syafaat kepada pembacanya.¹⁶⁰
- b) Sūrah ini juga mengandungi *Ismullah al-A’zam* yang boleh digunakan untuk pelbagai kegunaan bagi manfaat manusia.¹⁶¹
- c) Pengamal sūrah ini akan diberi keistimewaan berbanding dengan sūrah - sūrah lain dalam al-Qur’ān.¹⁶²

¹⁵⁹ al-Sayyid Rashid Rida(t.t.), *op. cit.*, h. 321.

¹⁶⁰ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 132

¹⁶¹ *Ibid.*

3.2.6 Intisari Ayat-ayat di dalam Sūrah Āli ‘Imrān

Pada bahagian awal sūrah ini, membicarakan tentang keesaan Allah s.w.t., kenabian, kebenaran al-Qur’ān, penafian ke atas golongan Ahli Kitab tentang Islam, al-Qur’ān dan Nabi Muhammad s.a.w. Sūrah al-Baqarah pula membicarakan tentang golongan Yahudi sementara sūrah ini pula membicarakan perihal golongan Nasrani.¹⁶³

Secara umumnya, sūrah ini membicarakan dua topik utama iaitu persoalan akidah dan syariah:

- a) **akidah** : Sūrah ini menyentuh persoalan Keesaan Allah, Kenabian, kebenaran al-Qur’ān, penafian dakwaan Ahli Kitab tentang Nabi Muhammad s.a.w. dan al-Qur’ān, pengesahan bahawa agama yang benar ialah Islam, perbincangan tentang orang-orang Nasrani dalam isu al-Masīh dan ketuhanannya dan pendustaan tentang Islam.¹⁶⁴
- b) **syariah** : Sūrah Āli -‘Imrān membicarakan hukum-hukum syariah seperti kefarduan haji dan jihad, pengharaman riba dan balasan bagi mereka yang enggan mengeluarkan zakat serta pengajaran dari perang Badar dan Uhud.¹⁶⁵

¹⁶² *Ibid.*

¹⁶³ Muhammad Ali al-Sābūnī(1976), *op. cit.*, h. 181.

¹⁶⁴ *Ibid.*; Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 132.

¹⁶⁵ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 141.

Sūrah Āli ‘Imrān pada bahagian akhir, ditutup dengan suatu yang merupakan penggabungan antara dua topik di atas. Di mana manusia diseru untuk berfikir dan menyelami rahsia-rahsia penciptaan langit dan bumi dan kejadian-kejadian yang berada di antara keduanya, di samping seruan untuk tetap bersabar dan sentiasa bersedia dalam melakukan jihad agar manusia beroleh kejayaan.¹⁶⁶

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ

Sūrah Āli ‘Imrān (3):200

Maksudnya : *Hai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap sedia (di perbatasan negerimu) dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beruntung.*

3.3 Peranan Dalam Amar Makruf Nahi Mungkar

Dakwah bukan hanya semata-mata mengajak manusia ke jalan yang benar, malah dakwah merangkumi semua aspek kehidupan seorang manusia. Semua perbuatan, percakapan, penulisan, kata isyarat, sifat yang baik dan mengajak menuju ke arah kebaikan dan manfaat manusia di dunia dan di akhirat adalah juga dakwah.

¹⁶⁶ *Ibid.*

Dalam al-Qur’ān Allah Ta’āla berfirman :

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :104

Maksudnya : *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang beruntung.*

Peranan pertama wanita yang dapat difahami daripada ayat di atas ialah berseru ke arah kebaikan, mengajak kepada perkara-perkara makruf dan mencegah perkara-perkara mungkar.

Munasabat ayat ini ialah pada ayat-ayat terdahulu telah dinyatakan bahawa nikmat Islam telah menimbulkan persaudaraan, menjinakkan hati dan menyebut perihal umat manusia yang nyaris terbenam ke dalam neraka, maka dengan itu, hendaklah ada dalam kalangan jemaah Islam yang menjalankan tanggungjawab menolong dan mengembalikan mereka yang lalai ini supaya kembali ke jalan Allah Ta’āla.

Menurut al- al-Marāghī, perkataan ‘الخير’ membawa maksud apa sahaja perkara yang memberi kebaikan kepada manusia dalam agama dan juga di dunia.¹⁶⁷

¹⁶⁷ al-Marāghī (1963), *op. cit.*, h. 21.

al-Zuhaylī menambah kepada maksud tersebut dengan apa sahaja perkara yang memberi manfaat kepada manusia juga termasuk dalam pengertian kalimah itu.¹⁶⁸ Sementara al-Ālūsī pula berpendapat menyeru kearah kebaikan ialah seruan ke arah kebaikan agama dan dunia. Ada segolongan lain yang berpendapat bahawa **الخير** ialah iman kepada Allah Ta'āla dan **المعروف** pula perbuatan mentaatiNya selain daripada iman kepadaNya.¹⁶⁹

Al-Jaza'iri mentafsirkan **الخير** dengan agama Islam dan semua yang memberi manfaat kepada manusia dari segi iman dan amal salih dalam hidupnya di dunia dan akhirat. Sementara **المعروف** pula ialah semua perkara yang baik dari segi syarak dan diperintahkan untuk melakukannya kerana manfaat dan kebaikannya kepada individu dan umat. Manakala **المنكر** pula adalah kata lawan kepada **المعروف** iaitu apa yang dilarang melakukannya kerana kemudaratan dan kerosakannya kepada individu dan umat.¹⁷⁰

Menurut Hamka, di sini terdapat dua kata penting, iaitu menyuruh berbuat makruf dan mencegah perbuatan mungkar. Berbuat makruf diambil daripada perkataan '*uruf*', iaitu yang dikenal, atau yang dapat difahami dan dapat difahami oleh manusia serta dipuji kerana begitulah yang patut dilakukan oleh manusia

¹⁶⁸ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al- Tafsīr al-Munir fī al- 'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*, j.3. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'asir, h. 32.

¹⁶⁹ Abū al-Fadl Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Ālūsī al-Baghdādī (2001), *Rūh al-Ma'āni*, j. 2.Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 324.

¹⁷⁰ Abū Bakar Jābir al-Jazā'iri (2000), *Aysar al-Taḥsīn Li Kalām al- 'Aliy*. Al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikmah, h. 169.

yang berakal. Yang mungkar pula ertinya ialah yang dibenci, yang tidak disenangi dan ditolak oleh masyarakat kerana tidak patut atau tidak layak.¹⁷¹

Al-Baghāwī berpendapat **ولتكن منكم امة** bermaksud hendaklah diwujudkan dari kalangan kamu satu kumpulan. Kalimah **من** pula membawa makna *silah* bukan sebahagian, sebagaimana firmanNya

فَاجْتَنِبُوا الرِّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ

Sūrah al-Haj(22) :30

Maksudnya : *Maka jauhilah oleh kamu berhala-berhala yang najis itu*

Daripada ayat itu, tidak dimaksudkan dengan menjauhi sebahagian dosa sahaja, bahkan apa yang dimaksudkan ialah menjauhi semua dosa. Huruf *lam* pada firmanNya **ولتكن** , adalah *lam al-amar*.¹⁷² Manakala **يدعون الى الخير** membawa erti ke arah Islam.¹⁷³

Al- al-Marāghī, juga berpandangan *khitāb* dalam ayat di atas ialah semua orang yang menganut agama Islam.¹⁷⁴ al-Ālūsī mengutarakan pandangan yang mengatakan *khitāb* adalah kaum Aus dan Khazraj. Sementara Ibn al-Mundhir

¹⁷¹ Hamka(1984), *Tafsir al-Azhar*, j. 4.T.T.P.: Yayasan Nurul Islam, h. 40.

¹⁷² Lam membawa maksud perintah.

¹⁷³ Abū Muhammad al-Husayn bin Mas'ūd al-Farra' al-Baghāwī al-Shafi'i(1982), *Tafsir al-Baghāwī* . Riyad: Dār al-Salām, h. 141.

¹⁷⁴ al-Marāghī (1963), *op. cit.*, h. 22.

berpendapat ia ditujukan kepada para sahabat Nabi Muhammad r.anhum, manakala yang lain berpandangan ia adalah umum kepada umat Islam.¹⁷⁵

Al-Zuhaylī mengutarakan pendapatnya bahawa Allah menyeru umat Islam agar mengadakan satu kumpulan yang mengkhusus dalam menyeru kepada kebaikan, mengajak ke arah perkara-perkara makruf dan mencegah kemungkaran. Namun demikian, dengan adanya kumpulan yang khusus ini tidak menafikan kewajipan setiap individu muslim menjalankan tugas berdakwah.¹⁷⁶

Ibn Kathīr juga sependapat di mana beliau berpandangan, tugas berdakwah adalah kewajipan semua individu muslim. Menurut beliau, setiap orang hendaklah terlibat dalam dakwah di tempat masing-masing.¹⁷⁷ Sebagai sokongan kepada pandangan itu, Ibn Kathīr mengutarakan hadith :

من رأى منكرا فليغيره بيده فان لم يستطع فبلسانه فان لم يستطع فبقلبه

وذلك اضعف

الايمان¹⁷⁸

Maksudnya : *Barangsiapa yang melihat kemungkaran di antara kamu. Hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Sekiranya dia tidak mampu, hendaklah mengubahnya dengan lidahnya. Dan sekiranya tidak mampu hendaklah dia mengubahnya dengan hatinya. Dan itu adalah selemah-lemah iman.*

¹⁷⁵ al-Ālūsī(2001), *op. cit.*, h. 324.

¹⁷⁶ al-Zuhaylī(1991), *op. cit.*, h. 33.

¹⁷⁷ Muhammad Shafiq(1996), *op. cit.*, h.16.

¹⁷⁸ Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj(t.t.), *Mukhtasar Sahīh Muslim*. Kitāb al-Iman, Bab Min al-Īman Taghyīr al-Munkar bi al-Yad wa al-Lisān wa al-Qalb, no hadith 34.

Berdasarkan hadith, para ulama telah sepakat bahawa amar makruf dan nahi mungkar adalah satu cabang dari cabang nasihat iaitu agama. Tugas amar makruf dan nahi mungkar ini adalah fardhu kifayah di mana sekiranya satu kelompok melaksanakan perintah ini, maka keseluruhan penduduk dalam komuniti terlepas daripada dosa. Tetapi sekiranya semua orang dalam sesebuah komuniti atau kampung itu meninggalkan tanggungjawab, maka akan berdosa semua mereka di sana yang berkemampuan melaksanakannya. Ulama berpandangan bahawa tidak disyaratkan dalam tugas amar makruf nahi mungkar ini bahawa ia terlaksana dengan secara sempurna, tetapi berdasarkan kemampuan masing-masing.¹⁷⁹

Sementara Abu Zahrah dalam bukunya *al-Da'watu ila al-Islam*, berkata walaupun semua muslim tidak kira lelaki mahupun wanita harus melibatkan diri dalam kerja dakwah, hendaklah juga ada satu kumpulan yang menjalankan aktiviti berdakwah secara khusus agar tugas berdakwah berjalan dengan lebih efektif.¹⁸⁰

Berasaskan ayat di atas, dapat kita simpulkan di sini bahawa kaum wanita juga tidak terlepas dari tanggungjawab berdakwah menyeru kepada kebaikan, mengajak kepada perkara baik dan mencegah dari perkara mungkar jika mereka adalah orang yang menganut agama Islam kerana kewajipan ini adalah fardhu bagi setiap muslim. Namun demikian, para wanita muslimah juga terikat dengan perintah Allah agar sentiasa berada di dalam rumah sebagaimana firman Allah Ta'āla dalam KitabNya :

¹⁷⁹ al-Nawāwī(1996), *op. cit.*, h. 382.

¹⁸⁰ Muhammad Shafiq(1996), *op. cit.*, h.16.

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ

Sūrah al-Ahzāb(33) :33

Maksudnya : *Dan hendaklah kamu tetap di rumah mu.*

Menurut Sonhadji, setelah Allah s.w.t. menetapkan hukum kepada para isteri Nabi s.a.w. dalam bertutur kata pada ayat terdahulu, ditetapkanNya pula hukum dalam perbuatan mereka, iaitu para isteri Nabi s.a.w. diperintahkan agar menetap di rumah sahaja, kecuali sekiranya ada sesuatu hajat yang dibolehkan keluar rumah. Perintah menetap ini bukanlah khusus ditujukan kepada para isteri Nabi s.a.w. sahaja, bahkan juga umum kepada semua wanita kerana tempat menetap wanita yang sebaik-baiknya itu ialah di dalam rumahnya. Ramai di kalangan kaum wanita zaman sekarang keluar rumah mencari kerja untuk menambahkan sara hidup keluarga mereka, maka apa yang dicarinya tidak akan melebihi keberkatannya dari wanita yang menetap dalam rumahnya seandainya tidak ada takwa dalam dirinya.¹⁸¹

dan firmanNya :

وَأَذْكُرْنَ مَا يُتْلَىٰ فِي بُيُوتِكُنَّ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ وَالْحِكْمَةِ

¹⁸¹ Ahmad Sonhadji (1990), *op. cit.*, j. 22, h. 23.

Maksudnya : *Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumah mu dari ayat-ayat Allah dan hikmah (sunnah Nabimu).*

Kemudian Allah s.w.t. menerangkan rumah Nabi s.a.w. itu amat mulia kerana rumah itu menjadi tempat turunnya wahyu. Oleh sebab itu selalulah kamu (wahai para isteri Nabi) mengingat nikmat Allah s.w.t. kerana kamu menjadi *Ahl al-Bait* iaitu rumah tempat turunnya wahyu, yang dibacakan kepada kamu. Maka, bersyukurlah, pujilah Allah s.w.t. serta bacalah ayat-ayat al-Qur’ān dan hadīth yang mengandungi pengetahuan dan pengajaran. Di samping itu, hendaklah kamu mengingatkan pula kaum muslimin yang lain dan mengajarkannya kepada mereka ayat-ayat al-Qur’ān dan hadīth.¹⁸² Para ulama feqah dan ahli tafsir berpendapat bahawa keberadaan di rumah ini disusul dengan *damīr*¹⁸³ untuk wanita menunjukkan perintah khusus untuk kaum wanita muslimah.¹⁸⁴

Dapat dibuat kesimpulan, tugas dan peranan wanita muslimah yang paling utama ialah berpusat di rumah; sekiranya belum berkahwin maka rumah ibubapanya dan sekiranya sudah berkahwin maka rumah suaminya. Justeru,

peranan wanita berdakwah menyeru kepada kebaikan, mengajak kepada perkara-perkara makruf dan mencegah kemungkaran tertumpu di rumah.

¹⁸² *Ibid.*

¹⁸³ Ganti nama.

¹⁸⁴ Muhammad bin Abdullah Sulaiman Arafah(1994), *op. cit.*, h. 176.

Demi melaksanakan tuntutan Allah agar wanita tetap tinggal di rumah, Islam membebaskan semua kewajiban yang berkaitan dengan urusan di luar rumah dari para wanita, sehinggalah mereka tidak wajib melakukan *solat* Juma'at. Wanita juga tidak diwajibkan berjihad dan mereka tidak dianjurkan melakukan sembahyang secara berjemaah di masjid, meskipun ada *rukhsah* bagi mereka untuk mendatangi masjid dengan beberapa batasan seperti mereka tidak boleh memakai wangi-wangian dan wajib menutup badan.¹⁸⁵

Hal ini menunjukkan secara terang bahawa keluarnya wanita daripada rumah bukanlah sesuatu yang terpuji apa pun keadaannya. Yang paling baik baginya adalah seperti yang ditunjukkan Islam, bahawa ia harus tetap berada di dalam rumahnya. Namun Islam tidak memperketat larangan baginya untuk keluar dari rumah. Ini adalah kerana sekiranya keluarnya itu untuk keperluan yang harus dia lakukan seperti keadaan di mana tiada orang lelaki yang mengurus dan menyediakan keperluannya atau dia terpaksa bekerja di luar rumah atau untuk keperluan khusus bagi keluarganya atau keadaannya yang sakit atau sebab-sebab lain yang seumpamanya. Keadaan ini dianggap sebagai uzur atau sebab yang membolehkannya keluar rumah.¹⁸⁶

Namun, tatkala Islam memberi kelonggaran bagi wanita untuk hal ini, ia tidak membiarkannya bebas berbuat, bila dan bagaimana sesuka hati. Justeru, Islam telah membuat batasan-batasan tertentu agar dia tidak menyimpang dari batasan tersebut dan akan menghapus fitrah serta merosakkan kekhususan-

¹⁸⁵ *Ibid.*, h. 78.

¹⁸⁶ *Ibid.*

kekhususannya hingga akhirnya menghancurkan masyarakat. Ada beberapa syarat yang harus diperhatikan dalam hal ini iaitu :¹⁸⁷

1. Pekerjaannya di luar rumah harus benar-benar merupakan keperluan yang memang memaksanya harus berbuat seperti itu atau demi kemaslahatan umum yang mengharuskannya begitu.
2. Jika keperluan dan kemaslahatan ini benar-benar ada, maka pekerjaan yang ditekuninya harus berada dalam suatu lingkungan yang benar-benar sesuai dengan kekhususannya dan tidak bertentangan dengannya agar tidak menimbulkan kesulitan baginya serta tidak merosakkan kekhususan fitrah yang ada pada diri seseorang wanita.
3. Jika pekerjaan yang sesuai dengan kekhususan fitrahnya ini benar-benar ada, maka dalam menekuni pekerjaannya itu harus memperhatikan adab dan ajaran-ajaran Islam, iaitu berpakaian menurut ketentuan syariat Islam, tidak bercampur dengan orang lelaki, jauh dari tempat-tempat yang akan menimbulkan fitnah dan juga tidak menampakkan perhiasannya sebagaimana firman Allah s.w.t.

¹⁸⁷ *Ibid.*, h. 252.

وَقُلْ لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا
يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا^ط وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى
جُيُوبِهِنَّ^ط

Sūrah al-Nur (24) :31

Maksudnya : Katakanlah kepada wanita yang beriman, Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dadanya.

Menurut Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sha'rawi, keluarnya wanita bekerja untuk meningkatkan taraf hidupnya hendaklah dengan tidak mengurangkan peranan dan tanggungjawab serta statusnya sebagai isteri, tidak meninggalkan segala kewajipan terhadap anaknya dan tidak menyimpang daripada pekerjaan yang munasabah dilakukan oleh seorang wanita. Apabila syarat-syarat ini dipenuhi, barulah wanita dibenarkan untuk keluar bekerja. Oleh itu, mereka harus tahu bidang-bidang yang bersesuaian dengan fitrah kejadian mereka dan juga memenuhi tuntutan syarak. Pekerjaan yang terhormat akan menjadi haram sekiranya ia memaksa kaum wanita keluar dalam keadaan tidak terpelihara kehormatannya dan dengan bersolek dan berdandan secara tidak mengikut tuntutan syarak. Pekerjaan yang pada asalnya harus, akan menjadi tidak harus lagi hukumnya apabila dikhuatirkan timbul kepincangan dalam masyarakat. Ia haram dengan salah satu daripada dua keadaan; wanita hilang kemampuan untuk berhijab sehingga menimbulkan pergaulan bebas. Kedua, hal itu akan

mendatangkan kerosakan dalam masyarakat dan menimbulkan hal-hal yang berbahaya dan menakutkan.¹⁸⁸

Perkenan yang diberikan kepada wanita ini kerana pertimbangan keadaan tertentu atau keperluan yang mendesak sahaja. Hal ini tidak akan merubah sedikit pun dari kaedah asas dari aspek sosial Islam bahawa ruang lingkup wanita adalah rumah. Perkenan bagi mereka untuk keluar rumah hanya sekadar sebagai rukhsah dan keringanan. Maka hal ini harus dibahasakan menurut pengertian dan tujuannya yang benar sahaja.¹⁸⁹

3.4 Peranan Dalam Organisasi Dakwah

Peranan kedua wanita yang boleh difahami daripada ayat ini ialah memberi sumbangan tenaga dalam organisasi dakwah. Bidang dakwah melibatkan satu bahagian yang menentukan hubungan dia dengan Allah yang diwujudkan dalam ibadat kepadaNya, satu bahagian lagi yang memberikan batasan dia dalam hubungannya dengan masyarakat yang direfleksikan dalam pekerjaan-pekerjaannya yang baik, dan satu lagi yang memberikan batasan hubungan dengan kekuatan yang jahat, yang direalisasikan dalam jihad di jalan Allah Ta'āla.¹⁹⁰

¹⁸⁸ Mohd Said Ramadhan(1992), *Kemana Pergi Wanita Mukminah*. H. Salim Basyarahil.(terj.) Jakarta: Gema Insani Press, h. 92.

¹⁸⁹ *Ibid.*, h. 179.

¹⁹⁰ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h. 98.

Antara penyimpangan yang biasanya timbul dalam organisasi dakwah ialah mengambil mudah dan mengurangkan tugas-tugas jemaah dan merasa cukup dengan amal dan kegiatan sendirian. Kedua, mengadakan puak kecil dalam jemaah dari kalangan beberapa orang dengan pandangan dan pemikiran yang berlainan. Ketiga, terlalu banyak bilangan jemaah atau persatuan Islam yang menyebabkan ramai pemimpin dan banyak bendera. Keadaan ini akan memecah-belahkan belia dan juga masyarakat. Di samping itu juga, hubungan sesetengah anggota organisasi atau jemaah di kalangan mereka secara peribadi yang lebih banyak daripada hubungannya dengan jemaah dan pimpinan jemaah akan juga mewujudkan penyelewengan lain dan mempengaruhi anggota lain supaya cenderung kepada peribadi yang tertentu.¹⁹¹

Adalah menjadi kewajipan bagi setiap muslim untuk menjalankan usaha dakwah. Sekiranya syarat-syarat bagi seorang wanita untuk keluar dipenuhi dan semua tugas dan tanggungjawabnya di rumah telah disempurnakan serta mendapat keizinan daripada suaminya, dia mendapat peluang keluar berdakwah dalam perkumpulan sama ada dalam sektor kerajaan atau persendirian. Tambahan pula jika wanita itu memiliki ilmu agama dan kemasyarakatan yang tinggi, adalah suatu yang baik untuk keluar berdakwah dalam masyarakat.

Dalam al-Qur'ān Allah Ta'āla berfirman :

¹⁹¹ Mustafa Masyhur (1986), *Jalan Dakwah Antara Keaslian dan Penyelewengan*. Mohd. Yusof Ismail (terj.). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 49.

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :104

Maksudnya : *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang beruntung.*

Al-Rāzī mentafsirkan kalimat **منكم** dalam ayat di atas dengan dua pendapat. Pertama, bahwa **من** di sini bukan bermakna sebahagian dengan dua alasan. Alasan pertama, sesungguhnya Allah Ta’āla mewajibkan menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran ke atas seluruh umat Islam, sebagaimana firmanNya

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :110

Maksudnya : *Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang fasiq.*

Alasan kedua ialah, sesungguhnya setiap *mukallaf* itu diwajibkan untuk melakukan amar makruf dan nahi mungkar, sama ada dengan tangan, lidah atau hatinya.¹⁹²

Manakala pandangan kedua ialah **من** membawa maksud sebahagian. Mereka yang berpendapat begini terbahagi kepada dua golongan. Satu golongan berkata, pada setiap kaum itu ada golongan yang tidak mampu menjalankan dakwah dan menjalankan amar makruf nahi mungkar seperti golongan wanita, orang sakit dan orang lemah. Golongan lain berpendapat bahawa *taklīf* ini dikhaskan kepada golongan ulama sahaja berdasarkan dua sebab; pertama: bahawa ayat ini mengandungi tiga perkara iaitu berdakwah kepada kebaikan, menyuruh kepada perkara makruf dan mencegah perkara mungkar. Telah diketahui bahawa dakwah ke arah kebaikan memerlukan syarat seperti ilmu tentang perkara kebaikan, perkara makruf serta perkara mungkar. Maka seorang yang jahil tidak mengetahui semua perkara makruf dan mungkar dengan mendalam. Dia mungkin menyuruh kepada perkara mungkar, bertindak tegas pada perkara yang sepatutnya diberi kelonggaran atau meringankan perkara yang berat. Dia juga mungkin hanya mengetahui selok-belok pandangan mazhabnya sahaja, dengan itu dia melarang mengikuti pandangan mazhab yang lain. Maka jelaslah bahawa ia adalah untuk ulama sahaja dan ulama adalah satu bahagian daripada umat. Ini dibuktikan dengan firmanNya

¹⁹² Muhammad al- Rāzī al-Fakhr Al- Dīn Ibn al-‘Allamah Dia’ al-Dīn(2000), *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, j. 9. Beirut: Dār al-Fikr, h. 182.

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ
مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ

Sūrah al-Taubah(9) :122

Maksudnya : *Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang). Oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama.*

Manakala satu golongan lagi pula berpandangan, telah disepakati ulama bahawa kewajipan ini adalah berasaskan fardhu kifayah dengan maksud apabila ada sebahagian yang melakukannya, maka yang lain terlepas dari dosa. Dalam keadaan ini, maka maknanya yang perlu melakukan dakwah adalah sebahagian sahaja. Pada hakikatnya, kewajipan ini adalah kepada sebahagian sahaja bukan pada kesemuanya.¹⁹³

Menurut al-Baghāwī, dalam ayat **كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ**, yang dimaksudkan dengan **كُنْتُمْ** adalah mereka yang berhijrah bersama Nabi s.a.w. ke Madinah. Berkata pula Jubair daripada al-Dahak: Mereka adalah para sahabat Nabi s.a.w. khususnya para periwayat hadīth dan para pendakwah yang diperintahkan Allah Ta'āla agar mentaati mereka. Sementara mereka yang lain pula mentafsirkan

¹⁹³ Ibid.

mereka adalah keseluruhan umat Islam. Kalimah **كنتم** adalah memberi maksud ‘kamu semua’,¹⁹⁴ sebagaimana firman Allah Ta’āla dalam ayat

وَأَذْكُرُوا إِذْ كُنْتُمْ قَلِيلًا

Sūrah al-Taubah (9): 67

Maksudnya : *Dan ingatlah di waktu dahulunya kamu berjumlah sedikit.*

Ada satu pendapat yang mengatakan maksud **كنتم خير امة** ialah sebaik-baik umat di sisi Allah s.w.t. di Luh al-Mahfudh. Berkata pula Abu Hurairah r.a., “Kamu adalah sebaik-baik manusia untuk satu kumpulan manusia yang kamu datang kepada mereka serta membawa mereka masuk ke dalam Islam.”¹⁹⁵

Tidak dapat dinafikan bahawa wanita adalah seumpama sayap kiri dalam sebuah perjuangan, tanpa usaha dari pihak wanita sesebuah perjuangan itu tidak akan berjaya. Wanita adalah pembantu kaum lelaki dalam merealisasikan aspirasi umat Islam. Peranan Ummahat al-Mukminin dan para isteri sahabat bersama kaum lelaki telah ikut bekerjasama dalam ibadah, amal dan jihad. Bahkan ada di kalangan mereka yang ikut berperang bersama dengan Nabi s.a.w. pada saat perang Uhud dan perang Hunain dan medan jihad yang lain. Sahih al-Bukhārī juga telah mewujudkan satu bab yang disebut Bab Perang Kaum Wanita.

¹⁹⁴ al-Baghāwī (1982), *op. cit.*, h. 142.

¹⁹⁵ *Ibid.*

Wanita-wanita Yahudi, Kristian dan Komunis sentiasa berkorban dan bekerja untuk akidah mereka dengan mengorbankan tenaga, waktu dan harta kerana menganggap bahawa itu adalah kewajipan mereka. Bahkan ada di antara mereka yang sanggup memasuki daerah-daerah tandus dan gersang, mahupun hidup di tengah-tengah hutan belantara hanya untuk menyebarkan akidah dan keyakinan mereka. Malah ada juga yang tidak mempersoalkan walaupun harus masuk penjara dalam rangka membela keyakinannya.¹⁹⁶

Wanita muslimah haruslah tampil jika tidak pun mengatasi mereka, sekurang-kurangnya untuk menyaingi mereka ini. Sesungguhnya kaum wanita muslimah masa kini, terutama golongan terpelajar, mempunyai peluang untuk berbakti kepada agamanya dan membantu meringankan beban umat. Adalah satu kerugian di dunia dan di Akhirat kepada seseorang itu terutama umat Islam sekiranya seseorang yang berilmu itu tidak bertindak menyampaikan dan mengajar orang lain ilmu yang ada padanya¹⁹⁷. Firman Allah Ta'āla:

وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝٢ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝٣

Sūrah al-‘Asr(103) :1-3

Maksudnya : *Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih dan nasihat-menasihati dengan kebenaran dan nasihat-menasihati dengan kesabaran.*

¹⁹⁶ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h. 86.

¹⁹⁷ Muhammad Shafiq(1996), *op. cit.*, h. 19.

Terdapat beberapa peranan yang boleh dimainkan oleh wanita dalam organisasi dakwah ini, antaranya, membebaskan kaum muslimin, khususnya wanita muslimah dari pemikiran lama yang sama sekali tidak ada hubungannya dengan Islam.¹⁹⁸ Matlamat itu boleh dicapai dengan menggembeleng usaha dalam pelbagai cara, khususnya menyampaikan ilmu agama.

Bagi wanita yang dikurniakan ilmu pengetahuan, terlibat dalam organisasi dakwah sama ada sektor kerajaan atau swasta memberi mereka peluang yang luas untuk menyebarkan ilmu dengan memberi ceramah-ceramah agama, seminar atau bengkel yang diuruskan oleh organisasi, kursus-kursus di samping mengajar fardhu ain. Mereka juga terlibat dengan kerja-kerja kebajikan seperti pengurusan jenazah.¹⁹⁹ Sesungguhnya dengan ilmu sahaja yang dapat mendorong mereka yang jauh dari Islam kembali mengamalkan agama. Berilmu merupakan salah satu sifat utama yang harus ada pada semua pendakwah, apatah lagi bagi seorang pendakwah wanita.

Bagi muslimah yang kurang mendapat pendedahan ilmu pula, hendaklah mereka sentiasa mencari ilmu pengetahuan tanpa mengenal jemu dan melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang berguna. Ini adalah kerana selain nilai-nilai murni, yang perlu ada dalam diri pendakwah wanita adalah ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ilmu pengetahuan dan kemahiran merupakan nadi penting yang mampu menggerak jentera pentadbiran dan pengurusan. Tanpa ilmu

¹⁹⁸ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h. 88.

¹⁹⁹ Andek Masnah Andek Kelawa (2000), “Pengurusan Dakwah di Kalangan Wanita”, dalam Abdul Ghafar Don *et al. (ed)* , *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 129.

dan kemahiran kualiti pengurusan akan terjejas dan kemungkinan matlamat tidak akan tercapai.²⁰⁰

Organisasi dakwah dengan kerjasama dan usaha pendakwah wanita ini juga hendaklah sentiasa bersedia untuk mengenalpasti sasaran dakwah yang bakal menjadi saudara baru dan berdakwah kepada mereka. Tugas penting yang harus mereka susuli selepas sasaran dakwah tersebut memeluk Islam ialah menyelia perkembangan mereka dan kefahaman serta penghayatan mereka terhadap amalan Islam²⁰¹. Golongan wanita dari kalangan saudara-saudara baru ini amat memerlukan pendakwah wanita untuk menunjuk ajar mereka terutama dalam ilmu fekah berkaitan wanita.

Bagi remaja-remaja dan wanita muslimah yang menghadapi masalah, mereka boleh merujuk para pendakwah wanita kerana pendakwah juga akan bertindak sebagai kaunselor. Ini telah dilaksanakan di Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia.²⁰² Biasanya mereka yang mempunyai masalah lebih percaya kepada golongan pendakwah wanita ini kerana pada pandangan mereka pendakwah ini akan menyimpan segala rahsia mereka.

Sementara golongan wanita yang berada di pendalaman pula telah mengakui bahawa masalah mereka ialah kurang pengetahuan dalam ilmu agama, mereka bukan sahaja tidak mendapat pendidikan asas secara formal bahkan tidak

²⁰⁰ Andek Masnah Andek Kelawa (2000), op. cit., h. 129.

²⁰¹ *Ibid.*

²⁰² *Ibid.*

mendapat peluang untuk menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah. Antara puncanya ialah :

1. Kurang aktiviti agama yang dijalankan di kawasan pedalaman.
2. Keterbatasan waktu bagi wanita mengikuti aktiviti penambahan ilmu.
Faktor ini ditambah dengan ketidakbijaksanaan wanita membahagikan masa. Akibatnya peluang untuk pengisian ilmu disia-siakan.
3. Sikap negatif keluarga iaitu ibubapa dan suami. Ibubapa lebih mementingkan pendidikan bercorak material daripada kerohanian. Begitu juga suami kurang menggalakkan isteri mereka mengikuti program bercorak agama.
4. Sikap majikan, terdapat antara majikan yang tidak membenarkan pekerjaanya mengikuti aktiviti pengisian ilmu agama walaupun pada masa rehat. Ini dianggap mengganggu dan menjejaskan prestasi kerja. Terdapat juga majikan tidak menghalang tetapi tidak prihatin dengan kemudahan dan keperluan untuk mengadakan aktiviti tersebut seperti tempat, peruntukan masa dan sebagainya.²⁰³

²⁰³ Siti Rugayah Tibek (2000), "Pengurusan Dakwah di Kalangan Wanita Sabah", dalam Abdul Ghafar Don *et al. (ed)*, *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 136.

Selain berusaha membebaskan wanita dari pemikiran lama yang sama sekali tidak ada hubungannya dengan Islam, peranan kedua wanita muslimah yang komited dengan Islam ialah berinteraksi dengan saudara-saudaranya yang jauh dari Islam dengan cara lemah-lembut. Pendekatan yang diambil juga haruslah dengan cara paling hikmah dan penuh kesabaran untuk kembali kepada pemahaman Islam yang benar. Perang budaya dan sosial telah berhasil memformat akal kaum wanita dan perilakunya sehingga mereka mengalami perubahan dalam masa yang singkat. Perang budaya dan pemikiran ini telah menarik wanita muslimah untuk keluar dari cara fikir dan adab Islam dan meniru perilaku wanita Barat dengan cara membabi-buta tanpa berfikir secara rasional lagi kerana menganggap apa sahaja yang datang dari Barat adalah sebagai sesuatu yang dapat diterima meskipun yang bertentangan dengan moral kemanusiaan. Justeru, adalah menjadi kewajipan bagi seorang pendakwah muslim khususnya pendakwah wanita untuk mendekati kaum muslimah ini dengan cara yang lembut untuk membebaskan mereka dari jerat perang budaya Barat yang memasuki negeri kaum muslimin.²⁰⁴

Salah satu tindakan lemah lembut kepada mereka adalah persiapan mental para pendakwah untuk menerima kesedaran mereka yang mungkin muncul secara setahap demi setahap. Jika dilihat ada di antara mereka yang menunaikan sembahyang, namun belum menutup aurat dengan sempurna, maka sudah seharusnya diucapkan syukur atas sembahyang yang dilakukan dan mengajaknya untuk melangkah pada langkah yang lebih jauh. Sekiranya ada dari kalangan mereka yang telah bersedia untuk menutup kepala dan belum bersedia untuk

²⁰⁴ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h. 89.

menutup lengannya yang terdedah, seharusnya dinyatakan rasa simpati kepadanya dan diucapkan, “Masih banyak yang harus para *da'iyah* lakukan, dan ummah menunggu peranan anda.” Apa yang paling penting ialah pendekatan yang digunakan ialah pendekatan yang memberikan kemudahan. Ia merupakan tindakan yang sangat tidak bijak bagi seorang pendakwah untuk berpegang teguh dengan pendapat yang tegas, kemudian mengeluh ketika melihat tidak ada sambutan dari orang yang diajak ke arah kebaikan²⁰⁵. Sebagaimana hadits Nabi Muhammad s.a.w. :²⁰⁶

عن ابي موسى أن النبي صلى الله عليه وسلم بعثه ومعاذًا الى اليمن فقال:

يسرا ولا تعسرا وبشرا ولا تنفرا وتطوعا ولا تختلفا

Maksudnya : *Daripada Abū Musa r.a. bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w. telah mengutusnyanya dan Mu'adh ke Yaman dan bersabda: Hendaklah anda berdua bersifat memudahkan dan jangan bersikap keras. Dan hendaklah kamu menggembirakan dan janganlah menyusahkan. Hendaklah antara kamu berdua seia sekata dan jangan berselisih.*

Hadith di atas menyebut tentang gesaan Nabi Muhammad s.a.w. agar umat baginda bertolak-ansur dan mempermudah dalam hal berdakwah. Sekiranya didapati *mad'ū* berat melaksanakan sepenuhnya, maka hendaklah dia bersabar.²⁰⁷

Sekiranya orang yang didakwahkan tidak langsung menjawab seruan pada peringkat awal, maka janganlah terus dia dipersalahkan dan jangan pula merasa

²⁰⁵ *Ibid.*

²⁰⁶ Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj(t.t.), *Mukhtasar Sahīh Muslim*. Kitāb al-Siyar, Bab Fi Amr al-Bu'ūth bi al-Taysīr, no hadith 1112.

²⁰⁷ Ibn Hajar al-‘Asqalanī(2002), *op. cit*, h. 455.

putus asa untuk mengajaknya lebih lanjut. Yang menjadi kewajiban pada pendakwah ialah bersabar dan hendaklah melakukan dakwah secara konsisten, sekali, jika tidak berjaya pada kali pertama, maka disusuli buat kali kedua dan seterusnya sehinggalah Allah s.w.t. membuka hatinya untuk mendapatkan hidayah.²⁰⁸

Wajib bagi seorang pendakwah itu untuk menggunakan cara yang paling lembut ketika berhadapan dengan muslimah moden, serta mengambil tahu hal-hal apa sahaja yang perlu mendapat perhatian khusus, syubhat wajib dihapuskan dari benak mereka, kesalahfahaman wajib untuk mendapatkan pembetulan serta hukum-hukum yang tidak diketahui umum wajib dijelaskan. Ini bagi mengelakkan Islam tertindas seperti mana yang dialami oleh kaum muslimin pada *taqlīd* budaya di mana telah terjadi perbuatan yang sangat tidak sesuai untuk kaum wanita dengan tidak memperhatikan hak-hak mereka yang ditetapkan oleh syariah Islam.²⁰⁹

Peranan ketiga kaum wanita yang komited dalam organisasi dakwah yang tidak kurang pentingnya ialah bekerjasama dengan sesama wanita untuk menyedarkan kaum wanita dan mempersiapkan mereka untuk membantu agama ini dan memberikan sumbangannya dalam pergerakan atau organisasi agama dan dakwah. Ini bukanlah medan amal yang sempit sebab wanita adalah separuh dari masyarakat. Kesedaran akan tugas untuk melakukan amal Islami ini hendaknya ditujukan kepada semua lapisan muslimah, khususnya mereka yang diracuni oleh

²⁰⁸ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit*, h. 73.

²⁰⁹ *Ibid.*, h. 90.

budaya dan peradaban asing dan mereka yang terkongkong di belakang. Mereka harus dibimbing oleh wanita-wanita Islam terdidik, hidup bersama mereka dengan cara yang baik, memberikan contoh yang baik hingga cara berfikir dan perasaannya berubah dan mereka tertarik untuk memenuhi panggilan Allah dan berjalan bersama jemaah orang Islam yang mengamalkan ajaran Islam dan kemudian beramal untuk kepentingan Islam.²¹⁰

Banyak anggapan di antara orang-orang yang baik agamanya dari kaum wanita, sebagaimana yang juga terjadi pada kaum lelaki, bahawa dengan melaksanakan sembahyang dan puasa bererti mereka telah menunaikan kewajipan agama mereka. Mereka tidak sedar akan satu kewajipan yang disebut dengan kewajipan dakwah dan memberi nasihat, menyuruh pada kebajikan dan melarang kemungkaran, saling menasihati dengan kebenaran dan kesabaran yang semuanya adalah kewajipan umum yang dilakukan oleh kaum muslimin dan muslimat dalam kadar kemampuan yang mungkin mereka lakukan²¹¹ sebagaimana firman Allah Ta'āla:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ

Sūrah al-Ma'idah(5) :2

Maksudnya : *Dan saling tolong-menolonglah kamu dalam kebaikan dan takwa.*

Peranan wanita yang signifikan seterusnya ialah pendakwah wanita dari pelbagai organisasi dakwah sama ada sektor kerajaan atau swasta hendaklah juga

²¹⁰ Ibid, h. 96.

²¹¹ Ibid., h. 87.

cuba mewujudkan solidariti di antara satu organisasi dengan organisasi lain tanpa memikirkan kepentingan sendiri, tetapi untuk kepentingan umat. Ini penting agar solidariti dengan masyarakat bukan dakwah, khususnya golongan wanita dapat dipupuk dan mereka tidak lari dari para pendakwah lantaran persepsi negatif yang dilontarkan kepada para pendakwah wanita ini.²¹²

Di samping itu dalam persoalan gerak kerja Islam wanita, peranan kaum wanita seterusnya ialah tampil ke hadapan dan harus juga menonjol. Mereka hendaklah mengambil peluang untuk ke hadapan dan menggunakan potensi yang ada pada mereka untuk menuntut ilmu dan menjalankan usaha dakwah. Kaum wanita harus tidak segan tampil ke hadapan dan tidak membenarkan kaum lelaki mengendalikan persoalan mereka sehingga tertutup peluang mereka untuk belajar. Sesungguhnya kaum wanita akan matang dengan banyaknya pengalaman dan perjuangan, kerana mereka belajar dari medan kehidupan serta belajar dari banyak hal yang salah mahupun yang benar.²¹³

Sebagaimana kaum muslimah tidak lepas dari sifatnya yang penurut, di mana mereka menyerahkan urusan mereka kepada kaum lelaki, mereka suka dengan cara hidup yang tidak dinamik dan menyerahkan urusan-urusan mereka agar difikirkan oleh kaum lelaki dan bukan oleh mereka sendiri. Padahal seharusnya mereka hendaklah berani memegang kendali medan dakwah dan jangan diam untuk menyuarakan suara-suara wanita, yang sebenarnya merupakan suara yang sangat berharga walaupun suara itu tidak mewakili secara keseluruhan.

²¹² Angkatan Belia Islam Malaysia(1993), *Gerakan Dakwah dan Orde Islam di Malaysia*.

Petaling Jaya : ABIM, h. 106.

²¹³ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h. 92.

Sikap mahasiswi yang hadir dalam ceramah yang dihadiri oleh muslimin dan muslimat dengan membenarkan mahasiswa mengambil pertanyaan-pertanyaan yang diajukan secara bertulis oleh mahasiswi lalu menyimpan sekehendak mereka adalah tidak wajar sekali.²¹⁴

3.4.1 Hukum Menyampaikan Dakwah

Kupasan persoalan hukum dakwah lebih jelas berdasarkan ayat al-Qur'ān terdahulu, firman Allah s.w.t.

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :104

Maksudnya : *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar. Merekalah orang-orang yang beruntung.*

Pandangan Ibn Kathīr dalam membuat tafsiran bagi ayat ini :

Dan maksud ayat ini ialah hendaklah ada satu kumpulan daripada umat ini yang menjalankan tugas ini meskipun adalah wajib ke atas setiap individu muslim daripada umat Islam berdakwah mengikut kelayakannya.²¹⁵

Hukum wajib ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu ; secara individu iaitu seorang muslim itu melaksanakan dakwah secara perseorangan tanpa melibatkan

²¹⁴ *Ibid.*, h. 93.

²¹⁵ *Ibid.*, h.167.

pihak lain. Sementara bentuk kedua ialah secara berkumpulan, iaitu seorang muslim itu melibatkan diri dengan sesebuah kumpulan dan menjalankan usaha dakwah bersama kumpulan tersebut.²¹⁶

Adalah wajib fardhu ain ke atas setiap individu menjalankan tugas dakwah ini berdasarkan maksud hadīth Sahih Muslim. :

من رأى منكم منكرا فليغيره بيده فان لم يستطع فبلسانه فان لم يستطع فبقلبه
وذلك اضعف الايمان²¹⁷

Maksudnya : *Barangsiapa yang melihat kemungkaran di antara kamu. Hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Sekiranya dia tidak mampu, hendaklah mengubahnya dengan lidahnya. Dan sekiranya tidak mampu hendaklah dia mengubahnya dengan hatinya. Dan itu adalah selemah-lemah iman.*

Hadīth tersebut menegaskan bahawa tanggungjawab seorang mukmin itu adalah berat. Mereka hendaklah membetulkan apa yang salah dari segi hukum dan syariat dengan menggunakan medium yang dikuasai. Ulama berpandangan bahawa individu itu tidak dihadkan untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap mereka yang berada dalam lingkungan komuniti mereka sahaja, malah mereka boleh melaksanakannya di luar juga.²¹⁸

²¹⁶ *Ibid.*, h.166; Muhammad Shafiq (1996), *op. cit.*, h. 16.

²¹⁷ Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj(t.t.), *Mukhtasar Sahīh Muslim*. Kitāb al-Imān, Bab Min al-Īman Taghyīr al-Munkar bi al-Yad wa al-Lisān wa al-Qalb, no hadith 34.

²¹⁸ Ibn Hajar al-‘Asqalanī(2002), *op. cit.*, h. 331.

Sementara al-Ālūsī berpendapat frasa **ولتكن منكم امة يدعون الى الخير**

membawa maksud, Allah Subhanahu wa Ta'āla menyuruh umat Islam agar berusaha untuk menyempurnakan orang lain, lantaran perintah untuk menyempurnakan diri sendiri, demi untuk menjadi umat yang saling memberi petunjuk dan diberi petunjukNya berbeza dengan musuh mereka.²¹⁹

Al-Bukhārī meriwayatkan satu hadīth daripada Ibn Abbās di mana ianya menguatkan lagi pandangan mereka yang berkata bahawa setiap muslim wajib menjalankan dakwah sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w. bersabda :

فليبلغ الشاهد الغائب²²⁰

Maksudnya : *Maka hendaklah mereka yang hadir menyampaikan kepada yang tidak hadir.*

Maka termasuk dalam huraian makna *al-shāhid* ialah setiap orang Islam yang mengetahui walau satu perkara pun dalam hal agama.²²¹ Hadīth riwayat Ibn Abbās ini tidak disebutkan kata(*ilmu*). Bentuk ini menunjukkan bahawa beliau hanya menyampaikan makna hadithnya sahaja, bukan lafaznya. Ini adalah kerana kewajipan yang diperintahkan dalam hadith ini adalah menyampaikan ilmu. Dalam jalur sanad yang diriwayatkan Abū Syuraih, perkataan *al-shāhid* di sini

²¹⁹ al- Ālūsī(2001), *op. cit.*, h. 323.

²²⁰ Muhammad b Ismāīl Abū Abd Allah al-Bukhārī(1994), *Sahīh al-Bukhari*. Kitāb Haji, Bab Perkara-perkara Yang Haram Dilakukan Di Mekah, Memburu, Mencabut Rumput dan Pokok, Mengambil Barang Yang Ditemui Di Sana, Kecuali Bagi Orang Yang Ingin Mengumumkannya, no hadith 786.

²²¹ Umar Yūsuf Hamzah (1994), *Usus al-Da'wah ilā Allah Ta'āla fī al-Qur'ān al-Karīm*. Al-Qāhirah: al-Fanniyyah, h. 166.

membawa maksud orang yang hadir harus menyampaikan kepada yang tidak hadir tentang pertemuan yang dihadapinya.²²²

Secara umumnya, hukum berdakwah adalah wajib ke atas setiap individu muslim. Secara khususnya, ulama banyak membahaskannya secara lebih terperinci.

Di sisi Allah Ta'āla, pendakwah yang utama adalah Nabi Muhammad s.a.w. Ini berdasarkan ayat al-Qur'ān, Allah berfirman :

لِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا هُمْ نَاسِكُوهُ ۖ فَلَا يُنْزِعُ عَنْكَ فِي الْأَمْرِ ۖ وَادْعُ إِلَىٰ رَبِّكَ ۖ إِنَّكَ لَعَلىٰ هُدًى مُّسْتَقِيمٍ ﴿٦٧﴾

Sūrah al-Haj (22) : 67

Maksudnya : Bagi tiap-tiap umat telah Kami tetapkan syari'at tertentu yang mereka lakukan, maka janganlah sekali-kali mereka membantah kamu dalam urusan (syariat) ini dan serulah kepada (agama) Tuhanmu. Sesungguhnya kamu benar-benar berada pada jalan yang lurus.

Golongan yang memikul beban tanggungjawab menjalankan dakwah hakiki seterusnya ialah para Nabi alaihim al-salam berdasarkan ayat al-Qur'ān :

²²² al-'Asqalanī(2002), *op. cit.*, h. 381.

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا
 اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۖ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ حَقَّتْ
 عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ ۖ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
 الْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٦﴾

Sūrah al-Nahl (16) :36

Maksudnya : *Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Rasul pada tiap-tiap umat (untuk menyerukan) : “Sembahlah Allah saja), dan jauhilah Taghut itu”, maka di antara umat itu ada orang-orang yang diberi petunjuk oleh Allah dan ada pula di antaranya orang-orang yang telah pasti kesesatan baginya. Maka berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul).*

Manakala umat Nabi Muhammad s.a.w. pula dinisbahkan kepada Nabi s.a.w. adalah juga jurudakwah kerana mengikuti sunnah Nabi s.a.w. Menurut pandangan Umar Yūsuf Hamzah, walaupun kebanyakan *khitāb* ayat al-Qur’ān adalah kepada Nabi Muhammad s.a.w., umat Islam keseluruhannya adalah termasuk juga, kecuali sebahagian mereka yang tertentu sahaja.²²³

Keutuhan agama Islam terletak pada jatuh bangunnya usaha dakwah dalam masyarakat Islam sesuatu tempat itu. Allah Ta’āla berfirman :

²²³ Umar Yūsuf Hamzah (1994), *op. cit.*, h. 161.

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ
خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Sūrah Āli ‘Imrān (3): 110

Maksudnya : *Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka; di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq.*

Berdasarkan ayat Sūrah Āli ‘Imrān : 110, dapat difahami bahawa gelaran umat terbaik adalah layak untuk umat Nabi Muhammad s.a.w. berlandaskan tugas menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Perkara paling asas yang terkandung dalam tugas ini ialah menyeru ke arah ibadat kepada Allah Ta'āla dan menjauhkan diri daripada menyekutuiNya dengan segala sesuatu.²²⁴

Sabab nuzūl ayat di atas ialah ; telah berkata ‘Akramah dan Maqātil, ayat ini diturunkan dalam peristiwa yang melibatkan Abdullah Ibn Mas’ūd, Ubay bin Ka’ab, Mu’adh bin Jabal dan Salim budak suruhan Abū Huzaifah, di mana dua orang Yahudi yang bernama Malik bin al-Daif dan Wahb bin Yahuza berkata kepada mereka : Agama kami lebih baik daripada apa yang kamu semua seru

²²⁴ *Ibid.*, h. 163.

kami kepadanya dan kami adalah lebih mulia daripada kamu semua. Maka turunlah ayat di atas.²²⁵

Dalam perbahasan ayat ini, Ibn Kathīr mentafsirkan : Umat Muhammad s.a.w. yang bersifat dengan sifat ini (menyuruh dengan kebaikan dan mencegah kemungkaran) adalah termasuk dalam golongan mereka yang telah dipuji sebagaimana dalam ayat di atas. Sementara umat Nabi Muhammad s.a.w. yang tidak mengamalkan sifat ini, dianggap menyerupai ahli kitab yang dicela Allah Ta'āla dalam firmanNya :²²⁶

كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Sūrah al-Ma'idah (5) : 79

Maksudnya : Mereka satu sama lain selalu tidak melarang tindakan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya amat buruklah apa yang selalu mereka lakukan.

dan firman Allah s.w.t.

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُسِرُّونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ

Sūrah Āli 'Imrān (3): 114

²²⁵ Ali bin Ahmad al-Wahidi(2003), *Asbab al-Nuzul Li al- Imam Abi al-Hassan*. alKaherah: Dār al-Hadith, h. 95; Lihat juga al-Baghāwi(2002), *op. cit.*, h. 141.

²²⁶ Umar Yūsuf Hamzah (1994), h. 162.

Maksudnya : Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari kalangan orang-orang yang salih.

Sesungguhnya al-Qur'ān menegaskan sifat orang mukmin ialah berdakwah kepada Allah Ta'āla, berbeza dengan orang munafik di mana sifat orang munafik ialah menjauhi jalan Allah Ta'āla dan menyeru ke arah jalan yang bertentangan sebagaimana firman Allah Ta'āla :²²⁷

الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِّنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ
إِنَّ الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٦٧﴾

Sūrah al-Taubah (9): 67

Maksudnya : Orang-orang munafik, laki-laki dan perempuan, sebahagian dengan sebahagian yang lain adalah sama, mereka menyuruh membuat yang mungkar dan melarang berbuat yang ma'ruf dan mereka menggenggam tangan-tangan mereka. Mereka telah lupa kepada Allah, maka Allah melupakan mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itulah orang-orang yang fasik.

Hukum berdakwah ke jalan Allah adalah wajib atau fardhu ain ke atas setiap individu muslim. Ini bermakna setiap muslim sama ada lelaki atau perempuan apabila mencapai usia baligh dan akal nya adalah sempurna, maka wajiblah ke atas dirinya melaksanakan usaha dakwah.

²²⁷ Ibid., h.164.

Berseru ke arah kebaikan membawa erti agama Allah Ta'āla yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad s.a.w. dan perkara-perkara yang diturunkan bersamanya yang berupa persoalan akidah, asas-asas ibadat, peraturan kehidupan, lunas-lunas politik dan akhlak.²²⁸

Ada setengah pandangan yang mengatakan bahawa diri mereka tidak wajib menjalankan dakwah kerana mereka tidak memiliki ilmu agama. Malahan mereka mendakwa hukum berdakwah adalah fardhu kifayah, hanya terbeban ke atas para ulama sahaja. Dakwaan ini ditolak sama sekali kerana perintah Allah Ta'āla adalah terhadap umat Nabi Muhammad s.a.w. secara umum.²²⁹

Sesungguhnya setiap muslim itu wajib berdakwah berasaskan ilmu yang dimilikinya. Sekiranya seorang itu hanya mengetahui perkara-perkara asas agama, maka tugasnya adalah menyampaikan perkara tersebut. Manakala para ulama pula dikhususkan untuk menyampaikan semua perkara yang terperinci dan segala hukum-hukum serta makna-makna yang tersembunyi disebabkan keluasan ilmu mereka dan pengetahuan mereka terhadap bahagian-bahagian yang lebih khusus.²³⁰

Di sini dapat dilihat peri pentingnya sebuah kumpulan dakwah yang menjalankan tugas menyeru ke arah kebaikan duniawi dan ukhrawi, mengajak

²²⁸ *Ibid.*, h.171.

²²⁹ Umar Yūsuf Hamzah (1994), *op. cit.*, h.164.

²³⁰ *Ibid.*

kepada perkara makruf dan menegah perkara mungkar, meskipun setiap individu muslim itu dipertanggungjawabkan untuk berdakwah. Dalam sesebuah masyarakat, golongan wanita adalah anggota masyarakat yang jumlahnya kadang-kadang melebihi golongan lelaki. Apabila adanya golongan wanita, maka keperluan untuk pendakwah wanita wujud.

3.4.2 Syarat-syarat Dalam Berdakwah

Apabila wanita keluar dari rumah untuk berdakwah, mereka terpaksa mematuhi beberapa syarat. Pertamanya, niat yang ikhlas. Syarat yang paling asas untuk dipenuhi oleh seseorang pendakwah ialah keperluan untuk membersihkan niat dalam melaksanakan perintah Allah Ta'āla ini. Meskipun tugas berdakwah adalah tugas setiap orang muslim yang *mukallaf*, niat yang bersih dan ikhlas kerana Allah Ta'āla menjamin ibadat itu dipandang di sisi Allah Ta'āla dan memperolehi keberkatan. Sabda Nabi Muhammad s.a.w. dalam satu hadith:

عن عمر ان النبي صلى الله عليه وسلم قال الأعمال بالنية ولكل امرئ ما

نوى²³¹

Maksudnya : *Sesungguhnya setiap perbuatan dengan niat dan setiap orang tergantung dengan apa yang diniatkan.*

²³¹ Muhammad b Ismā'īl b Ibrāhīm Abū Abd Allah al- Bukhārī (1313 H), *Sahīh al-Bukhārī*. Kitāb al-Īman, Bāb Mā Jā'a Inna al-A'mal Bi al-Niyyāt, no hadith 1128.

Hadith ini menerangkan bahawa setiap perbuatan *shar'iiyyah* tergantung dengan niat dan *hisbah*.²³² Hadith ini tidak bermaksud bahawa setiap perbuatan hanya untuk mendapat pahala semata, akan tetapi ia berargumentasi dengan hadith Umar r.a. bahawa setiap perbuatan akan tergantung niatnya dan hadith Ibn Mas'ud yang mengatakan bahawa setiap amal adalah untuk mendapatkan pahala. Kalimah **ولكل امرئ ما نوى** adalah bahagian dari hadith yang pertama. Dimasukkannya kata *hisbah* di antara dua kalimah yang lain, adalah untuk menunjukkan bahawa hadith kedua menjelaskan apa yang tidak ada dalam hadith pertama.²³³

Dalam hal ini, merangkumi masalah wuduk, kerana ada perbezaan pendapat bagi golongan yang tidak mensyaratkan niat dalam wuduk seperti yang dinukil dari Auza'i dan Abū Hanifah serta yang lainnya. Dalil mereka adalah wuduk bukan ibadat *independen* (bebas), akan tetapi merupakan ibadat seperti sembahyang. Pendapat mereka bertentangan dengan tayammum yang juga merupakan ibadat akan tetapi disyaratkan niat. Majoriti ulama berargumentasi tentang diwajibkannya niat dalam wuduk dengan hadith sahih, kerana dengan niat akan mendapat pahala. Sedangkan kewajipan zakat akan gugur dengan

²³² Keinginan untuk mendapatkan pahala.

²³³ Al-'Asqalani(2002), *op. cit.*, h. 255.

diambilnya harta oleh penguasa walaupun pemiliknya tidak berniat, kerana penguasa telah menempati posisi niat tersebut. Ibadat haji menjadi fardu bagi siapa yang menghajikan orang lain berdasarkan dalil khusus, iaitu hadith Ibn Abbās dalam kisah Syubrumah.²³⁴

Adapun disebutkan puasa di sini sebagai sanggahan bagi orang yang menyatakan bahawa puasa Ramadan tidak memerlukan niat, kerana Ramadan itu sendiri telah dibezakan dengan bulan yang lain. Imam al-Bukhārī menyebutkan terlebih dahulu haji daripada puasa berdasarkan hadith '*Buniya al-Islam*'. Sementara yang dimaksudkan dengan hukum di sini adalah setiap transaksi yang mengandungi peradilan yang merangkumi jual beli, nikah, ikrar dan lain sebagainya. Setiap perbuatan yang tidak disyaratkan adanya niat, adalah kerana adanya dalil khusus. Ibn Munīr menyebut kaedah perbuatan yang memerlukan niat dan yang tidak. Beliau berkata, "Setiap perbuatan yang tidak menimbulkan dampak seketika tetapi dimaksudkan mencari pahala, maka disyaratkan niat, kecuali yang mengerjakannya memiliki maksud lain untuk mendapat pahala." Semua yang bersifat maknawi seperti rasa takut dan *raja*²³⁵ maka tidak disyaratkannya niat, kerana perbuatan-perbuatan tersebut tidak akan terwujud tanpa disertai dengan niat. Jika tidak ada niat, maka mustahil perbuatan tersebut akan terwujud. Oleh kerana itu, niat merupakan syarat logik bagi perbuatan tersebut. Berdasarkan hal tersebut, maka tidak disyaratkan niat untuk menghindari adanya pengulangan yang tidak perlu.²³⁶

²³⁴ Ibid

²³⁵ Permohonan

²³⁶ Al-'Asqalani(2002), *op. cit.*, h. 255.

Para Nabi alaihim al-salam. yang diutuskan Allah Ta'āla tidak pernah mengharapkan sebarang balasan atau ganjaran daripada manusia di atas perjuangan mereka. Malah menyerahkan diri mereka kepada Allah Ta'āla dengan perasaan ikhlas dan rendah diri.²³⁷

Nabi Muhammad s.a.w. telah menyatakan hakikat dakwahnya dan telah membersihkan dakwah baginda dari semua tujuan yang kadang-kadang tersembunyi dalam nafsu para pendakwah dan semua penyeru kebaikan. Setiap *muslih* atau *mujaddid* yang menyimpang dari manhaj ini, tidak akan berhasil dan sulit diterima masyarakat.²³⁸

Firman Allah Ta'āla

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي
الْأَرْضِ كَمَا أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي
أَرْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا

Sūrah al-Nūr (24): 55

Maksudnya : *Dan Allah berjanji kepada orang-orang beriman di antara kamu dan mengerjakan amalan salih bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi sebagaimana yang Dia jadikan orang-orang sebelum mereka.*

Ayat ini merupakan jaminan dari Allah s.w.t. dan janji itu pasti akan diberikan kepada orang yang teguh imannya dan banyak amalannya. Jika seorang

²³⁷ Ali Hasjmy(1984), *Dustur Dakwah Mengikut al-Quran*. Jakarta: PT Bulan Bintang, h. 25.

²³⁸ Sayid Muhammad bin Alwi al-Malikiy al-Hasaniy *et al* (t.t.), *Manhaj Dakwah*. Novel Muhammad al-Aydrus (terj.) Gurawan: Putera Riyadi, h. 14.

muslim berusaha untuk melaksanakan kewajiban dan mewujudkan apa yang dituntut Allah s.w.t. darinya, ia akan memperoleh janji itu iaitu menjadi khalifah Allah s.w.t. di bumi. Namun seseorang yang ingin berjaya tanpa usaha, atau mengabaikan faktor penunjang kejayaan, seperti orang yang ingin menjadi juara tanpa belajar dan usaha keras.²³⁹

Keikhlasan dari hati pendakwah amat penting kerana keikhlasan merupakan roh dari amal, amal ibadat tanpa adanya rasa ikhlas tidak memberi sebarang makna, seumpama badan tanpa adanya roh. Di dalam dakwah, bukan dilarang secara mutlak pendakwah mengambil upah sebagai sesuatu yang diperoleh dari hasil usaha dan tugasnya, memandangkan seorang pendakwah adalah seorang manusi biasa, yang pada kebiasaanya mempunyai tanggungjawab dan kewajiban terhadap keluarga. Maka dengan itu, adalah suatu tindakan yang wajar untuk mengambil sesuatu dari apa yang diusahakan. Apa yang dilarang cuma adalah menjadikan upah dan harta benda sebagai tujuan akhir dan tujuan asal dakwah.²⁴⁰

Usaha dakwah, jika niat pendakwah itu adalah mendapat nama atau menarik perhatian masyarakat, maka usaha itu tidak memperoleh keberkatan Allah Ta'āla. Sesungguhnya apa yang datangnya dari hati sudah tentu akan jatuh juga ke dalam hati.

Syarat yang kedua ialah berilmu dan bijaksana. Walaupun kewajiban berdakwah adalah berdasarkan ilmu yang dimiliki, seseorang itu hendaklah juga

²³⁹ *Ibid.*

²⁴⁰ K.H. Zainuddin M.Z.(1994), *Rahasia Keberhasilan Dakwah*. Surabaya: Penerbit Ampel Suci, h. 118.

sentiasa berusaha untuk melengkapkan lagi diri dengan pelbagai cabang ilmu. Ini adalah sebagai persiapan untuk menghadapi hujah-hujah dari pihak yang didakwahkan.

Ilmu-ilmu ini boleh dibahagikan kepada dua; ilmu tentang perkara-perkara asas agama dan juga ilmu tentang perkara-perkara yang boleh membantu agar pidato atau syarahan dapat dilaksanakan dengan efektif.

Antara perkara-perkara penting yang dapat membantu pendakwah dalam menjalankan sesi ceramah ialah :

- i. Ilmu tentang cara terbaik untuk menarik perhatian khalayak yang hadir pada awal ucapannya. Contohnya menceritakan pengalaman hidupnya, menerangkan sesuatu yang akan menarik perhatian penonton atau membuat kenyataan yang mempunyai impak yang besar kepada penonton.
- ii. Mahir tentang kaedah bagaimana menarik audiens supaya terus mengikuti ceramahnya. Pendakwah seharusnya memastikan fokus atau tumpuan audiens tidak lari sepanjang ceramahnya berlangsung. Sebagai contoh, menggunakan unsur lelucon yang tidak keterlaluan dan melibatkan audiens dalam ceramahnya seperti bertanyakan soalan kepada mereka.
- iii. Bijak melakukan sesuatu tepat pada masanya. Pendakwah yang matang akan tahu bila masa untuk memberi kerehatan minda seketika kepada khalayak yang hadir dan pada masa bila dia harus menamatkan sesi ceramahnya. pendakwah juga haruslah bijak dan mempunyai ilmu dalam memilih bila saat dia perlu berbicara dan bila dia perlu berdiam.

iv. Menyiapkan idea baru yang akan disampaikan dalam ceramah. Dalam menyusun perbicaraan hendaklah mengemukakan bahan-bahan baru dan tidak diciplak daripada orang lain. Seharusnya dikekalkan keaslian sekurang-kurangnya dalam aspek pendekatan yang diambil. Justeru, adalah satu langkah bijak mencatatkan nota-nota ringkas terlebih dahulu sebelum menyampaikannya dalam sesuatu ceramah.²⁴¹

Salah satu ilmu penting yang harus dikuasai oleh pendakwah atau bakal pendakwah ialah mahir dalam ilmu psikologi. Psikologi bermaksud ilmu dalam memahami tentang tingkah laku manusia.

Ilmu ini amat berguna dan mustahak bagi seorang pendakwah yang berhasrat untuk mendidik *mad'ūnya* di samping dapat membantu para pendakwah menyampaikan mesejnya dengan lebih berkesan. Setiap pendakwah itu sebelum memulakan sesi dakwahnya hendaklah membuat sedikit kajian mengenai audiensnya, dari segi latar belakang pendidikan, jantina, pekerjaan, kesukaan, perkara-perkara sensitif dan seumpamanya.²⁴²

Pendakwah hendaklah berpengetahuan dalam ilmu-ilmu berkaitan manusia, terutama aspek psikologi. Pengetahuan ini akan memungkinkan mereka mengubati 'penyakit' sasaran dakwah dan memberi 'ubat' yang bersesuaian. Pendakwah seolah-olah seorang doktor yang sedang merawat pesakitnya dengan

²⁴¹ Mohammad Natsir (2000), *Fiqhu al-Dakwah*. Jakarta : Media Da'wah, h. 166.

²⁴² M. Syafa'at Habib(1982), *Buku Pedoman Dakwah*. Jakarta: Penerbit Widjaya Jakarta., h. 117; al-Marāghī (1963), *op. cit.*, h. 23; al-Sayyid Rashid Rida(t.t.), *op. cit.*, h. 40.

perasaan kasih sayang dan memberi ubat dengan lemah-lembut dan perkataan yang baik.²⁴³

Apabila memulakan ceramahnya, pendakwah hendaklah cuba sedaya mungkin untuk memahami keadaan psikologi dan fisiologi para *mad'ū*. Sebagai contoh, pendakwah boleh bertanya adakah mereka sudah selesai mengambil makanan pagi atau sebagainya. Dengan itu pendakwah boleh menyelaraskan sesi ceramah dengan keadaan mereka.

Ilmu psikologi mengkaji kekuatan jiwa, lintasan hati dan kecenderungan setiap perbuatan. Pada asasnya, setiap perbuatan adalah berdasarkan ilmu pengetahuan. Namun demikian, ada segelintir manusia yang mengetahui bahawa sesuatu perkara itu berfaedah, tapi masih juga meninggalkannya ataupun mengetahui sesuatu itu bahaya, tapi tetap melakukannya. Terdapat juga pendakwah yang menyeru orang ramai kepada kebaikan, sedangkan dia tidak mengetahui persepsi atau kekangan sasaran dakwahnya. Bagi mendapatkan pengetahuan tentang hal begini, seseorang pendakwah itu hendaklah mendalami dan mengamalkan apa yang dipelajari dalam ilmu psikologi.²⁴⁴

Di samping itu, pendakwah juga seharusnya dari masa ke semasa peka dengan perkembangan audiensnya dan keperluan mereka. Kebijaksanaan pendakwah boleh menjamin mesej dakwahnya dapat diterima oleh audiens dengan keberkesanan yang maksimum.

²⁴³ al- Sayid Sabiq(1985), *Da'wah al-Islam..* Beirut: Dār al- Kitāb al-‘Arabi, h. 294.

²⁴⁴ Wan Hussein Azmi (1988), *Panduan Dakwah Islamiah..* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 70.

Allah Ta'āla amat peka kepada tabiat semulajadi dan fitrah kejadian manusia di mana Dia mengetahui siapa yang mempunyai kecenderungan untuk melakukan sesuatu sama ada dari kalangan lelaki atau wanita. Namun begitu, perkara ini tidak menafikan konsep dosa dan pahala dalam Islam. Sesungguhnya seseorang yang melakukan dakwah dengan berbekalkan ilmu yang mantap dari segenap segi akan menjamin keberkesanan usaha dakwah yang dilakukannya. Ini digariskan dengan jelas oleh Allah Ta'āla dalam al-Qur'ān. Firman Allah Ta'āla:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ
إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Sūrah al-Zumar(39) :9

Maksudnya : *Katakanlah (“Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?”) Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran.*

Sementara syarat yang ketiga pula ialah tidak bersikap *ananiyah* (mementingkan diri sendiri). Bilamana seseorang pendakwah itu diuji dengan pelbagai ujian dari pihak musuh agar meninggalkan urusan dakwah, maka sepatutnya dia bertindak secara paling bijak dengan mempertimbangkan tanggungjawab dan kewajipannya tanpa mengambil kira urusan peribadinya.

Sebagaimana yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. sewaktu berdakwah ke Ta'if yang terletak kira-kira 50 batu dari Kota Mekah. Baginda ditemani oleh anak angkat baginda iaitu Zaid bin Harithah. Sesampai di Ta'if,

baginda terus berdakwah kepada pembesar Ta'if dan penduduknya. Malangnya baginda tidak mendapat sambutan yang baik, sebaliknya pembesar Ta'if mengumpulkan kanak-kanak agar berbaris di sepanjang jalan yang dilalui Nabi s.a.w. dan melempar batu-batu kecil ke arah baginda berdua. Ini mengakibatkan kaki Nabi s.a.w. berdarah meskipun Zaid telah cuba melindungi baginda.²⁴⁵

Sekiranya Nabi s.a.w. hanya memikirkan kepentingan peribadinya, nescaya Baginda s.a.w. setuju masyarakat Taif pada masa itu dihempap dengan bukit oleh Malaikat Jibril.

Begitu juga, sewaktu diminta oleh pembesar-pembesar Quraisy agar Nabi s.a.w. meninggalkan dakwah Islam. Namun dengan rasa tanggungjawab dan ikhlas, baginda s.a.w. menolak dengan berkata kata-kata baginda yang masyhur²⁴⁶ :

والله لو وضعوا الشمس في يميني و القمر في شمالي على ان اترك هذا الامر
حتى يظهره الله او اهلك فيه ما تركته

Maksudnya : *Demi Allah, sekiranya mereka meletak matahari pada sebelah kanan ku dan bulan pada sebelah kiri ku agar aku meninggalkan tugas ini , sehinggalah perjuangan ini dimenangkan Allah atau aku hancur dalam meneruskannya, sekali-kali tidak akan aku tinggalkannya.*

Penyakit *ananiyah* atau mementingkan diri sendiri ini menjadi kesenangan bagi diri peribadi seseorang dan diumpamakan sebagai pusat bagi segala langkah dan tindakan seseorang. *Ananiyah* itu mencampuri masuk ke

²⁴⁵ Muhammad al-Ghazali(t.t.) , *Fiqh al-Sirah*. T.T.P.: 'Alam al-Ma'rifah, h. 131

²⁴⁶ Muhammad al-Ghazali (1998), *Fiqh al-Sirah*. Damsyik: Dār al-Qalam, h. 109

dalam tempat bermulanya niat iaitu hati, berupa keinginan hendak memenuhi selera orang ramai, yang akhirnya kembali juga untuk kepuasan 'aku' dan lain-lain keinginan 'aku' lagi.²⁴⁷

Seorang pendakwah yang baik tidak akan hanya berfikir hanya untuk kebaikan dirinya serta peribadi tetapi juga berfikir untuk kebaikan objek dakwahnya. Mereka juga berkewajipan untuk menata mereka agar dapat bersatu dan tidak mudah tergoda oleh bisikan jahat syaitan dari bangsa jin dan manusia.²⁴⁸

Sesungguhnya usaha dakwah yang terancang dengan baik, akan terjejas jika pendokongnya menyimpan hasrat untuk memenuhi keinginan peribadi. Contoh bentuk-bentuk *ananiyah* ialah putus asa, takabbur, *hubbul mal* (cinta harta), ingin kaya, *hubbul jah* (ingin pangkat) dan kedudukan, riak, *ujub*, ingin dilihat dan ingin dipuji orang ramai. Semuanya bersumber kepada keinginan memperoleh balas jasa dalam erti lahir mahupun batin.²⁴⁹

Syarat seterusnya yang harus dipatuhi oleh seorang wanita muslimah ialah memperoleh keizinan suami atau wali. Bagi seorang pendakwah wanita, keizinan suami bagi yang telah berkahwin atau bapa bagi yang belum berkahwin, adalah satu syarat yang paling utama untuk dipatuhi.

²⁴⁷ Mohammad Natsir (1969), *Fiqhud Dakwah*. Jakarta: Media Dakwah, h. 135.

²⁴⁸ Fakhruddin Nur Syam(2003), *op. .cit.*, h. 189.

²⁴⁹ *Ibid.*

Perlu mendapat keizinan daripada wali untuk bernikah bagi seorang gadis dan bagi seorang hamba pula keizinan daripada tuannya, dapat dikiaskan sebagaimana pentingnya mendapat keizinan daripada wali untuk keluar dari rumah.²⁵⁰ Alasannya adalah sama iaitu menjaga kemaslahatan dan keselamatan seseorang wanita itu.²⁵¹

Keizinan ini penting kerana suami / bapa bagi pendakwah wanita adalah orang yang bertanggungjawab di atas apa yang berlaku dan dilaksanakan oleh para pendakwah wanita ini. Sekiranya keizinan ini tidak diperoleh, maka pendakwah wanita hendaklah menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut. Dalam situasi ini, pendakwah boleh menjuruskan dakwahnya dalam bidang teknologi maklumat sesuai dengan perkembangan global dunia tanpa sempadan. Laman-laman internet boleh dibina untuk menyampaikan dakwah atau disalurkan ilmu melalui forum-forum perbincangan ilmiah.

Sebagai seorang wanita sama ada isteri atau seorang anak, wanita hendaklah faham bahawa jika suami atau bapanya tidak membenarkannya keluar mungkin ada hikmah di sebalik itu semua. Dia hendaklah akur dan mengambil inisiatif untuk menggunakan segala ilmu dan kepakaran serta kemahiran yang ada padanya pada tempat dan ruang yang sesuai seperti bidang penulisan, contohnya menulis novel bertemakan Islam atau sajak dan puisi yang menyeru ke arah mengingati Allah Ta'āla dan RasulNya.

²⁵⁰ Abdullah bin Ahmad bin Mahmud bin Qudāmah(1972), *Al-Mughni*, Beirut: Dār al- Kitāb al- 'Arabi, h. 366.

²⁵¹ *Ibid.*

Syarat yang terakhir ialah mengelak diri daripada percampuran bebas. Syarat ini merupakan syarat yang amat penting untuk dipatuhi oleh pendakwah. Suasana percampuran yang tidak dikawal akan mengundang banyak bahaya dan kemudaran.

Jika syarat ini tidak dititikberatkan, suasana yang kondusif tidak dapat diwujudkan. Suasana yang kondusif begitu kritikal dalam memastikan keberkesanan dakwah. Pendakwah hendaklah memastikan situasi dan keadaan sekeliling tidak berlaku percampuran bebas antara lelaki dan wanita serta mengelakkan tempat-tempat yang boleh menimbulkan fitnah. Di samping itu juga, tidak dibenarkan untuk menampakkan perhiasannya dan menjaga adab dan ajaran-ajaran Islam serta berpakaian menurut ketentuan syariat Islam.²⁵²

Ahmad Ibn Hanbal berpendapat pandangan seorang lelaki yang *ajnabi* terhadap seorang wanita tanpa ada sebab yang diharuskan agama, adalah haram. Mazhab Syafi'i pula mengharuskan memandang wanita *ajnabiyyah* kecuali muka dan tapak tangan apabila aman dari fitnah dan tanpa syahwat berdasarkan ayat al-Qur'an:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا
يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا^ط

Sūrah al-Nur (24) :31

²⁵² Muhammad bin Abdullah Sulaiman Arafah (1994), *Huququl Mar'ah fil Islam*. Solo: Hazanah Ilmu, h. 253.

Maksudnya : *Katakanlah kepada wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali apa yang kelihatan daripadanya.*

Ibn ‘Abbās mentafsirkan ayat di atas dengan, ‘apa yang kelihatan daripadanya ialah muka dan dua tapak tangan’.²⁵³

Percampuran bebas yang berlaku tidak mampu mencipta suasana kondusif yang memungkinkan dakwah berlaku dengan efektif dan mesej dakwah sampai kepada kumpulan sasaran secara tepat dan efisien. Malah, ia mungkin akan mengundang fitnah lebih-lebih lagi kepada pendakwah wanita.

Sekiranya para pendakwah terutamanya pendakwah wanita tidak mengambil berat tentang syarat ini, dikhuatiri matlamat yang disasarkan oleh pendakwah tidak akan tercapai. Malah, perkara yang tidak elok yang sebaliknya pula yang akan timbul kelak. Walaubagaimanapun, pendakwah terutama wanita haruslah mengambil berat dan memastikan bahawa audiens mereka dalam keadaan terkawal dan dapat mengikuti ceramah mereka dengan baik. Mungkin juga dalam keadaan ini, kerjasama daripada pihak penganjur dan pihak keselamatan amat diharapkan. Dengan adanya campurtangan dan usaha dari pihak-pihak ini, keadaan dapat dikawal dan sesi ceramah akan berjalan lancar.

²⁵³ Ibn Qudāmah (1972), *op. cit.*, h. 460.

3.4.3 Sifat-sifat Pendakwah Muslimah

Nilai-nilai murni yang biasanya harus ada dalam diri pendakwah wanita terutama sewaktu berinteraksi dengan golongan remaja ialah pertamanya, ikhlas. Sifat yang paling penting yang harus dimiliki oleh seorang pendakwah ialah sifat ikhlas. Sifat ini penting bagi tugas dakwah ini, penyelidik telah meletakkan sifat ini sebagai syarat untuk menjalankan tugas dakwah.

Sekiranya seseorang itu mempunyai niat atau kepentingan yang lain sewaktu menjalankan tugas dakwah, maka niatnya yang menyimpang itu akan mendorongnya melakukan sesuatu dengan sambil lewa tanpa berusaha bersungguh-sungguh.²⁵⁴ Seseorang itu juga mungkin mampu berdakwah dengan baik tapi tiada kesedaran dari dalam dirinya sendiri.

Firman Allah Ta'āla :

فَادْعُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

Sūrah Ghāfir (40) :14

Maksudnya : *Maka hendaklah kamu menyeru Allah dengn hati yang ikhlas.*

Sekiranya seseorang itu tidak ikhlas dalam berdakwah, maka usaha dakwahnya akan menjadi fitnah dalam masyarakat dan akan sentiasa diuji Allah dalam pelbagai bentuk ujian seperti orang yang didakwah akan meragui niatnya

²⁵⁴ M. Syafa'at Habib(1982), *op. cit.*, h. 115

berdakwah, dia akan dikritik oleh orang yang didakwah sendiri dan pelbagai lagi. Apabila berlaku fitnah atau ujian ini, pendakwah hendaklah berlapang dada dan bermuhasabah kembali segala tindak tanduknya dan niatnya dalam menjalankan dakwah.

Sifat kedua ialah cinta Allah Ta'āla. Sebagai seorang pendakwah, seseorang itu hendaklah mencari cinta Allah Ta'āla dan berusaha sedaya upaya untuk menjadi seorang hamba yang taat. Untuk mendapatkan cinta Allah, bukanlah suatu yang mudah. Seseorang itu hendaklah istiqamah dalam melakukan ibadat-ibadat. Bukan sahaja ibadat umum sebagaimana yang dilakukan oleh orang kebanyakan, bahkan ibadat-ibadat sunat harus juga menjadi amalan.

Ibadat-ibadat sunat ini akan mendekatkan diri pendakwah dengan Allah Ta'āla kerana sesungguhnya Allah Ta'āla telah berjanji bahawa mereka yang membiasakan diri dengan amalan sunat akan beroleh tempat yang istimewa di sisiNya.

Kecintaan kepada Allah s.w.t. tidak dapat disamakan dengan lain-lain kecintaan. Ini adalah kerana kecintaan kepada Allah s.w.t. merupakan tuntutan iman dan Islam. Begitu juga seorang mukmin yang merasai kemanisan iman sudah pasti memiliki akidah yang pasti bahawa zat Tuhan mencapai tahap kesempurnaan, keindahan dan kebesaran yang paling agung.²⁵⁵

²⁵⁵ ‘Abdullah Aidh al-Qarni(2010), *Rahsia dan Keajaiban Cinta Allah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar, h. 5.

Di samping itu, pendakwah hendaklah zuhud dalam hal pujian manusia untuk mendapat redha dan cintaNya. Sesungguhnya pujian manusia tidak akan menjamin bahawa seseorang itu adalah baik dan celaan manusia tidak pula menunjukkan seorang itu adalah buruk. Sebaliknya hendaklah diusahakan untuk mendapat pujian Allah s.w.t. kerana apabila Dia memuji seseorang itu, pasti ia adalah satu jaminan kebaikan dan takutilah celaanNya kerana celaanNya pasti menjamin keburukan. Tiada manusia yang dapat mencapai tingkat itu, kecuali orang yang sabar dan yakin kepadaNya.²⁵⁶

Seterusnya, sifat yang harus diamalkan ialah bijak merancang. Seorang pendakwah yang baik mampu membuat perancangan yang rapi dalam melaksanakan dakwah. Pendakwah juga seharusnya telah mengadakan beberapa rancangan yang harus diikuti sama ada berupa rancangan kedua yang harus diikuti atau rancangan *backup*. Ini adalah untuk memastikan kesinambungan dakwah dalam sesebuah gerakan dakwah berjalan lancar.

Masalah merupakan sebahagian dari kehidupan organisasi yang menuntut tindakan pantas dan tepat dalam mengatasinya seperti sesuatu krisis yang meminta disudahkan atau penyelesaian segera. Setiap permasalahan walau betapa kecil sekalipun, mudah diatasi dengan cara sederhana. Apabila dibiarkan berlarutan, sudah tentu masalah kecil itu menjadi bertambah besar.²⁵⁷

²⁵⁶ Fariq bin Gasim Anuz(1991), *Fiqih Nasehat*. Betawi: Pustaka Azzam, h. 65

²⁵⁷ Fathi Yakan(1994), *Halangan- halangan Dakwah*. Ahmad Razaai Ayudin *et al.* (terj), Kuala Lumpur: Penerbitan al-Kauthar, h. 294

Dakwah memerlukan perancangan yang teliti dan formula yang strategik yang mampu dilaksanakan. Pendakwah tidak harus melaksanakan dakwah secara terburu-buru. Setiap tindakan dan keputusan harus difikirkan dan dibuat kajian secara terperinci terlebih dahulu. Pendakwah yang bijak harus mahir merangka bagaimana untuk berdakwah kepada manusia yang datang dari pelbagai lapisan masyarakat dan budaya hidup. Perancangan awal hendaklah dilakukan dari segi perancangan dan masa yang sesuai, tema, tajuk-tajuk, tempat, masa bagi melaksanakan dakwah dan seumpamanya. Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan banyak contoh tauladan bagaimana kebijaksanaan baginda merancang telah menjamin *survival* dakwah Islam . Ketika rancangan awal untuk bertahan di Makkah setelah menghadapi pelbagai tentangan dari Quraisy Mekah termasuk penyiksaan fizikal kurang berjaya, baginda memerintahkan sekumpulan penganut Islam berhijrah ke Habsyah buat pertama kali.

Seterusnya, pendakwah haruslah bersifat pemurah. Sifat pemurah yang menjadi darah daging pendakwah itu menjadi bonus kepada usaha dakwahnya. Pendakwah yang pemurah dan gemar menderma serta ringan tulang menghulurkan bantuan akan menjadi umpama magnet menarik kumpulan sasaran dakwahnya agar sentiasa mengikuti dakwah dan pengajarannya, terutama golongan yang miskin. Seorang yang pemurah akan menafkahkan hartanya dengan sukarela dan ikhlas kerana yakin bahawa Allah s.w.t. akan menggantikan apa yang dibelanjakan dengan apa yang lebih baik lagi berupa keberkatan dan rezeki yang melimpah ruah. Sementara yang sayang kepada harta secara tidak sepatutnya pula, Allah Ta'ala akan menduganya dengan pelbagai ujian.²⁵⁸

²⁵⁸ Ibnu Hasyim(1991), *Personaliti Muslim*. Kuala Lumpur : GG Edar, h. 150.

Firman Allah Ta'āla:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ
فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :92

Maksudnya : *Kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.*

Seorang pendakwah yang berjaya akan sentiasa bersedia untuk berkorban tenaga, wang dan masa dalam perjuangannya dengan sedaya-upaya cuba meleraikan perselisihan atau perbezaan yang timbul di kalangan *mad'ū* nya dan menyatukan hati-hati mereka. Pendakwah juga hendaklah sentiasa berpandangan positif dalam setiap apa yang berlaku dan faham bahawa setiap yang berlaku ada hikmahnya. Di samping itu, pendakwah yang baik tidak akan menyulitkan para *mad'ū* dan tidak pernah menyimpan perasaan dendam.²⁵⁹

Sifat pemurah amat sukar ditanam dalam diri sekiranya seseorang itu sentiasa memikirkan kepentingan dirinya sahaja. Justeru, pendakwah yang berjaya merealisasikan sifat ini dalam dirinya mampu menawan khalayak yang ramai kerana mereka yang berdamping dengannya atau baru sahaja mengikuti pengajarannya akan terpesona dengan sifat murni ini dan faham bahawa pendakwah tersebut ikhlas dalam tugasnya kerana bukan perkara mudah untuk menjadikan sifat ini sebagai pakaian harian.

²⁵⁹ *Ibid.*

Sabar juga adalah satu sifat yang mesti diamalkan oleh seorang pendakwah. Sabar merupakan satu sifat yang sangat penting untuk seseorang menjalankan usaha dakwah. Ini adalah dalam setiap apa yang dilakukan, Allah pasti akan menguji hambaNya. Sekiranya sifat ini tidak dilatih dalam diri terutama mereka yang menjalankan tugas dakwah, mereka akan menghadapi masalah dalam tugas.

Para Nabi dan Rasul alaihim al-salam melalui pelbagai kesusahan dan ujian dalam menyampaikan agama Allah Ta'āla kepada manusia. Fitnah dan ancaman serta ujian yang dihadapi oleh Nabi Ibrahim a.s., Musa a.s., Isa a.s. dan Muhammad s.a.w. telah tercatat dalam sejarah. Ujian yang ditempuhi oleh para pengikut para Nabi alaihim al-salam dan pengorbanan mereka yang tinggi merupakan peristiwa yang tidak dapat dilupakan dalam lipatan sejarah manusia.²⁶⁰

Dalam al-Qur'ān Allah berfirman :

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُمْ مَثَلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلِكُمْ
مَسَّتْهُمْ الْبَأْسَاءُ وَالضَّرَاءُ وَزُلْزِلُوا حَتَّى يَقُولَ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ آمَنُوا
مَعَهُ مَتَى نَصْرُ اللَّهِ أَلاَ إِنَّ نَصْرَ اللَّهِ قَرِيبٌ

Sūrah al-Baqarah (2) :214

Maksudnya : *Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum datang kepadamu (cubaan) sebagaimana halnya orang-orang terdahulu sebelum kamu? Mereka ditimpa oleh malapetaka dan kesengsaraan, serta digoncangkan (dengan bermacam-macam cubaan)*

²⁶⁰ Muhammad Shafiq (1996), *op. cit.*, h. 22

sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman bersamanya : “Bilakah datangnya pertolongan Allah?”. Ingatlah sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat.

Seorang pendakwah yang baik hendaklah bersedia, sentiasa sabar dan tidak terburu-buru dalam melaksanakan dakwah sehinggalah para *mad'ū* faham dan dapat memimpin mereka ke jalan yang benar. Mereka hendaklah gigih dan tekun menerangkan tentang keindahan Islam sampailah orang yang buta dapat faham dan orang yang belajar juga dapat memahami maksud percakapannya. Sekiranya keadaan memerlukan, pendakwah harus bersedia mengulang kembali kata-katanya dan memberi penjelasan dengan pelbagai cara agar para *mad'ū* atau orang yang bertanya jelas dengan maksud perkataannya. Ini adalah kerana terdapat di kalangan *mad'ū*, mereka yang tidak faham dengan bahasa yang digunakan oleh pendakwah.²⁶¹

Sebagai contoh kesabaran Nabi Muhammad s.a.w. sendiri, di mana baginda sering mengulangi perkataan beberapa kali supaya lebih mudah difahami oleh para *mad'ū*. Sebagaimana diriwayatkan oleh Anas bin Malik dalam sebuah hadith:

عن انس عن النبي صلى الله عليه وسلم انه كان اذا تكلم بكلمة اعادها ثلاثا
حتى تفهم عنه واذا اتى على قوم فسلم عليهم سلم عليهم ثلاثا

Maksudnya : *Dari Anas r.a. dari Nabi s.a.w., sesungguhnya Nabi s.a.w. apabila baginda mengucapkan satu patah kata, diulang sampai tiga kali, sehingga orang mengerti maksudnya. Apabila Nabi s.a.w. datang kepada satu kaum, baginda memberi salam kepada mereka sampai tiga kali.*

²⁶¹ ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abdullah bin Abdu al-Rahman bin Bāz (1993), *Majmu’ Fatāwa wa Maqālāt Mutanawwi’ah*, j. 9. Al-Riyād: Dār al-Mu’ayyad, h. 237.

Ibn Hajar menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. kebiasaan baginda untuk mengulangi sampai tiga kali perkataan yang disampaikan baginda. Maksud hadith tersebut, Anas menceritakan kebiasaan Rasulullah s.a.w. yang dia ketahui, lalu dia memberi saksi akan hal itu, bukan Nabi yang memberitahunya. Maksud (**اذا تكلم**) ialah apabila baginda berbicara, al-Karmani mengatakan bahawa susunan kalimah seperti ini menurut para ulama Usul al-Fiqh, mengisyaratkan bahawa Nabi s.a.w. jika berbicara selalu mengulang sebanyak tiga kali. Tujuan Nabi s.a.w. mengulang perkataannya sebanyak tiga kali adalah supaya difahami, begitu juga Tirmidhi dan Hakim menyebutkan dalam kitab ak-Mustadrak. Ibn Munir mengatakan bahawa Imam al-Bukhārī dengan bab ini bertujuan untuk memberi peringatan terhadap orang yang enggan mengulangi perbicaraan dan beliau mengingkari bahawa orang meminta pengulangan termasuk orang yang bodoh. Kemudian dia mengatakan, bahawa yang benar adalah hal ini bergantung kepada perbezaan masing-masing tabiat manusia. Maka tidak tercela bagi seorang pendengar yang belum mampu mengingat pada kali pertama untuk meminta pengulangan. Begitu juga si pembicara, tidak mengapa tidak mengulanginya kembali, namun jika dia mengulanginya bererti sebagai penekanan terhadap apa yang dikatakan pada pertama kali.²⁶²

Al-Ghazalī membahagikan sabar kepada dua keadaan; pertamanya sabar dari segi tubuh fizikal seperti memikul kesusahan contohnya melaksanakan ibadat dan sakit pada tubuh. Keadaan kedua ialah sabar dari segi kejiwaan iaitu melawan

²⁶² Ibn Hajar al-‘Asqalanī(2002), *op. cit*, h. 364.

perasaan dan hawa nafsu seperti bersabar di atas kekayaan yang dipanggil jiwa besar.²⁶³

Ramai di kalangan pendakwah tidak dapat bersabar dan tahan dalam menghadapi rintangan dan kesukaran dalam tugas mereka berdakwah di jalan Allah s.w.t.. Mereka ini akan mendorong kumpulan atau persatuan mereka ke arah pelbagai konflik dan pertelingkahan ketenteraan. Permasalahan ini banyak dihadapi oleh kumpulan-kumpulan dakwah di dunia masa kini hingga menjejaskan tugas mereka yang utama iatu dakwah.²⁶⁴

Di antara adab seorang pendakwah terhadap pendengar ialah menggunakan kata kiasan terhadap orang yang melakukan perkara yang tidak baik dengan tujuan mendorong mereka ke arah perkara baik.. Pendakwah juga hendaklah menggunakan kata-kata lembut serta memuaskan hati pendengar.²⁶⁵

²⁶³ Ali Abdul Halim Mahmud (1992), *Fiqh al-Da'wah al-Fardiyyah*. al-Mansūrah: Dār al-Wafa', h. 186.

²⁶⁴ Muhammad Shafiq (1996), *op. cit.*, h. 23

²⁶⁵ Wan Hussein Azmi (1988), *op. cit.*, h. 70.

3.5 Peranan Dalam Membasmi Sifat-sifat Munafik

Firman Allah Ta'āla :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ
خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

Sūrah Ali ‘Imrān (3) :110

Maksudnya : *Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'aruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang fasik.*

Ayat ini berpadanan dengan ayat 114

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُسِرُّونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ

Sūrah Ali ‘Imrān (3) :114

Maksudnya : *Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya) adalah dari orang-orang yang salih.*

Peranan ketiga ialah menyemai nilai keikhlasan dan kejujuran dalam diri setiap masyarakat. Sonhadji mentafsirkan ayat di atas dengan : “Kamulah sebaik-baik umat yang ada sekarang dengan sebab kamu ada menyuruh mengerjakan

kebajikan dan melarang daripada melakukan kejahatan serta beriman dengan sebenar-benar iman. Sedang umat yang lain yang tenggelam di dalam kejahatan dan tidak ada di antara mereka yang menyuruh kaumnya berbuat kebajikan dan mencegah kejahatan serta tidak beriman kepada Allah Ta'āla".²⁶⁶

Satu pendapat mengatakan *khitāb* ayat ini ialah para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. , Ibn 'Abbās pula mengatakan bahawa *khitāb* ayat ini adalah kepada golongan Muhajirin dan satu pandangan lain mengatakan bahawa *khitāb* nya ialah seluruh umat Nabi Muhammad s.a.w.²⁶⁷ Manakala al- al-Marāghī, berpendapat *khitāb* dalam ayat ini ialah Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat baginda.²⁶⁸

Ibn Abi Hātim meriwayatkan daripada Abū Jaafar r.a. bahawasanya *khitāb* ayat ini ialah keluarga Nabi s.a.w. Manakala Ibn Jarīr meriwayatkan daripada 'Akramah, ayat ini diturunkan pada peristiwa berkaitan Ibn Mas'ūd, Mu'adh bin Jabal, Ubay bin Ka'ab, 'Ammār bin Yasir dan Sālim pembantu Abū Huzaifah.

Al-Ālūsī pula mempunyai pandangan bahawa *khitāb* ayat ini walaupun khas diturunkan pada mereka yang hidup pada zaman Nabi s.a.w. atau sebahagian dari mereka, namun hukumnya boleh digunakan untuk seluruh umat Nabi s.a.w.

²⁶⁶ Ahmad Sonhadji(1989), *op. cit.*, j. 4, h. 54.

²⁶⁷ al-Ālūsī (1993), *op. cit.*, h. 44.

²⁶⁸ al-Marāghī (1963), *op. cit.*, h. 29.

Lihat juga al-Sayyid Rashid Rida(t.t.), *al- Tafsīr al-Qur'ān al-Karim*, j.4. Kaherah: Maktabah al-Qahirah, h. 58.

sehingga akhir zaman berdasarkan kata-kata Sayyidina ‘Umar r.a. sebagaimana diriwayatkan oleh Qatadah²⁶⁹ :

ياايهاالناس من سره ان يكون من تلكم الامة فليؤد شرط الله تعالى منها

Maksudnya : *Wahai manusia! Sesungguhnya satu daripada rahsiaNya ialah menjadikan kamu satu umat. Maka tunaikanlah syarat Allah baginya.*

Sheikh Muhammad ‘Abduh pula berpendapat *khitāb* ini ialah Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat baginda r.anhum. Beliau menggunakan perkataan (واصحابه الذين كانوا معه) yang menunjukkan bahawa sifat umat yang terbaik tidak merangkumi kesemua mereka yang digelar ‘sahabat’ Nabi s.a.w. oleh ulama hadith,²⁷⁰ iaitu mereka yang memeluk Islam dan sempat berjumpa Nabi s.a.w. berasaskan ayat al-Qur’ān:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ

Sūrah al-Fath(48) :29

Maksudnya : *Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama baginda.*

Menurut Syeikh Muhammad ‘Abduh mereka yang dipuji dalam ayat 110 Sūrah Āli ‘Imrān ialah mereka yang memiliki sifat yang terpuji dan yang terpilih dari kalangan sahabat Nabi s.a.w. iaitu mereka yang terlibat dalam jihad dan peristiwa hijrah.²⁷¹ Ini bertepatan dengan firman Allah Ta’āla :

²⁶⁹ al-Ālūsī (1993), *op. cit.*, h. 44.

²⁷⁰ al-Sayyid Rashid Rida(t.t.), *op. cit.*, h. 59.

²⁷¹ *Ibid.*

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَاوُوا
 وَنَصَرُوا أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧٤﴾
 وَالَّذِينَ آمَنُوا مِنْ بَعْدُ وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا مَعَكُمْ فَأُولَٰئِكَ مِنْكُمْ

Sūrah al-Anfāl (8) :74-75

Maksudnya : *Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah, dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan memberi pertolongan (kepada orang-orang Muhajirin) mereka itulah orang-orang yang benar-benar beriman. Dan memperoleh ampunan dan rezeki (nikmat) yang mulia. Dan orang-orang yang beriman sesudah itu , kemudian berhijrah dan berjihad bersamamu, maka orang-orang itu termasuk golongan mu (juga).*

Orang-orang munafik tidak pernah berhijrah bersama Nabi s.a.w. kerana hijrah berlaku pada zaman Islam masih baru, sedangkan peristiwa *nifaa* adalah pada waktu Islam sudah bertapak dengan kukuh. Orang-orang munafik Madinah tidak pernah menolong Nabi s.a.w., bahkan meninggalkan baginda dan melemahkan semangat para mukminin yang ikhlas serta membangkitkan permusuhan di kalangan mereka.²⁷²

Justeru, dapat disimpulkan di sini, walaupun seluruh umat Islam di zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan yang terkemudian, termasuk dalam mereka yang dipuji sebagai sebaik-baik umat manusia, namun orang-orang munafik adalah tidak termasuk dalam kategori ini. Golongan munafik merupakan golongan yang mengaku beragama Islam, tapi sebenarnya mereka tidak mempercayai dengan hati yang ikhlas.

²⁷² *Ibid.*

Dalam satu hadits Rasulullah s.a.w. bersabda tentang tanda-tanda orang munafik itu tiga :²⁷³

عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم آية المنافق ثلاث إذا حدث كذب وإذا وعد أخلف وإذا أؤتمن خان

Maksudnya : Tanda seorang munafik itu tiga; apabila dia bercakap dia bohong, apabila berjanji dia mungkir, apabila diberi amanah dia khianat.

dan hadits Nabi s.a.w.²⁷⁴

عن عبدالله بن عمرو أن النبي صلى الله عليه وسلم قال أربع من كن فيه كان كانت فيه خصلة منهن كانت فيه خصلة من النفاق حتى منافقا خالصا ومن يدعها إذا أؤتمن خان وإذا حدث كذب وإذا عاهد غدر وإذا خاصم فجر.

Maksudnya : Barangsiapa yang memiliki empat sifat ini, maka ia benar-benar termasuk orang munafik. Dan barangsiapa yang ada dalam dirinya salah satu dari sifat tersebut, maka ia memiliki sifat munafik hingga dia meninggalkannya. Sifat tersebut adalah jika diberi kepercayaan dia khianat, jika berbicara berdusta, jika membuat perjanjian dia tidak setia, dan jika berdebat dia melampaui batas.

Pada bab sebelumnya, Imam al-Bukhārī telah menjelaskan bahawa kekufuran dan kezaliman mempunyai tingkat yang berbeza-beza. Maka dalam bab

²⁷³ Muhammad b Ismā'īl Abū Abd Allah al-Bukhārī(2006), *Sahīh al-Bukhārī*. Kitāb al-Īman, Bab 'Alamah al-Munāfiq, no hadith 33.

²⁷⁴ Muhammad b Ismā'īl Abū Abd Allah al-Bukhārī(2006), *Sahīh al-Bukhārī*. Kitāb al-Īman, Bab 'Alamah al-Munāfiq, no hadith 34.

selanjutnya beliau menjelaskan bahawa kemunafikan juga mempunyai tingkat yang berbeza-beza sebagaimana kekufuran dan kezaliman.

Syeikh Muhyiddin memberi pandangan, “Maksud Imam al-Bukhārī adalah untuk menjelaskan bahawa kemaksiatan akan mengurangi keimanan, sebagaimana ketaatan dapat menambah iman seseorang.” Al-Karmani menambah, “Korelasi pembahasan ini dengan bab “Iman” adalah untuk menjelaskan bahawa kemunafikan adalah tanda tidak adanya iman, atau sebagai peringatan bahawa sebahagian kemunafikan adalah kufur. *Nifaq* menurut Bahasa Arab, adalah tidak adanya kesamaan atau kesesuaian antara lahir dan batin. Apabila hal ini terjadi dalam hal iman, maka disebut *Nifaq al-Kufr*. Tapi jika terjadi dalam selain iman, maka dinamakan *Nifaq al-‘amal*(nifaq dalam perbuatan), dan dalam hal ini kemunafikan tersebut mempunyai tingkatan yang berbeza. Maksud (**اية المنافق**) ialah tanda-tanda orang munafik ada tiga. Erti **اية** adalah **علامة** iaitu tanda. Penggunaan bentuk tunggal dari kata **ايات** adalah untuk menunjukkan jenis, atau kerana tanda-tanda orang munafik tersebut hanya akan terwujud jika terkumpul tiga ciri tersebut. Alasan pertama adalah yang dipersetujui oleh Imam al-Bukhārī Oleh kerana itu, dalam bab lain beliau menggunakan bentuk *jama*’(plural) seperti yang diriwayatkan oleh Abū Awanah dengan lafaz **علامات** **المنافق** , maksudnya tanda-tanda orang munafik.²⁷⁵

Jika ada yang mengatakan bahawa hadith tersebut membatasi tanda-tanda tersebut hanya pada tiga sifat, lalu bagaimana dengan hadith lain yang berbunyi

²⁷⁵ Ibn hajar(2002), *op. cit.*, h. 159.

اربع من كن فيه , membawa maksud “Barangsiapa yang memiliki empat sifat ini.” Al-Qurtubi menjawab, “Ada kemungkinan bahawa Rasulullah s.a.w. baru mengetahui sifat yang baru itu.” Menurut Ibn Hajar, tidak ada pertentangan antara kedua hadith tersebut, kerana sifat yang menunjukkan karakter yang sebenarnya dari orang munafik belum tentu merupakan tanda-tanda orang munafik. Kerana tanda-tanda tersebut merupakan sifat asli orang munafik, dan jika ditambahkan sifat-sifat yang lain, maka sifat munafik itu akan menjadi sempurna.²⁷⁶

Hanya dalam riwayat Muslim dari jalur al-A’la bin Abdu al-Rahman daripada ayahnya dari Abū Hurairah r.anhum, menunjukkan tidak ada pembatasan dalam hadith tersebut, adalah kerana lafaznya adalah من علامات النفاق ثلاثة , maksudnya “ di antara tanda-tanda orang munafik ada tiga perkara..” Begitu juga hadith yang diriwayatkan Tabrani dalam kitab al-Awsat dari Abū Sa’id al-Khudri. Apabila lafaz pertama ditafsirkan seperti ini, maka pertanyaan tersebut tidak akan muncul, kerana hadith di atas memberitahukan tentang tanda-tanda orang munafik pada satu waktu dan tanda yang lainnya di lain kesempatan.

Al-Qurtubi dan al-Nawawi juga berkata, “Dari kedua riwayat tersebut dapat diketahui ada lima karakter orang munafik, kerana kedua hadith itu merangkumi sifat berdusta dalam berbicara dan mengkhianati amanah. Pada hadith pertama, ditambah sifat mengingkari janji, sementara pada hadith kedua pula ditambah sifat mengingkari perjanjian dan berkata buruk ketika berdebat.” Menurut Ibn Hajar, mengingkari perjanjian dalam riwayat kedua dari Imam Muslim adalah sebagai

²⁷⁶ Ibid.

ganti mengingkari janji seperti yang terdapat pada hadith pertama. Ada kemungkinan beberapa perawi telah merubah sebahagian lafaznya kerana kedua makna tersebut sama. Dari sini, maka tambahannya hanya satu sifat iaitu berkata buruk ketika berdebat. Yang dimaksud dengan *fujur* adalah meninggalkan kebenaran dan mempergunakan tipu daya untuk menolaknya. Sifat ini sudah terangkum dalam sifat pertama iaitu berdusta dalam berbicara.²⁷⁷

Pembatasan tanda-tanda orang munafik hanya pada tiga sifat tersebut, adalah untuk mengingatkan sifat-sifat yang lain kerana sumber agama hanya terbatas pada tiga hal, iaitu perkataan, perbuatan dan niat. Maka hadith tersebut mengingatkan bahawa dusta dapat merosakkan perkataan, khianat dapat merosakkan perbuatan dan mengingkari janji dapat merosakkan niat. Dalam hal ini, mengingkari janji termasuk perbuatan dosa jika mengandungi unsur kesengajaan. Sedangkan jika seseorang telah bertekad untuk menepatinya tetapi ada suatu halangan, maka ia tidak dianggap sebagai orang munafik. Inilah yang disampaikan oleh al-Ghazalī dalam kitab *Ihya' Ulūm al-Dīn*. Dalam meriwayatkan sebuah hadith panjang yang menguatkan pernyataan tersebut, demikian pula dalam hadith yang diriwayatkan oleh Salman. “Jika berjanji ia akan berkata kepada dirinya sendiri, bahawa dia akan mengingkarinya.” Hal semacam ini juga terdapat pada sifat-sifat yang lain. Kemudian dalam riwayat Abū Daud dan Tirmidhi dari Zaid bin Arqam disebutkan, “Jika seseorang menjanjikan saudaranya dan berniat untuk membayar (hutang) kemudian tidak membayarnya maka tidak ada dosa baginya.”²⁷⁸

²⁷⁷ Ibid

²⁷⁸ Ibid.

(واذا وعد) Maksudnya jika berjanji, yang dimaksudkan dengan janji dalam hadith ini adalah janji dalam suatu kebaikan, kerana janji dalam keburukan harus dilanggar dan tidak harus dipatuhi, bahkan diwajibkan untuk ditentang jika mendatangkan bahaya. Sedangkan dusta yang ada dalam yang diceritakan oleh Ibn al-Tīn dari Malik, ketika ditanya tentang orang yang berdusta, ia mengatakan.”Jenis dusta yang mana?”Agaknya ia berbicara tentang masa lalunya, lalu berlebih-lebihan dalam menceritakannya. Hal ini tidak berbahaya, tapi yang berbahaya adalah orang yang berbicara tentang sesuatu yang berlawanan dengan realiti dengan niat untuk berdusta.

Imam Nawawi berkata, “Hadith ini dianggap oleh sebahagian ulama sebagai hadith yang bermasalah, kerana sifat-sifat ini telah ditemukan dalam diri seorang muslim dan tidak dihukumi kafir.” Kemudian beliau melanjutkan, “Makna hadith tersebut adalah benar dan tidak ada masalah di dalamnya. Sedangkan apa yang dikatakan oleh para pentahqiq bahawa orang yang memiliki sifat munafik disamakan dengan orang munafik, maka saya katakan bahawa pernyataan ini adalah berbentuk *majāz*. Ertinya orang yang memiliki sifat tersebut seperti orang munafik, kerana yang dimaksud dengan munafik di sini adalah *nifāq al-kufr*.(kekufuran). Ada juga yang mengatakan bahawa yang dimaksud dengan munafik dalam hadith tersebut adalah *nifāq al-‘amal*.(kemunafikan dalam perbuatan) seperti yang kami sebutkan. Pendapat ini didukung oleh al-Qurtubi berdasarkan perkataan Umar kepada Hudzaifah, “Apakah engkau mengetahui kemunafikan dalam diriku?” Kemunafikan dalam pertanyaan tersebut maksudnya bukanlah nifaq al-kufr, tapi *nifāq al-‘amal*. Kemudian diperkuat dengan

menambahkan kata '*khālisah*' (murni) dalam hadith kedua dengan lafaznya منافقا

خالصا (dia jelas semurninya orang munafik). Ada juga yang berpendapat bahawa disebutkan sifat munafik secara umum adalah sebagai peringatan bagi manusia untuk tidak melakukan sifat ini. Pendapat ini didukung oleh al-Khatabi. Disebutkan juga bahawa kemungkinan yang disifati dengan sifat tersebut adalah orang yang telah terbiasa melakukan hal tersebut, sehingga menjadi suatu kebiasaan bagi mereka. Dia berkata, "Pernyataan tersebut dikuatkan dengan disebutkannya kata idha(jika), kerana kata tersebut menunjukkan pengulangan (pekerjaan)."²⁷⁹

Yang lebih utama adalah apa yang dikatakan al-Karmani, "Penghapusan objek dari kata '*haddatha*' (mengatakan) menunjukkan erti umum. Ertinya jika dia berkata tentang segala sesuatu maka ia akan berdusta. Kata tersebut dapat pula bererti menjadi pendek, sehingga ertinya adalah jika telah menemukan inti pembicaraan, maka dia akan berdusta." Ada yang mengatakan bahawa ungkapan tersebut diinterpretasikan dengan orang yang memiliki sebahagian besar sifat ini dan orang yang berada dalam keadaan seperti itu biasanya akidahnya rosak. Semua jawapan ini berdasarkan bahawa huruf 'lam' pada kata *al-munāfik* yang menunjukkan jenis. Ada sebahagian yang mengatakan bahawa huruf tersebut menunjukkan ('*Ahd*). Hadith tersebut ditujukan kepada orang tertentu atau kepada golongan munafik pada masa Rasulullah s.a.w., pendapat tersebut berdasarkan

²⁷⁹ *Ibid.*

hadith dhaif yang berkaitan dengan kes itu. Jawapan yang paling baik adalah jawapan al-Qurtubi.²⁸⁰

Kepura-puraan adalah satu sifat *mazmūmah* yang harus dihindari oleh setiap muslim. Kepura-puraan menafikan sifat ikhlas yang mana dengannya akan diterima segala amalan dan kebajikan seseorang itu akan diterima. Masyarakat tidak dapat mempercayai antara satu sama lain jika setiap individu tidak mengamalkan sifat ikhlas dan jujur dalam kehidupan mereka. Penyakit masyarakat seperti rasuah, penderaan fizikal dan mental, perlumbaan haram, penyalahgunaan dadah dan seumpamanya juga akan tumbuh subur dalam masyarakat.

Di sini, datangnya peranan wanita yang amat besar untuk membasmi sifat-sifat munafik dari wujud dalam masyarakat. Wanita sebagai ibu, guru dan walau apapun jawatan profesionalnya harus mengambil langkah pro-aktif untuk mendidik masyarakat supaya menjadi sebuah masyarakat ikhlas dan jujur dalam setiap perkataan dan perbuatannya. Wanita dengan posisinya yang penting dalam keluarga dan pendidikan mampu merealisasikan harapan ini dengan bantuan dari semua pihak.

Adalah menjadi kewajipan seorang ibu selaku orang yang paling rapat dengan seorang anak untuk menyemai sifat ikhlas dan jujur dalam diri mereka sejak dari kecil lagi, sebelum umur lima tahun. Ini adalah kerana sifat dan perwatakan anak terbina dari sejak lahir lagi. Satu perilaku yang biasa di kalangan

²⁸⁰ Ibid

kanak-kanak bawah umur dua tahun, ialah gemar bertanya banyak soalan. Di sini, terdapat kecenderungan ibu-ibu untuk memberi jawapan salah jika didapati amat sukar menjawab soalan yang dibangkitkan oleh anaknya. Ini akan menyemai sifat tidak jujur dalam diri kanak-kanak dan seterusnya sebat dalam dirinya dan akan membawa sifat ini hingga dewasa.

Tanggungjawab seorang guru pula adalah menyemai nilai-nilai keikhlasan dan kejujuran dalam diri setiap pelajarnya. Pelajar-pelajar yang menipu dalam peperiksaan misalnya, harus diambil tindakan yang sewajarnya. Namun yang lebih penting dari semuanya adalah pendidik itu sendiri yang merupakan unsur yang sangat berpengaruh dalam pendidikan. Di mana dengan keikhlasannya yang tulus dan kemampuan yang dimiliki dapat diteladani oleh para pelajar.²⁸¹

Kesemua peranan wanita yang diketengahkan dalam Sūrah Āli ‘Imrān ini wajar diamalkan oleh wanita sekarang untuk menjamin kejayaan dakwah mereka. Ini kerana sifat wanita yang begitu istimewa dan berbeza daripada lelaki dari banyak aspek, memerlukan pendekatan khusus yang mana ia akan lebih berkesan jika ditangani oleh para pendakwah wanita sendiri. Sesungguhnya fitrah dan keistimewaan wanita akan lebih difahami dan diraikan oleh kaum sejenis mereka.

Sebagai kesimpulannya, wanita muslimah memainkan peranan yang penting dan pelbagai dalam pembangunan umat Islam secara keseluruhan. Setiap wanita adalah seorang ibu dan isteri kepada seseorang, dan mereka hendaklah bijak membahagi-bahagikan masa dalam menunaikan tugasnya demi memastikan

²⁸¹ Mustafa Malaikah(2001), *op. cit.*, h. 81.

semua tanggungjawab yang dipikul dapat dilaksanakan dengan baik. Ini adalah kerana seorang ibu itu adalah sekolah pertama setiap anak dan corak pemimpin pada masa hadapan terletak kayu pengukurnya di tangan para ibu. Tugas pertama dan utamanya berkisar di rumah, iaitu menjalankan usaha dakwah kepada suami dan anak.

Namun demikian, seorang muslimah yang sejati juga tidak akan sanggup melihat sahaja kepincangan dalam masyarakat tanpa berbuat apa-apa. Sebaliknya, bersama-sama menyingsing lengan menyumbang idea dan tenaga membantu keluarga dan komuniti setempat berhijrah menuju kejayaan yang lebih *syumul* di dunia dan akhirat. Dengan melibatkan diri dalam organisasi dakwah, niat untuk membantu umat Islam akan lebih terancang dan kemas serta berorientasi. Walaubagaimanapun, bagi mereka yang tidak berpeluang untuk bergelanggang di tengah masyarakat oleh kerana terdapat kekangan, tanggungjawab berdakwah tidak harus dipandang sepi. Seharusnya tanggungjawab itu dilaksanakan menggunakan pendekatan dakwah dan medium yang terbaik dan disesuaikan dengan keadaan seseorang. Demi menjamin keutuhan umat Islam di masa hadapan, setiap wanita muslimah harus bertindak pro aktif dengan menimba seberapa banyak ilmu pengetahuan dan memanfaatkannya seoptimum mungkin.

BAB EMPAT

PENDEKATAN DAKWAH DALAM

AYAT 159 SŪRAH ĀLI ‘IMRĀN

4.1 Pengenalan

Setiap manusia dilahirkan dengan fitrah semulajadi yang mempunyai tahap kekuatan psikologi dan jasmani yang berbeza-beza antara satu dengan yang lain. Maka pendekatan dakwah yang yang harus dititikberatkan dan diaplikasikan dalam melaksanakan dakwah kepada mereka adalah juga pelbagai dan berbeza.

Setiap individu dan juga setiap peristiwa itu adalah unik. Walaubagaimanapun, kadang kala wujud unsur persamaan antara seorang individu dengan individu yang lain serta antara satu peristiwa yang berlaku dengan peristiwa lain. Meskipun mengakui bahawa manusia ada kalanya sama pada sesetengah keadaan, para ahli Psikologi yang mengkaji personaliti manusia lebih menjuruskan kajian mereka dalam mencari bagaimana seorang individu itu berbeza daripada seorang individu lain.²⁸² Oleh kerana tingkah laku dan peribadi serta sifat setiap individu itu adalah begitu kompleks, maka para pendakwah harus bijak dan mahir dalam mengambil pendekatan yang bersesuaian dengan *mad'u* agar dakwah mereka berlangsung dengan lancar, bukan hanya berpegang kepada satu pendekatan semata-mata.

Dalam sūrah Āli 'Imrān, iaitu ayat 159 yang menjadi fokus kajian penyelidik, Allah Ta'āla telah mengutarakan beberapa pendekatan dalam melaksanakan dakwah sebagaimana firmanNya:

²⁸² Lawrence A. Pervin(1989), *Personality Theory and Research*. New York : John Wiley & Sons Inc.

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ
 حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ
 فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :159

Maksudnya : Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-
 limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau
 telah bersikap lemah- lembut kepada mereka (sahabat-
 sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap
 kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.
 Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang
 mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun
 bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka
 dalam urusan itu. Kemudian apabila engkau telah
 berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu),
 maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah
 mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

Munasabat ayat 159 dengan ayat sebelumnya

Selepas membicarakan tentang nilai hidup yang diambil pengajaran dari
 Perang Uhud, yang akhirnya menjadi pengajaran bagi semua pengikut Nabi
 s.a.w., kemudian datanglah tuntutan Allah Ta’āla kepada RasulNya tentang cara

memimpin. Dalam ayat-ayat terdahulu juga, dinukilkan bagaimana Allah Ta’āla
 memberi petunjuk kepada apa yang memberi manfaat kepada sekalian umat Islam
 dalam kehidupan mereka, antaranya mendapat kemaafan daripada RasulNya.

Kemudian datanglah ayat 159 di atas sebagai pujian di atas sifat pemaaf

Rasulullah s.a.w. dan meninggalkan segala bentuk kekasaran. Sifat mencela, mengeji, menempelak apalagi mengasari, tidak ada sama sekali pada diri Nabi s.a.w. bahkan dengan kurnia Allah Ta'āla telah digantikan dengan sifat penyabar, penyantun dan berlemah-lembut terhadap kaum baginda.²⁸³

4.2 Pendekatan Lemah lembut

Pendekatan pertama yang dianjurkan dalam ayat di atas ialah berlemah lembut dan menjauhi sikap kasar. Al-Samarqandi mentafsirkan kalimah ما yang terdapat pada frasa فبما رحمة²⁸⁴ sebagai huruf *wasal*²⁸⁴. Penggunaan huruf ini dalam Bahasa Arab adalah bagi fungsi penyambung bagi beberapa kalimah, sama ada *ma'rifah*²⁸⁵ atau *nakirah*²⁸⁶. Abū Hayyān juga turut berkongsi pandangan yang sama dengan al-Samarqandi dengan berasaskan kepada pendapat al-Zujaj.²⁸⁷

Sementara al-Ālūsī pula mengutarakan pendapatnya dengan mengatakan kalimah ما dalam ayat tersebut adalah tambahan bagi menambah keyakinan dan pendapat ini selari dengan *maathur*²⁸⁸ daripada Qatadah.²⁸⁹ Mengikut

²⁸³ Ahmad Sonhadji Mohamad(1989), *op. cit.* h.121

²⁸⁴ Kata penyambung.

²⁸⁵ Katanama yang telah diketahui dan tertentu sifat dan keadaannya.

²⁸⁶ al-Samarqandi(1993), *op. cit.*, h. 309.

²⁸⁷ Abū Hayyān (1989), *Tafsīr al-Nahr al-Madd*, j. 1. Istanbul: Dār al-Da'wah, h. 290.

²⁸⁸ Kata-kata diriwayatkan daripada sahabat Nabi s.a.w. / tabi'in.

²⁸⁹ al- Ālūsī (1993), *op. cit.*, h. 433.

al-Akhfasy, ما menjadi *nakirah* ²⁹⁰ dengan makna sesuatu dan *رحمة* *badal* baginya. Ada pendapat lain yang mengatakan bahawa ما adalah soalan *istifhamiyyah* ²⁹¹, sebagai tanda terkejut. Maka tafsirannya ‘Maka dengan suatu rahmat manakah kamu berlaku lembut kepada mereka?’ ²⁹². Pendapat ini dikongsi dengan Al-Rāzī, di mana ‘illah bagi yang demikian itu ialah kerana kesalahan mereka yang menafikan rahmat Allah itu adalah sangat besar. Menurut Abū Hayyān pula, رحمة bermaksud lembut hati dan kasih sayangnya terhadap orang yang dirahmati.

Ibn Kathīr mentafsirkan frasa فبما رحمة من الله لنت لهم, “dengan suatu apakah yang Allah Ta’āla jadikan engkau (wahai Muhammad) berlembut kepada mereka, kalau tidak kerana rahmat Allah Ta’āla bagi engkau dan juga mereka?” Ibn Kathīr mengutarakan pendapat al-Hassan al-Basri, bahawa sifat lemah lembut ini adalah akhlak Nabi s.a.w. yang diutuskan bersama baginda s.a.w. ²⁹³

Hamka mentafsirkannya di mana di dalam ayat ini terdapat pujian yang tinggi dari Tuhan terhadap RasulNya kerana sikap baginda yang lemah lembut, tidak lekas marah kepada umat baginda yang dipimpin, serta dididiknya mereka agar iman mereka lebih sempurna. Walaupun ada segolongan sahabat baginda yang meninggalkan tugas mereka kerana tamak kepada harta, namun Rasulullah

²⁹⁰ Katanama yang belum diketahui sifat dan keadaannya.

²⁹¹ Kata soalan.

²⁹² *Ibid.*

²⁹³ Abū al-Fida’ Ismā’il Ibn Kathīr (t.t.), *op. cit.*, h. 331.

tidak terus marah terhadap mereka. Bahkan dengan jiwa yang besar, baginda memimpin dan membimbing mereka itu. Dalam ayat ini juga, Allah Ta'āla menegaskan sebagai pujian kepada RasulNya, bahawa sikap yang lemah lembut itu ialah kerana ke dalam diri baginda telah dimasukkan rahmatNya. Rasa rahmat, belas kasihan, cinta kasih itu itu telah ditanam olehNya ke dalam diri baginda, sehingga rahmat itu pulalah yang mempengaruhi sikap beliau dalam memimpin.²⁹⁴ Ini sesuai dengan pujian Tuhan di dalam firman yang lain yang terdapat pada ayat-ayat terakhir dalam Sūrah al-Taubah²⁹⁵

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ
بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Sūrah al-Taubah(9) :128

Maksudnya :*Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.*

Di hujung ayat ini, Allah s.w.t. memberikan sanjungan tertinggi kepada rasulNya, di mana baginda telah diberi gelaran *rauf* dan *rahim* yang bererti sangat pengasih, penyantun serta sangat penyayang. Kedua nama *rauf* dan *rahim* itu adalah sifat-sifat Tuhan, asma' Tuhan termasuk di dalam 99 al-Asma al-husna. Rahmat Allah telah memberi kesan dalam diri baginda, sehingga sebatini menjadi

²⁹⁴ Hamka(1984), *Tafsir al-Azhar*, j. 4.T.T.P.: Yayasan Nurul Islam, h. 146.

²⁹⁵ *Ibid.*

Lihat juga Ahmad Sonhadji Mohamad(1989), *op. cit.*, h. 121.

Lihat juga Ibn Kathīr (t.t.),*op. cit.*, h. 331.

sikap dan perangai baginda s.a.w. dan Allah Ta'āla sendiri memberi baginda s.a.w. dengan gelaran namaNya. Di sinilah dapat dilihat apa yang kerap kali dianjurkan oleh ahli-ahli Tasawuf, iaitu supaya manusia berusaha untuk dirinya meniru sifat-sifat Allah Ta'āla yang patut ditiru. Maka, di dalam ayat Āli 'Imrān di atas, terdapat kata-kata pujian Allah Ta'āla terhadap NabiNya dengan penuh hormat bahawa sikap lemah lembut baginda terhadap kaum baginda, tidak lain ialah kerana rahmat Allah yang telah menjelma dalam diri baginda.²⁹⁶

Di pangkal ayat 128 Sūrah al-Taubah pula, terdapat kalimah **من انفسكم** yang bererti bahawa Rasulullah s.a.w. itu bukanlah orang lain kepada kamu, baginda adalah dirimu atau seumpama dirimu. Bagi bangsa Arab yang didatangi, baginda bukan orang lain, malahan adalah dari kalangan mereka sendiri. Bagi orang Quraisy, baginda adalah saudara sedarah daging, sementara bagi orang Ansar pula, baginda adalah anak *khal*²⁹⁷ disebabkan ibu Abdullah (nenek Nabi s.a.w.) berasal daripada Bani Najjar. Manakala bagi kita umat manusia seluruhnya, baginda juga adalah daripada keturunan Adam sama dengan kita, bukan malaikat yang diutus dari langit dan bukan bangsa jin. Oleh kerana itulah maka baginda memahami rasa sakit senang kita dan terdapat kesamaan rasa dengan kita. Kalau terdapat sebarang kelemahan, maka baginda s.a.w. tahu sebab-sebab kelemahan itu, lalu baginda akan menunjuk ajar ke arah iman yang lebih mantap. Dengan sanjungan Tuhan yang begitu tinggi sekali terhadap RasulNya

²⁹⁶ Hamka(1984), *op. cit.*, h. 147.

²⁹⁷ saudara-mara dari sebelah ibu

kerana sikap lemah-lembut itu, maka Dia amat menganjurkan agar sikap itu diteruskan dan menjadi amalan semua umat RasulNya pada akhir zaman.²⁹⁸

Menurut Al-Rāzī juga, sifat lemah-lembut Nabi Muhammad s.a.w. terhadap kaum baginda adalah sebagai salah satu gambaran dari sifat baginda yang terpuji ketika bersama kaum baginda.²⁹⁹

Firman Allah Ta'āla

وَأَخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

Sūrah al-Syu'ara'(26):215

Maksudnya : *Dan hendaklah engkau merendah diri kepada pengikut-pengikutmu dari orang-orang yang beriman.*

dan FirmanNya

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ

Sūrah al-A'raf(7:199)

Maksudnya : *Jadilah engkau pemaaf dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).*

serta firmanNya

²⁹⁸ Hamka(1984), *op. cit.*, h. 148.

²⁹⁹ al- Rāzī, (2000), *op. cit.*, h. 62.

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ
بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Sūrah al-Taubah(9) :128

Maksudnya :*Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (yaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.*

Menyentuh persoalan qada' dan qadar Allah Ta'āla pada **فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّن**

اللَّهُ لنت لهم , bentuk pendalilan padanya ialah sesungguhnya Allah Ta'āla menjelaskan bahawa sifat terpuji Nabi s.a.w. itu adalah bersama dengan kejadian baginda dan ianya adalah merupakan dengan sebab rahmat Allah Ta'āla. Golongan Muktazilah berpendapat bahawa rahmat Allah Ta'āla menyeluruh dan menjadi hak kepada semua orang yang *mukallaf*. Maka setiap apa yang dianugerahkan Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. sama ada hidayah atau dakwah serta petunjuk, maka itu juga diberikan kepada iblis, Firaun, Hamman dan Abū Jahal serta Abū Lahab. Sekiranya berpegang dengan pendapat ini, setiap apa yang dilakukan Allah Ta'āla terhadap setiap *mukallaf* dalam hal ini, adalah sama di antara mereka yang suci dan orang yang celaka, tidak terdapat sebarang keistimewaan setengah mereka dengan sifat terpuji dengan sebab rahmat Allah Ta'āla.³⁰⁰

³⁰⁰ Hamka(1984), *op. cit.*, h. 149.

Berlandaskan ayat di atas, dapat disimpulkan bahawa pendekatan utama dan penting dalam berdakwah yang mana ia diamalkan oleh Nabi s.a.w. selama 23 tahun baginda berdakwah ialah berlemah lembut kepada *mad'ū*. Bertepatan dengan ayat al-Qur'ān di mana Allah Ta'āla telah berfirman

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Sūrah Taha(20) :44

Maksudnya :*Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, semoga ia beringat atau takut.*

Tuntasnya, sifat lemah lembut Nabi Muhammad s.a.w. adalah satu anugerah dan kurnia Allah Ta'āla kepada RasulNya bagi memudahkan proses dakwah dan tugas baginda s.a.w. Antara contoh berlemah lembut ialah melaksanakan sesuatu tugas atau dakwah *bi al-hikmah*.

Hikmah berasal dari perkataan Bahasa Arab **حكم** yang bermaksud meletakkan sesuatu di tempatnya atau kebenaran sesuatu perkara dan ilmu tentang perkara yang paling baik dengan menggunakan sebaik-baik ilmu.³⁰¹

Dari sini, didapati bahawa perkataan ini biasa digunakan bila berbicara tentang keilmuan, pengalaman dan penyesuaian. Kita cenderung menganggap seseorang itu seorang yang berhikmah bila mana dia mempunyai ilmu, pengalaman serta bijak menyesuaikan diri dengan keadaan dan seumpamanya.

³⁰¹ Ibrahim Mustafa(1989), *al-Mu'jam al-Wasit*, j. 1.Istanbul: Dār al-Da'wah, h. 290.

Kelebihan-kelebihan ini akan membantunya dalam mengeluarkan idea-idea yang tepat dan betul.³⁰²

Dakwah *bi al-hikmah* yang bererti dakwah dengan bijak, membawa maksud pendakwah hendaklah sentiasa peka dengan suasana, situasi dan keadaan *mad'ū*. Ini bermakna pendakwah menggunakan kaedah yang paling sesuai dan boleh dilaksanakan sebagaimana keperluan dengan selalu memberi perhatian kepada tahap pemikiran dan intelektual, suasana psikologi serta situasi sosio budaya *mad'ū*.³⁰³

Firman Allah Ta'āla:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Sūrah al-Nahl (16) : 125

Maksudnya : Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan cara hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang sesat dari jalanNya dan Dia lah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

³⁰² Muhammad Hussayn Fadl Allah (1986), *op. cit.*, h. 54.

³⁰³ H. Asep Muhiddin M.A.(2002), *op. cit.*, h.164.

Dalam ayat tersebut, Sonhadji mentafsirkan sesungguhnya Allah s.w.t membimbing NabiNya supaya memberi ingatan kepada mereka yang ingin membuat seruan ke jalan Allah Ta'āla agar menyeru para *mad'ū* dengan cara yang penuh hikmah, iaitu dengan cara berlemah lembut, penyantun dan bijaksana. Di samping itu juga, hendaklah memberi pengajaran dengan cara yang baik, nasihat-nasihat dan contoh teladan yang berguna agar mudah difahami dan dapat menarik perhatian mereka.³⁰⁴

Hikmah bukanlah suatu perkara mudah yang boleh dipelajari oleh seseorang dan mendalaminya, bahkan ia adalah perkara yang sangat sulit dan sukar yang memerlukan kepada pengamatan yang mendalam ke atas isu-isu semasa, kejadian-kejadian dan pemikiran, di samping ilmu yang luas tentang perkara-perkara utama dan asas serta perkara-perkara yang bersangkutan dengan sesuatu subjek sama ada secara langsung atau tidak langsung.³⁰⁵

Hikmah adalah seumpama sifat bagi media bagi dakwah ke jalan Allah Ta'āla. Ia merupakan kajian yang mendalam secara terperinci dengan berpandukan bukti-bukti yang nyata dan kukuh meskipun berbeza bentuknya. Hikmah adalah berkisar tentang pentafsiran, pemahaman dan penaakulan yang mendalam yang membawa maksud keyakinan yang jitu.³⁰⁶ Sa'id bin Ali berpandangan bahawa hikmah juga membawa pengertian bersikap lemah lembut, ramah, penuh maaf dan sabar terhadap orang cerdik pandai yang mahu menerima

³⁰⁴ Ahmad Sonhadji(1989), *op. cit.*, h. 234.

³⁰⁵ *Ibid.*

³⁰⁶ Abdu al-Na'im Muhammad Hasnin(1984), *op. cit.*, h. 106.

hak dan kebenaran serta tidak menentanginya. Bimbingan dan ajaran yang baik yang meliputi ajakan untuk mengikuti kebenaran dan peringatan terhadap kebatilan juga adalah satu bentuk hikmah, begitu juga perdebatan dengan cara yang baik, yakni dengan menggunakan akhlak yang tinggi dan penggunaan dalil aqli dan naqli. Di samping itu, hikmah adalah juga di mana penggunaan kekuatan dengan ucapan yang keras atau dengan pukulan dan hukuman seperti tindakan hukuman yang dijatuhkan oleh penguasa atau berjihad di jalan Allah Ta'āla dengan kekuatan senjata di bawah pimpinan pemerintah dengan memperhatikan syarat-syarat yang ditetapkan syarak.³⁰⁷

Menurut Dr. Norlain Dindang, antara garis panduan yang boleh diamalkan dalam dakwah dengan secara berhikmah ialah³⁰⁸

- a) Berdoa kepada Allah Ta'āla agar boleh menyampaikan dakwah dengan lancar dan baik.
- b) Bercakap dengan penuh keyakinan.
- c) Bersikap senang didekati dan tunjukkan kemesraan dalam apa sahaja pendekatan yang diambil.
- d) Mengajak manusia kepada Islam dengan kata-kata yang baik dan tidak sekali-kali menggunakan bahasa yang boleh menyinggung perasaan.
- e) Membentangkan tentang kebaikan Islam dan elakkan dari membicarakan perkara yang sia-sia.
- f) Bercakap menggunakan kata-kata yang manis dan tidak menghina orang lain.

³⁰⁷ Sa'id bin Ali(1994), *Dakwah Islam Dakwah Bijak*. Jakarta: Gema Insani Press, h. 17.

³⁰⁸ Norlain Dindang Mababaya(1998), *op. cit.*, h. 101.

- g) Elakkan dari pertenggaran, perselisihan dan konfrontasi.
- h) Kawal perasaan marah dan menjauhkan dari bibit-bibit ketidakpuasan hati.

Hikmah menjadikan seorang pendakwah itu melakukan keseimbangan. Dia tidak mengabaikan kepentingan dan kebahagiaan hidup di dunia pada saat *mad'ū* memerlukan dari segi masa dan sebagainya. Pendakwah juga tidak mengajak umat Islam menjadi rahib, ketika umat memerlukan persiapan bagi membela akidah dan tanah air. Hikmah juga menjadikan seseorang itu mengamati dan memahami situasi dan kondisi masyarakat penerima dakwah, baik dari segi akhlak, sifat, harta yang dimiliki ataupun batas kemampuan mereka berfikir. Seorang da'i itu tidak membebankan mereka dengan isi ucapan yang memaksa mereka lantaran ketidaksiapan mental mereka dan akan sentiasa memulai dakwahnya dengan sesuatu yang dianggap paling penting diikuti yang dengan yang kurang penting.³⁰⁹

Walaubagaimanapun, kadang-kadang berlaku sedikit salah faham antara pendakwah dan *mad'ū* yang memerlukan masa yang panjang untuk diselesaikan. Tidak kurang pula, pendakwah terpaksa meninggalkan *mad'ū* kerana hanya tindakan itu adalah paling sesuai dan berhikmah pada sesetengah keadaan.³¹⁰

Di medan dakwah, kita diperintahkan untuk berpaling dari perbuatan dan tindakan orang-orang yang jahil. Mereka yang jahil adalah mereka yang

³⁰⁹ Sa'id bin Ali(1994), *op. cit.*, h.17.

³¹⁰ Mohammad Natsir (2000), *op. cit.*, h. 202.

menderhakai Allah s.w.t. dengan melakukan dosa-dosa, baik besar mahupun kecil. Adalah suatu yang tidak rasional bila seseorang aktivis dakwah harus menjauhi dan berpaling dari *mad'ū*.³¹¹ Allah s.w.t. memberi gambaran yang jelas kepada para pendakwah bagaimana untuk berhadapan dengan *mad'ū*, iaitu dengan cara paling lembut sebagaimana Nabi Musa a.s.

Firman Allah s.w.t.:

فَقُولَ لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Sūrah Taha (20) :44

Maksudnya : *Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah- lembut, mudah-mudahan ia akan ingat dan takut.*

Dalam ayat tersebut, Allah s.w.t. memerintahkan kepada Nabi Musa a.s. agar berdakwah kepada Firaun yang mengaku dirinya Tuhan, dengan kata-kata yang baik iaitu perkataan yang lembut dan boleh melunakkan hati yang keras. Namun demikian, pada ketika tertentu meninggalkan mereka adalah jalan yang terbaik. Terhadap orang jahil, pendakwah harus mengambil sikap³¹²

a) Terhadap mukmin fasik

Pada prinsipnya, hubungan mukmin dengan saudara seagama harus berpijak pada ikatan kasih sayang yang diawasi dengan sikap berlapang dada dan terus meningkat hingga takat *ithar*³¹³ sesuai dengan ketaatan dan kecintaan

311

312 Fakhruddin Nur Syam(2003), *op. cit.*, h. 82.

313 Melebihkan orang lain daripada diri sendiri.

terhadap perintah dan larangan Allah s.w.t. Oleh itu, kewajipan paling asas adalah bersikap lapang dada sehingga sekiranya tidak diwujudkannya dalam hati, seseorang mukmin itu telah berdosa. *Ithar* merupakan sesuatu yang disunnahkan untuk kita supaya menerapkannya terhadap saudara kita. Berkaitan kemaksiatan, kita harus berlepas diri dari hal itu dengan tindakan, lisan dan hati selama orang itu melakukan maksiat. Orang yang melakukan maksiat itu seharusnya segera bertaubat. Jika bertaubat, maka pendakwah boleh mencintainya dan bergaul dengannya secara baik. Muslim fasiq sebab hakiki iaitu sebab maksiat sama sekali bukan kerana rosak niat, dominasi hawa nafsu atau kekuasaan syaitan terhadap jiwa yang lemah. Berkata ahli hikmah: “Janganlah engkau mengatakan syaitan telah menguasai jiwa, tetapi katakanlah bahawa penjaga jiwa telah berpaling darinya.”

Penjaga jiwa bermaksud Allah Ta’āla iaitu selama penjagaan dari Allah Ta’āla itu menjauh. Maka sudah sepatutnya hal tersebut tidak menjadikan pendakwah membenci kepada orang yang melakukan maksiat yang telah lama meninggalkan dan bertaubat dari maksiat tersebut. Justeru, hal ini menjadi pendorong bagi kita untuk takut, berwaspada dan berhati-hati serta sentiasa berharap kepada Allah s.w.t. Kebencian terhadap mukmin kerana maksiat yang telah ditinggalkan akan menyebabkan kesombongan yang bakal merosakkan hubungan dengan Allah s.w.t. Ini kerana rintihan orang-orang yang berdosa lebih dicintai Allah Ta’āla daripada keangkuhan orang bertasbih. Kadang kala, kemaksiatan yang menyebabkan penyesalan dan kekhuatiran itu lebih baik daripada ketaatan tetapi tidak dibuka pintu penerimaan amal.

b) Orang kafir

Hubungan hati dengan orang kafir yang tidak memerangi orang Islam dari kalangan Ahli Kitab atau orang-orang kafir secara umum ialah dilarang mencintai mereka dengan hati. Namun orang Islam diperintahkan untuk melakukan kebaikan dan keadilan terhadap mereka serta bersikap manusiawi terhadap orang kafir yang tidak memerangi dan mengusir umat Islam. Umat Islam dianjurkan berbuat baik terhadap mereka di saat mereka menderita sakit. Di waktu mereka sedang dalam keadaan kaya dan kuat pula, fitrah mereka terselimut dan dalam kegelapan. Dengan itu terputuslah hubungan diri mereka dengan Tuhan. Apabila sahaja penghalang itu hilang, maka fitrah mereka akan kembali sedar hubungan mereka dengan Pencipta.

Pendakwah seterusnya hendaklah tidak jemu berdoa agar suatu masa nanti, pintu hati *mad'ū* itu akan terbuka untuk mengamalkan Islam. Pada masa ini, yang paling penting ialah kemampuan pendakwah mengawal perasaannya, memelihara keseimbangan dan ketenangan jiwa.³¹⁴

Firman Allah s.w.t. :

وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَأَهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا

Sūrah al-Muzammil (73) : 10

Maksudnya : *Dan bersabarlah terhadap apa yang mereka ucapkan dan jauhilah mereka dengan cara yang baik.*

³¹⁴ Mohammad Natsir (2000), *op. cit.*, h. 202.

Sesungguhnya hikmah adalah satu kurniaan besar dari Allah Ta'āla sebagai ujian kepada hambaNya sebagaimana firman Allah Ta'āla :

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنِ اشْكُرْ لِلَّهِ

Sūrah Luqman (31) : 12

Maksudnya : *Dan sesungguhnya telah Kami berikan hikmah kepada Luqman, iaitu “bersyukurlah kepada Allah”.*

Nasihat yang baik juga merupakan satu contoh sikap lemah lembut dalam berdakwah, (*Al-Maw'izah al-hasanah*). Pendekatan yang diambil adalah pendekatan bersifat menyentuh emosi dan perasaan, bersifat kejiwaan serta lebih banyak mengambil kira persoalan hati.

Setengah ahli tafsir mentakrifkan *al-maw'izah al-hasanah* ialah menjauhkan seseorang dari perkara buruk dengan cara menggalakkan dan mendorongnya meninggalkan perkara itu dan cuba mengurangkan kekerapan dalam melakukannya. Dengan itu, ia akan melembutkan hati kerana ia lebih membawa kepada kekhusyukan.³¹⁵

Sementara setengah ahli tafsir lain pula, menyifatkan metode ini akan menyedarkan *mad'ū* bahawa pendakwah itu begitu berniat baik dalam memberi

³¹⁵ *Ibid.*, h.61.

tunjuk ajar kepadanya dan menginginkan agar dia memperoleh segala kemanfaatan.³¹⁶

Berdakwah menggunakan kaedah atau metode ini sangat baik dan tiada sikap ego dan kemarahan. Cara ini adalah lebih sesuai dengan manusia yang belum mencapai tahap kemampuan orang bijak pandai tetapi mereka mempunyai potensi dan fitrah untuk menerima kebenaran. Namun mereka masih lagi ragu-ragu antara terus mengikut kebatilan atau mengikuti kebenaran yang disampaikan kepada mereka.³¹⁷

H. Asep Muhiddin mengutarakan bahawa dakwah dengan metode ini perlu memperhatikan faktor-faktor sebagaimana berikut:³¹⁸

- a) tutur kata yang digunakan hendaklah lembut sehingga akan terkesan di hati.
- b) Menghindari sikap sinis dan kasar.
- c) Tidak menyebut-nyebut kesalahan atau bersikap menghakimi orang yang diajak berbicara.

Metode ini akan mendekatkan pendakwah dengan *mad'ū*, bukan menjauhkan lagi. Pada hakikatnya, metode ini adalah usaha-usaha untuk mendekatkan jiwa antara pendakwah dan *mad'ūnya* di mana ia memberi kesan yang baik kepada perasaan dan tergambar jelas bahawa pendakwah amat mengambil berat dan ikhlas dalam memberi nasihat kerana bimbang terhadap

³¹⁶ *Ibid.*

³¹⁷ H. Asep Muhiddin M.A.(2002), *op. cit.*, h.166.

³¹⁸ *Ibid.*

mad'ū tersebut.³¹⁹ Maka, *mad'ū* dalam dirinya sendiri akan menyadari bahawa pendakwah tidak mempunyai niat lain terhadap dirinya. Malah, ketelusan niatnya akan terpancar melalui kata-kata nasihatnya yang tulus dan jelas.

Firman Allah Ta'āla:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا
وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Sūrah Fussilat (41) : 33

Maksudnya : *Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah s.w.t., mengerjakan amal yang salih dan berkata: sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri.*

Syarat-syarat perkataan yang baik di mana sekiranya tiga syarat tersebut terdapat pada diri seseorang, maka dia adalah orang yang paling baik perkataannya, iaitu³²⁰

a) Dia adalah orang yang menyeru kepada Allah s.w.t.

Menyeru kepada Allah s.w.t. bukan kepada organisasi, kelompok atau individu di saat menyeru manusia ke jalan Allah s.w.t., ia dengan tuntutan yang digariskan Allah s.w.t. dan sama sekali tidak keluar atau menyimpang dari tuntutan tersebut. Oleh itu, dakwah yang akan

³¹⁹ Abdu al-Naim Muhammad Hasnin(1984), *op. cit.*, h.106.

³²⁰ Fakhruddin Nur Syam(2003), *op. cit.*, h. 189.

menjadikan perkataan pelakunya menjadi perkataan yang terbaik adalah dakwah yang mengiring umat manusia kepada jalan Allah dan yang menjadi motivasi dakwahnya adalah pahala dan redha Allah s.w.t.

b) Pada saat yang sama dia melakukan amal salih

Amal salih bagi seorang pendakwah adalah minimal ia harus melaksanakan semua yang telah diserukannya kepada orang lain lebih dari itu ia harus menempatkan diri sebagai teladan bagi objek dakwahnya sehingga tidak senang-senang untuk melakukan suatu tindakan yang boleh mengurangi wibawanya apalagi yang syubhat.

c) Memiliki *izzah* sebagai seorang muslim

Dengan penuh *izzah*, pendakwah menegaskan bahawa dirinya adalah termasuk dari kalangan orang mukmin dan menyatakan dengan lantang di hadapan musuh-musuh Islam yang menganggap Islam agama yang kolot dan umat Islam adalah golongan yang terkebelakang serta di hadapan orang-orang Islam yang lebih mengagung-agungkan Barat.

Apabila ketiga-tiga syarat ini tidak terkumpul pada diri seseorang, maka perkataannya tidak dapat dikatakan sebagai perkataan yang terbaik. Contohnya, seseorang yang perkataannya itu dalam rangka menyeru manusia kepada Allah s.w.t., tetapi dia sendiri tiada komitmen dengan apa yang diserukannya bererti ucapan itu bukanlah ucapan yang terbaik.³²¹

³²¹ Fakhruddin Nur Syam(2003), *op. cit.*, h.189.

Satu bentuk dakwah yang begitu signifikan ialah dengan membuat penjelasan berkenaan keunikan Islam ; bagaimana rasional, sempurna dan praktikalnya Islam dalam bentuk paling logik dan mudah. Semua perkara dalam Islam mempunyai asasnya dalam al-Qur'ān dan al-hadith. Pendakwah hendaklah meyakinkan para *mad'ū* bahawa semua perkara dan amalan dalam Islam telah didokumentasikan. Ia mempunyai asas dalam al-Qur'ān dan *hadith* Nabi s.a.w. iaitu dua sumber yang dipercayai dan diturunkan dari sisi Allah Ta'āla sebagai petunjuk kepada semua manusia di atas muka bumi ini.

Sebagai contoh pengharaman arak, ia tidak diharamkan sekaligus. Malah pengharaman arak ini mengalami beberapa fasa pengharamannya. Di mana pada mulanya Allah telah telah menurunkan wahyu mengatakan arak ada manfaat dan ada kemudahan, tetapi kemudaratannya lebih banyak daripada manfaatnya.

Firman Allah :

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ
وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا﴾

Sūrah al-Baqarah (2) :219

Maksudnya : Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi. Katakanlah pada keduanya itu terdapat dosa besar dan manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya.

Selang beberapa lama, turun pula larangan Allah s.w.t. kepada peminum arak yang sedang mabuk agar tidak mengerjakan sembahyang. Ini kerana perbuatan mereka seakan menghina agama Allah. Firman Allah Ta'āla :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنتُمْ سُكَرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا
تَقُولُونَ

Sūrah al-Nisa' (4) :43

Maksudnya : *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu sembahyang sedang kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu mengerti apa yang kamu ucapkan.*

Kemudian setelah umat Islam pada masa itu telah dapat menerima hukum tersebut, barulah Allah menurunkan hukum pengharaman arak secara mutlak, di mana Allah telah berfirman :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sūrah al-Ma'idah (5) :90

Maksudnya : *Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) arak, berjudi, (berkorban) untuk berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.*

Selanjutnya, Rasulullah s.a.w. juga diajar untuk menjauhi sikap kasar dan kata-kata kesat. Pada ayat 159 sūrah Āli 'Imrān , Allah Ta'āla telah berfirman

وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ

Maksudnya : *Dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.*

Nabi Muhammad s.a.w. sangat menghindari sikap kasar dan keras hati dalam mendepani *mad’ū* selama berdakwah dalam masa 23 tahun kebangkitan baginda.

Al-Wahidi rahimahullah berkata: **الفظ** bermaksud yang keras iaitu sisi yang buruk dari segi akhlak, manakala **الفض** pula membawa makna memisahkan sesuatu.³²² Menurut Abū Hayyān **الفظ** membawa maksud bersikap kasar dalam aspek perkataan dan perbuatan sementara **غلظ القلب** pula hati yang terlalu keras dan tidak ada kelembutan padanya.³²³

Al-Rāzī mentafsirkan **الفظ** ialah akhlak yang tercela, sementara **غلظ القلب** pula membawa maksud hati yang tidak terkesan oleh suatu apa pun. Kadang-kadang ada manusia yang berhati keras yang tidak dapat dipengaruhi oleh sebarang kesan dan dia tidak pula melakukan perbuatan tercela. Namun, dia tidak pernah mengasihi dan menyayangi orang lain. Itulah perbezaan antara keduanya.³²⁴

³²² al-Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 65

³²³ Abū Hayyān (1987), *op. cit.*, h. 395.

³²⁴ al-Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 66.

Kata Ibn Kathīr : “Sekiranya kamu (wahai Muhammad) mengeluarkan perkataan yang kesat dan mempunyai hati yang keras terhadap mereka, maka mereka akan menjauhi dirimu dan seterusnya meninggalkanmu. Namun Allah Ta’āla telah mengumpulkan mereka di sekelilingmu dengan mengambil hati mereka dengan kelembutan”.³²⁵ Sementara berkata pula al-Samarqandi dalam tafsirnya: “Iaitu keras dan kasar dalam pertuturan, maka mereka akan bertempiran lari daripada engkau(wahai Muhammad). Namun, Allah Ta’āla telah menjadikan engkau mudah bermuamalat, lagi lembut dan penyantun serta penyayang”.³²⁶

Seterusnya, Ahmad Sonhadji mentafsirkan ayat di atas dengan katanya : “Maka sebaliknya jika perangai dan hatimu kasar waktu bergaul dengan mereka, nescaya akan larilah orang-orang yang engkau seru itu.” Dengan hal yang demikian akan gagallah usaha untuk memberi mereka petunjuk ke jalan yang lurus. Sedangkan tujuan membangkitkan Rasul itu ialah untuk menyampaikan syariat Allah (peraturanNya) kepada manusia dan tujuan ini tidak dapat disempurnakan kecuali dengan menarik hati mereka dengan cara yang lemah lembut, kasih sayang dan belas kasihan. Ada satu pandangan mengatakan ayat **فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لَنْتَ لَهُمْ** adalah diturunkan pada kejadian Perang Uhud, iaitu: “Maka jika tidak kerana rahmat Allah engkau berlembut dengan mereka (wahai Muhammad) sewaktu Perang Uhud ketika mereka kembali kepada engkau setelah mengalami kekalahan. (**وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيظَ الْقَلْبِ**) Sekiranya engkau (wahai Muhammad) bersikap kasar dan berhati keras serta menuduh mereka di

³²⁵ Ibn Kathīr (t.t.), *op. cit.*, h. 331.

³²⁶ al-Samarqandi(1993), *op. cit.*, h. 311.

atas kekalahan itu, nescaya mereka akan lari kerana takut dan juga malu kerana kelemahan mereka. Maka inilah yang dicita-citakan oleh musuh pada engkau”.

327

Pandangan al-Ālūsī dalam **ولو كنت فظا** iaitu kasar dan tiada kelembutan dalam pergaulan sama ada perkataan mahupun perbuatan, **غليظ القلب** bermaksud keras hati. Berkata al-Kalbi, bengis pada perkataan dan keras hati pada perbuatan. Setengah yang lain pula berpendapat : bahawa **الفظ** akhlak yang tercela pada perkara-perkara zahir daripada perkataan dan perbuatan dan **غليظ القلب** pula sifat tercela pada perkara batin. Sekiranya engkau (wahai Muhammad) bersikap bengis dan akhlak yang buruk sebagai lambang kepada hati yang keras maka sesungguhnya hati yang keras itu diikuti oleh sifat-sifat yang tercela. Frasa **لا تفضوا اليك** bermaksud mereka akan berpisah daripada engkau, lari dari engkau serta tidak akan berminat kepadamu. Maka dengan itu tidak akan terlaksana tujuan kebangkitan engkau (wahai Muhammad) sebagai memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada mereka.³²⁸

Walau bagaimanapun, berlembut dan bermurah hati adalah harus sekiranya tidak membawa kepada pengabaian hak-hak Allah. Namun sekiranya ia

³²⁷ Ahmad Sonhadji(1989), *op. cit.*, h. 122. Lihat juga al- Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 66.

³²⁸ al- Ālūsī (2001), *op. cit.*, h. 433.

akan menyebabkan hak-hak Allah tidak dapat ditunaikan, maka ketika itu tidak harus berlembut serta bermurah hati.³²⁹ Ini terbukti dengan firman Allah Ta'āla

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ

Sūrah al-Taubah(9):73

Maksudnya : *Wahai Nabi, berjihadlah menentang orang-orang kafir dan orang-orang munafik, dan bertindak keras terhadap mereka.*

dan firmanNya

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ

Sūrah al-Taubah(9):73

Maksudnya : *Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat. Dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah.*

Dalam ayat 159 Sūrah Āli 'Imrān, Allah Ta'āla melarang perbuatan kasar dan bengis manakala pada ayat-ayat di atas pula, Allah menyuruh berlaku keras dalam firmanNya (**واغلظ عليهم**) . Dalam ayat 159 itu, Allah Ta'āla melarang berlaku keras terhadap orang mukmin, sementara pada ayat-ayat di atas pula Allah menyuruh berkeras kepada orang kafir seperti firmanNya

³²⁹ al- Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 66.

أَذِلَّةٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى الْكَافِرِينَ

Sūrah al-Maidah(5):59

Maksudnya : Mereka pula bersifat lemah lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir.

dan firmanNya

أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ

Sūrah al-Fath(48) :29

Maksudnya: Bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam).

Sesungguhnya berpendirian teramat keras dan terlalu lembut adalah tidak digalakkan. Sebaliknya, berpendirian sederhana atau pertengahan adalah dipuji. Perintah supaya bersikap tegas dan pada masa lain bersikap lembut adalah supaya menjauhkan diri dari bersikap keterlaluan dan terlalu lemah³³⁰ sebagaimana firman Allah Ta'āla

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا

Sūrah al-Baqarah(2) :143

Maksudnya: Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus),Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil.

³³⁰ al- Rāzī (2000), *op. cit.*, h.66.

Hamka berpendapat, pemimpin kasar dan keras hati atau kaku sikapnya, akan seganlah orang menghampiri. Orang akan menjauhinya seorang demi seorang sehingga dia akan bersendirian. Sekiranya orang sekeliling telah lari, janganlah orang itu disalahkan, sebaliknya hendaklah diselidik kelemahan pada diri pemimpin itu sendiri. Seorang pemimpin tidak salah jika hendak bertegas mempertahankan pendirian, sebagaimana yang telah dilakukan Rasulullah s.a.w. setelah menandatangani Perjanjian Hudaibiyah. Dengan keras dan tegas, baginda s.a.w. memerintahkan Ali menulis apa yang baginda katakan. Begitu juga, baginda s.a.w. dengan tegas memerintahkan umat baginda mencukur rambut, membayar dan menanggalkan pakaian ihram kerana tidak jadi menunaikan haji pada tahun tersebut. Maka sikap tegas dalam saat demikian, jauh bezanya dengan lemah-lembut baginda s.a.w. terhadap beberapa orang yang bersalah di Perang Uhud.³³¹

Pada Perang Uhud, Nabi s.a.w. mendidik mereka yang tidak faham dari kalangan umat baginda dan belum berpengalaman supaya lebih mengerti dan kejadian demikian tidak berulang lagi sekali. Sementara sikap tegas Rasulullah s.a.w. di Hudaibiyah adalah sikap memimpin yang bertanggungjawab sepenuhnya. Maka kepada orang-orang yang kecewa seperti Umar al-Khatab dan Ali bin Abi Talib *radiallahu anhuma* yang kecewa disebabkan dorongan perasaan tidak dapat mengerjakan haji pada tahun tersebut, baginda s.a.w. wajib menunjukkan sikap tegas. Kemudiannya, belum sampai beberapa bulan, Umar r.a. sendiri datang meminta maaf kepada Rasulullah s.a.w. kerana telah melihat bagaimana bijaksananya baginda s.a.w. dan berpandangan jauh. Ini kerana orang

³³¹ Hamka(1984), *op. cit.*, h. 148.

Musyrikin sendiri yang mula-mula meminta agar satu fasal dari perjanjian itu ditiadakan saja, iaitu memulangkan kembali pemuda Mekah yang menggabungkan diri ke Madinah. Justeru, pihak yang menanggung kerugian bukan orang Islam tetapi adalah orang Quraisy sendiri.³³²

Dapat dirumuskan di sini bahawa sikap kasar dalam menjalankan dakwah bakal membawa banyak kesan buruk dan ia mampu menggagalkan matlamat dakwah.

4.3 Pendekatan Kemaafan

Pendekatan dakwah ketiga yang dapat difahami daripada ayat 159 Āli ‘Imrān ialah maafkan kesalahan *mad’ū* dan minta ampun bagi kesalahan mereka. Firman Allah Ta’āla

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ

Sūrah Āli ‘Imrān (3) :159

Maksudnya : *Dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.*

Ahmad Sonhadji mentafsirkan ayat di atas dengan : “Oleh sebab itu maafkanlah kesalahan mereka dan minta ampunkanlah dosa mereka.” Iaitu kesalahan-kesalahan mereka yang lalu dalam Perang Uhud- yang ada hubungan dengan Nabi s.a.w. – maafkanlah dan yang ada hubungan dengan Allah Ta’āla minta ampunkanlah kepada Allah dosa mereka.

³³² *Ibid.*

Tafsir Abū Hayyān **فاعف عنهم** iaitu maafkanlah mereka atas kesalahan mereka ketika mereka melarikan diri dan **واستغفر لهم** : dan mintalah keampunan daripada Allah bagi pihak mereka.³³³ Berkata pula al-Ālūsī dalam mentafsirkan frasa ayat di atas: **فاعف عنهم** : Jika adalah keadaannya sedemikian (mereka akan lari sekiranya engkau wahai Muhammad bersikap kasar dengan mereka), maka maafkanlah kesilapan mereka yang berkaitan dengan hak engkau, **واستغفر لهم** dan mintalah keampunan daripada Allah Ta'āla bagi pihak mereka yang bersangkutan dengan hak-hak Allah, sebagai tanda belas kasihan dan kasih sayang.³³⁴

Al-Samarqandi pula mengutarakan pandangannya berkenaan ayat di atas: maka lupakanlah kesilapan mereka dan janganlah dihukum mereka atas dosa-dosa dan kelemahan mereka itu, dan mintalah ampun kepada Allah bagi mereka di atas dosa-dosa itu.³³⁵ Sementara Hamka mentafsirkan; maka maafkanlah mereka dan pohonkan ampun untuk mereka. Mereka itu memang telah telah bersalah, kerana menyalah-nyalakan perintah yang diberikan oleh Nabi s.a.w. kepada mereka, sebab mereka telah bersalah kepada Nabi s.a.w. sebagai pemimpin, hendaklah Nabi s.a.w. yang berjiwa besar itu memberi maaf. Dalam pada itu mereka dengan pelanggaran itu telah berdosa kepada Allah Ta'āla. Oleh sebab itu, engkau sendirilah wahai utusanKu yang seharusnya memohonkan ampun Tuhan untuk

³³³ Abū Hayyān (1987), *op. cit.*, h. 395.

³³⁴ al- Ālūsī (2001), *op. cit.*, h. 433.

³³⁵ al-Samarqandi(1993), *op. cit.*, h. 311.

mereka, nescaya Tuhan akan memberi ampun, sebab dosa mereka sangkut-bersangkut dengan dirimu.³³⁶

Manakala pendapat Al-Rāzī pada **فاعف عنهم** ialah : bahawa sesungguhnya kesempurnaan keadaan seseorang hamba itu ialah bila ia berakhlak dengan sifat Allah Ta'āla. Kemudian setelah Allah Ta'āla mengampunkan dosa mereka pada ayat-ayat terdahulu, maka di sini Allah memerintahkan agar NabiNya s.a.w. juga memaafkan kesalahan umat baginda s.a.w. untuk mencapai kelebihan mengamalkan sifat Allah Ta'āla. Di samping itu, perintah di sini adalah perintah wajib di mana huruf **ف** dalam firmanNya **فاعف عنهم** adalah menunjukkan pemberi akibat. Ini menunjukkan bahawa Allah Ta'āla telah mewajibkan keatas Rasulullah s.a.w. memaafkan dosa umat baginda. Di samping itu juga, perkara ini adalah bukti kesempurnaan rahmat Ilahi bilamana Dia mengampunkan dosa mereka, kemudian mewajibkan pula keatas RasulNya berbuat sedemikian juga. Maka firmanNya dalam **فاعف عنهم** perintah wajib ke atas Nabi Muhamamad ns.a.w., tetapi pada umat baginda pula adalah menjadi perkara yang diberi pahala sunat.³³⁷ Firman Allah Ta'āla

وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ

Sūrah Āli 'Imrān (3) :134

Maksudnya : *Dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang.*

³³⁶ Hamka(1984), *op. cit.*, h. 148.

³³⁷ al- Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 67.

Berdasarkan ayat tersebut di atas, dapat difahami bahawa perkara-perkara baik bagi orang-orang berbuat baik adalah baharu merupakan perkara buruk bagi orang-orang yang dekat kepadaNya.

Pada **وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ** berkata Al-Rāzī, ayat ini merupakan bukti yang kuat bahawa Allah Ta'āla telah mengampunkan orang-orang yang berdosa besar. Ini adalah kerana kekalahan mereka sewaktu perang adalah suatu perang adalah satu dosa besar sebagaimana firman Allah Ta'āla:

وَمَنْ يُؤَلِّمْ يَوْمَئِذٍ دُبرَةً

Sūrah al-Anfāl(8) :16

Maksudnya :*Dan sesiapa berpaling undur dari menentang mereka pada ketika itu.*

dan firmanNya:

فَقَدْ بَاءَ بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ

Sūrah al-Anfāl(8) :16

Maksudnya : *Maka Sesungguhnya ia tetaplah mendapat kemurkaan dari Allah.*

Maka tetaplah bahawa kekalahan mereka pada Perang Uhud adalah satu dosa besar. Kemudian Allah Ta'āla menyebut bahawa Dia telah mengampunkan mereka, dan memerintahkan NabiNya supaya memaafkan kesalahan mereka serta meminta ampun bagi pihak mereka. Dalam ayat 159 Sūrah Āli 'Imrān, Allah Ta'āla meminta Rasulullah s.a.w. meminta keampunan dan tidak sepatutnya tidak

melaksanakan perintah itu kerana itu tidak sesuai dengan kemuliaanNya. Ayat ini menunjukkan bahawa Allah Ta'āla telah memberi peluang kepada Nabi s.a.w. untuk memberi syafaat kepada umat baginda di dunia, dan syafaat baginda s.a.w. di akhirat lebih utama.³³⁸

Sesungguhnya sifat pemaaf adalah amat penting untuk menjamin kejayaan dakwah. Ini adalah kerana pemaaf adalah merupakan langkah pertama yang membuka seribu jalan perdamaian. Dengan pintu kemaafan juga, Rasulullah s.a.w. membuka Mekah al-Mukarramah dan mengukir sejarah gilang-gemilang di tanah kelahiran baginda itu. Rasulullah s.a.w. juga mengamalkan sikap ini walaupun berhadapan musuh baginda dan juga orang bukan Islam sebagaimana yang tercatat dalam kitab-kitab hadith, di mana baginda begitu baik sekali melayan tetangga yang berbangsa Yahudi yang sering menyakiti hati baginda sehingga membawa wanita itu memeluk Islam.

4.4 Pendekatan Bermesyuarat Dan Berdiskusi

³³⁸ *Ibid.*

Pendekatan keempat daripada ayat 159 ini ialah mesyuarat. Firman Allah Ta'āla:

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

Sūrah Āli 'Imrān (3) :159

Maksudnya : *Dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu.*

Berkata Ahmad Sonhadji dalam tafsirnya : Berilah peluang kepada mereka mengeluarkan pendapat dan mengemukakan syor supaya dapat engkau (Muhammad s.a.w.) maklumi.³³⁹ Abū Hayyān pula mentafsirkan, maka hendaklah mereka memberi pengesyoran pada kamu. Berkata Ibn 'Atiyyah : Mesyuarat merupakan salah satu kaedah syariah dan keazaman hukum hakam. Maka sesiapa yang tidak bermesyuarat dengan ahli ilmu, maka adalah wajib menjauhinya.³⁴⁰

Sesudah Allah Ta'āla memuji sikap lemah-lembut Rasulullah s.a.w. dan menerangkan bahawa bencana akan menimpa sekiranya baginda bersikap kasar dan keras hati, maka kemudiannya Allah Ta'āla memberi tuntunan lagi kepada RasulNya, supaya umat yang berada di sekeliling baginda itu selalu diajak bermesyuarat dalam menghadapi soal-soal bersama.

Al-Samarqandi turut mentafsirkan dalam kitabnya: Apabila kamu (wahai Muhammad) ingin melakukan sesuatu pekerjaan, maka lakukanlah ia setelah

³³⁹ Ahmad Sonhadji(1989), *op. cit.*, h. 122.

³⁴⁰ Abū Hayyān (1989), *op. cit.*, h. 396.

meminta pendapat dan syor orang sekeliling kamu (iaitu buah fikiran dan idea mereka). Ada pandangan yang mengatakan pendapat mereka berkenaan peperangan. Sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w. adalah seorang yang paling bijaksana dan mempunyai buah fikiran, tetapi baginda s.a.w. diperintahkan agar melakukan mesyuarat supaya mereka yang selepas baginda s.a.w. akan mencontohi perbuatan ini dan dalam bermesyuarat itu, ada tanda kasih sayang kepada para sahabat r.anhum. Ini adalah kerana apabila diminta pandangan atau syor mereka, akan menjadikan hati mereka lembut dan terbit perasaan kasih sayang.³⁴¹

Ahmad Sonhadji menjelaskan lagi bahawa dalam perintah tersebut, Allah Ta'āla menyuruh RasulNya, Muhammad s.a.w., agar mengajak sahabat-sahabat baginda r.anhum bermesyuarat dengan bertukar-tukar fikiran walaupun Rasulullah s.a.w. sendiri sudah cukup berpengalaman dan sempurna akal fikiran. Tidak digalakkan hanya mengambil pendapat atau suara seorang sahaja walaupun ia merupakan seorang ketua atau pemimpin, sedang suara ramai diabaikan dan diketepikan. Ini adalah kerana dalam banyak hal, jarang tersalah atau tersilap pendapat ramai dari pendapat seorang. Juga bahaya akan menimpa sesuatu umat akibat dari mengharapkan kepada pendapat seseorang, walau bijaksana orangnya. Ia lebih bahaya daripada apa yang disepakati oleh orang ramai.³⁴²

Para ulama telah sepakat mengatakan bahawa tiap-tiap perkara yang telah diwahyukan oleh Allah Ta'āla tidak dibenarkan bagi Rasulullah s.a.w. untuk

³⁴¹ al-Samarqandi(1993), *op. cit.*, h. 311.

³⁴² Ahmad Sonhadji(1989), *op. cit.*, h. 122.

dibincangkan bersama para sahabat baginda, kerana ianya merupakan suatu yang perintah dan seterusnya tidak boleh diminta pendapat orang ramai berkenaan dengannya.³⁴³ Manakala al-Ālūsī pula berpendapat hal berkenaan mesyuarat tersebut merujuk kepada perkara-perkara berkaitan perang atau pada perkara yang biasa dibincangkan secara kebiasaannya. Ini adalah juga pegangan jumhur ulama. Telah berbeza pendapat pula para ulama berkenaan mesyuarat baginda s.a.w. dengan para sahabat r.anhum dalam perkara agama yang tidak diturunkan wahyu berkenaannya. Mereka yang menolak ijtiḥad, maka mereka telah berpendapat bahawa tidak harus bermesyuarat padanya. Sementara mereka yang mengharuskan ijtiḥad pula, berpandangan harus diadakan. Pendapat kedua adalah lebih sahih.³⁴⁴ Manakala Abū Hayyān berpendapat perintah melakukan mesyuarat adalah wajib kerana ia merupakan perbuatan *amar* dalam Bahasa Arab yang menunjukkan wajib. Sebaliknya Imam Syafie pula berpandangan bahawa hukumnya adalah sunat.³⁴⁵

Kemudian, Al-Rāzī mengetengahkan pula pandangan al-Kalbi dan sekumpulan ulama yang berkata: Perkara ini (mesyuarat pada perkara yang tidak diturunkan wahyu), dikhaskan pada peperangan yang hujahnya ialah bahawa huruf *alif* dan *lam* pada lafaz **الأمر** menunjukkan perkara yang terdahulu, iaitu perang dan berjumpa musuh. Al-Habbab bin al-Mundhir telah mengesyorkan kepada Nabi s.a.w. semasa perang Badar tentang tempat yang ada sumber air, sementara Saad bin Mu’adh dan Saad bin ‘Ubadah pula memberi pendapat

³⁴³ *Ibid.*

³⁴⁴ al- Ālūsī (2001), *op. cit.*, h. 433

³⁴⁵ al- Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 69.

mereka sewaktu Perang Khandaq. Sebahagian daripada mereka pula berpandangan bahawa lafaz itu adalah umum, dan khusus darinya perkara yang diturunkan wahyu, dan dibuktikan dengan suruhan Allah Ta'āla kepada mereka yang mempunyai akal agar berfikir³⁴⁶ sebagaimana firmanNya:

فَاعْتَبِرُوا يٰٓأَوَّلِيَ الْبَصَرِ

Sūrah al-Hasyr(59):2

Maksudnya : *Maka insafilah dan ambilah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.*

Maka sesungguhnya Rasulullah s.a.w. merupakan orang yang paling berakal dan bijaksana. Ini menunjukkan bahawa baginda s.a.w. diperintahkan untuk melakukan ijtihad apabila tidak diturunkan sebarang wahyu. Ijtihad memerlukan penaaakulan dan pemerhatian yang teliti dan ini adalah disuruh dalam agama. Nabi Muhammad s.a.w. juga telah meminta pandangan para sahabat r.anhum tentang permasalahan tawanan perang Badar yang merupakan satu urusan agama.³⁴⁷

Kata Hamka dalam mentafsirkan ayat yang menyuruh Nabi s.a.w. melakukan mesyuarat: Masyarakat muslimin Madinah telah terbina dan Rasulullah s.a.w. telah menjadi pemimpin mereka. Undang-undang dasar yang diamalkan ialah wahyu Ilahi yang tidak dapat digugat oleh mana-mana undang-undang pun di dunia ini, tetapi pelaksanaannya adalah terserah kepada kebijaksanaan Rasulullah s.a.w. sebagai ketua mereka. Baginda s.a.w. telah

³⁴⁶ *Ibid.*

³⁴⁷ *Ibid.*

dengan tegas membahagikan urusan negara kepada dua; urusan agama dan urusan dunia. Perkara yang mengenai urusan agama seperti ibadat, syariat dan hukum dasar itu adalah daripada Allah Ta'āla. Nabi Muhammad s.a.w. memimpin dan semua wajib tunduk kepada pimpinan baginda s.a.w. Sementara urusan yang berkenaan dengan dunia pula, seperti perang dan damai, menjalankan ekonomi, ternak, bertani dan hubungan-hubungan biasa antara manusia (*human relation*), hendaklah dibuat keputusan melalui mesyuarat. Intipati mesyuarat ini haruslah berdasarkan pertimbangan *maslahat* (apa yang lebih baik untuk umum) dan *mafsadat* (apa yang membahayakan). Sebelum perintah kepada Nabi s.a.w. supaya melakukan mesyuarat ini, sebenarnya baginda s.a.w. telah berkali-kali melaksanakannya sebagai kebijaksanaan sendiri dalam menghadapi soal bersama.³⁴⁸

Ketika akan menghadapi peperangan Badar, baginda s.a.w. telah menjemput terdahulu orang Muhajirin untuk bermesyuarat. Setelah semuanya bermuafakat, Nabi s.a.w. bertemu pula kaum Ansar. Setelah kedua golongan sebulat kata, barulah Nabi s.a.w. meneruskan tindakan yang dirancang. Setelah sampai di medan perang, timbul pula suatu perkara yang memerlukan keputusan dibuat. Para sahabat r.anhum telah mengerti, bahawa dalam urusan yang mengenai agama semata-mata, mereka hendaklah tunduk patuh. Tetapi dalam hal ini yang mereka ragu, adakah itu termasuk wahyu atau termasuk selok-belok perang sahaja, lalu mereka bertanya kepada Nabi s.a.w. Demikianlah yang dilakukan oleh al-Habbab bin al-Mundhir ketika angkatan perang disuruh berhenti oleh Rasulullah s.a.w. di tempat yang jauh daripada air. Lalu dia bertanya, “Ya

³⁴⁸ Hamka(1984), *op. cit.*, h. 149

Rasulullah, tempat ini engkau pilih, apakah dia sebagai perintah Allah sehingga kami tidak boleh mendahuluinya atau ini hanya semata-mata pendapat sendiri dalam rangka peperangan?” Lalu Rasulullah s.a.w. menjawab : “Cuma pendapat sendiri, dalam rangka berperang.” Al-Habbab menyambut: “Kalau demikian, ya Rasulullah, tempat ini tidak sesuai. Marilah perintahkan semua orang, kita berpindah ke tempat yang berdekatan air, sebelum musuh itu datang, sehingga kitalah yang menentukan.” Jawab Rasulullah s.a.w., “Usulmu itu sangat tepat.” Lalu baginda s.a.w. memerintahkan agar segera askar muslimin mengausai tempat itu sebelum musuh mendudukinya. Inilah hasil mesyuarat dan hasil iman serta percaya kepada Rasul, bertanya terlebih dahulu adakah mereka berhak mencampuri komando mereka dalam saat sedemikian. Baginda s.a.w. terus menjawab bahawa hal itu adalah merupakan bukan wahyu, melainkan hasil pertimbangan buah fikiran baginda s.a.w. sendiri yang jika ternyata salah, boleh diganti dengan yang lain yang lebih baik.³⁴⁹

Antara faedah mesyuarat ialah sebagai satu ujian, maka dengan itu dapat dikenali mereka yang betul-betul ikhlas dan mereka yang hanya berpura-pura sahaja.³⁵⁰ Di samping itu, dengan bermesyuarat juga, menunjukkan bahawa dengan adanya Nabi s.a.w. bersama para sahabat r.anhum adalah salah satu cara ijtihad, maka baginda s.a.w. dapat melaksanakan apa yang dipersetujui secara bersama dalam mesyuarat dan diterima oleh akal baginda s.a.w. Ia juga merupakan petunjuk bagaimana menjalankan ijtihad bersama Rasulullah s.a.w. dan melambangkan ketinggian kedudukan para sahabat r.anhum dan mereka

³⁴⁹ Hamka(1984), *op. cit.*, h. 150.

³⁵⁰ al- Ālūsī 2001), *op. cit.*, h. 434. Lihat juga Ahmad Sonhadji(1989), *op. cit.*, h. 123.

semuanya adalah ahli ijtihad.³⁵¹ Mesyuarat juga bertujuan untuk melunakkan hati para sahabat r.anhum walaupun kadang-kadang Rasulullah s.a.w. tidak memerlukannya.³⁵²

Bahawa sesungguhnya akal manusia itu berlainan dan pendapat mereka juga turut berbeza. Dari mesyuarat, dapat membuahkan pendapat yang lebih berguna yang tidak dapat dihasilkan pada masa lain. Dalam mesyuarat juga, kebiasaannya setiap pendapat dan cadangan akan dibincangkan dari segala segi dan jurusannya yang kemudiannya barulah dipilih pendapat yang paling benar dan sesuai. Antara lain faedah dari melaksanakan perintah Allah Ta'āla ini, ialah dapat ditunjukkan persepakatan hati dari beberapa golongan dan pihak untuk melaksanakan suatu cita-cita.³⁵³

Al-Rāzī juga berpendapat mesyuarat Rasulullah s.a.w. bersama para sahabat r.anhum adalah sebagai contoh dan teladan bagi umat baginda s.a.w. agar dituruti dan diamalkan. Setelah Nabi s.a.w. meminta pendapat sahabat baginda s.a.w. sebelum Perang Uhud, suara majoriti adalah keluar dan berjuang menentang musuh, sedangkan baginda s.a.w. berpendapat lebih baik bagi mereka menunggu di dalam kota sahaja. Kemudian, berlakulah peristiwa Perang Uhud yang tercatat dalam sejarah Islam. Sekiranya Nabi s.a.w. meninggalkan amalan mesyuarat selepas peristiwa itu, maka ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. menyimpan perasaan yang tidak baik terhadap sahabat baginda r.anhum selepas melaksanakan pendirian mereka (keluar sewaktu Perang Uhud). Dengan itu,

³⁵¹ al- Rāzī (2000), *op. cit.*, . 68. Lihat juga Al- Ālūsī (2001), *op. cit.*, h. 434.

³⁵² al- Ālūsī (2001), *op. cit.*, h. 434.

³⁵³ Ahmad Sonhadji(1989), *op. cit.*, h. 124.

Allah Ta'āla telah memerintahkan NabiNya s.a.w. supaya tetap bermesyuarat dan bertanya pendapat para sahabat r. anhum. sebagai bukti bahawa hati Nabi s.a.w. tidak menyimpan sebarang perasaan kesan dari perang tersebut. Mesyuarat juga akan membuatkan para sahabat berusaha berfikir untuk mencari jalan terbaik bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan. Dengan itu, ruh-ruh mereka akan bersatu dan bersepakat dalam menghasilkan keputusan yang paling tepat. Ruh-ruh akan bekerjasama antara satu sama lain untuk mencapai satu matlamat yang unggul. Ini adalah salah satu rahsia dari sembahyang secara berjemaah. Seterusnya, bahawa Allah Ta'āla tidak membenarkan mesyuarat kecuali pada mereka yang dekat denganNya. Walaupun ada kalangan para sahabat r.anhum yang bersalah sewaktu Peang Uhud, namun Allah Ta'āla telah mengampunkan mereka dan menempatkan mereka pada kedudukan yang tinggi di sisiNya. Sebagai bukti, sebelum Perang Uhud, Allah Ta'āla belum mensyariatkan mesyuarat. Namun, selepas berlakunya peperangan ini, telah turun perintah Allah Ta'āla agar RasulNya bermesyuarat dengan para sahabat baginda r.anhum.³⁵⁴

Di samping itu, perbincangan dengan cara yang terbaik (*al-Mujadalah billati hiya ahsan*) juga harus dipraktikkan dalam bermesyuarat. Pendekatan ini mengambil sisi yang objektif dan rasional dalam mendepani para *mad'ū*. Biasanya metode ini sesuai untuk digunakan bagi mengajak para ilmuwan dan cendikiawan.

Terdapat banyak contoh dalam masyarakat di mana para pendakwah berdialog dengan ketua-ketua agama atau para rahib dari agama lain, contohnya

³⁵⁴ al- Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 68.

Kristian. Isi kandungan perbincangan mereka boleh kita hayati melalui tulisan yang dihasilkan berkenaan perbincangan tersebut.

Cara dakwah ini lebih sesuai bagi golongan yang hatinya dikongkong secara kuat oleh tradisi jahiliyyah yang dengan sombong dan angkuh melakukan kebatilan serta mengambil posisi sombong dalam menghadapi pendakwah. Bagi mereka keindahan balaghah al-Qur'ān dan nasihat yang baik tidak bererti apa-apa. Mereka harus dihadapkan dengan cara perdebatan yang baik dengan cara menegakkan hujah yang akan mematahkan kesombongan mereka, tetapi tetap menjaga sikap arif dan lembut kepada mereka. Cara seperti ini akan sangat kondusif kepada hati nurani mereka, sedangkan sikap keras dan sombong kepada mereka akan hanya membuat mereka menjadi semakin sombong.³⁵⁵

Diskusi dengan cara *ahsan* adalah dengan menyebut segi-segi persamaan antara pihak yang berdiskusi, kemudian dari situ dibahas masalah perbezaan kedua belah pihak sehingga diharapkan mencapai keputusan yang sama. Prinsip-prinsip metode ini ditujukan sebagai reaksi alternatif dalam menjawab tentangan tindakbalas negatif dari *mad'ū*, khususnya pada sasaran yang menolak, tidak peduli atau acuh tidak acuh bahkan melecehkan seruan dakwah. Metode alternatif ini mengajak dan menyedarkan para pendakwah untuk menghadapi berbagai realiti tentangan yang akan dihadapinya.³⁵⁶

³⁵⁵ H. Asep Muhiddin M.A.(2002), *op. cit.*, h.167.

³⁵⁶ *Ibid.*, h. 169.

Apabila pendakwah memilih metode ini, adab dan tatacara hendaklah yang paling sesuai dan baik berdasarkan tempat dan masa. Pemilihan adab dan tatacara yang paling sesuai dan terbaik akan menggambarkan kecerdikan seorang pendakwah itu dan akan membantu keberkesanan dakwahnya

Antara cara mendepani *mad'ū* dari kalangan mereka yang mendalami ilmu tentang agama mereka ialah dengan membentangkan ajaran Islam secara objektif. Kemudian sekiranya mereka mendakwa agama mereka juga mengajar perkara yang sama atau lebih baik lagi, maka minta mereka kemukakan bukti dan alasan yang kukuh menyokong dakwaan mereka itu.³⁵⁷

H. Asep Muhiddin mengutarakan beberapa prinsip dalam pelaksanaan metode ini:³⁵⁸

- a) Tidak merendah-rendahkan pihak lawan, apalagi menghina atau mengejek.
- b) Hendaklah dicipta suasana yang bukan hanya untuk mencari kemenangan melainkan mengarahkannya ke arah mencapai kebenaran.
- c) Tujuan diskusi hanyalah semata-mata menunjukkan kebenaran sesuai dengan nilai-nilai ajaran Islam.
- d) Sentiasa menghormati pihak lawan kerana jiwa manusia tetap memiliki harga diri. Ia tidak boleh merasa kalah dalam diskusi dan diusahakan agar ia tetap merasa dihargai dan dihormati.

³⁵⁷ Ali Hasjmy(1984), *Dustur Dakwah Mengikut al-Quran*. Jakarta: PT Bulan Bintang, h. 25.

³⁵⁸ H. Asep Muhiddin M.A.(2002), *op. cit.*, h.169.

Golongan ahli kitab merupakan mereka yang paling gemar berdiskusi dan bertanya kepada Nabi s.a.w. soalan-soalan yang bertujuan menghina Islam. Sesungguhnya mereka itu amat licik sebagaimana tersebut dalam ayat al-Qur'ān:

Firman Allah Ta'āla

وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَن كَانَ هُودًا أَوْ نَصْرَىٰ تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Sūrah al-Baqarah(2): 111

Maksudnya : *Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata pula: "Tidak sekali-kali akan masuk syurga melainkan orang-orang yang beragama Yahudi atau Nasrani". Yang demikian itu hanyalah angan-angan mereka sahaja. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Tunjukkanlah bukti kebenaranmu, jika betul kamu orang-orang yang benar.*

Persoalan yang dibincangkan dalam dialog itu kebiasaannya adalah berkisar tentang ilmu ketuhanan, feqah dan isu-isu semasa. Dengan itu, pendakwah mesti melengkapkan dirinya dengan ilmu dan bukti-bukti yang benar dan jelas sebagai satu persediaan menghadapi perbincangan atau dialog yang akan diadakan.

Para musuh Islam terutama dari kalangan Kristian dan Yahudi sentiasa bersiap siaga dalam menyebarkan dakyah mereka. Antara bentuk penyebaran yang mereka tumpukan ialah dalam mengadakan dialog dengan pendakwah Islam. Justeru, setiap pendakwah haruslah bersiap sedia dari segi mental dan fizikal dalam menghadapinya.

Dapat disimpulkan di sini bahawa sekiranya seseorang pemimpin itu menghadapi masalah untuk menyelesaikan sesuatu isu, maka pada waktu itu jalan terbaik adalah bertanya kepada mereka yang berilmu dan juga berbincang mengikut lunas-lunas agama. Perlu dielakkan daripada pemimpin menggunakan kuasa veto untuk menentukan sesuatu keputusan tanpa mengambil kira pendapat dan idea orang bawahan.

4.5 Pendekatan Bertawakkal Kepada Allah

Pendekatan kelima yang dapat diamalkan daripada ayat ini ialah bertawakkal kepada Allah Ta'āla sebagaimana firmanNya

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ

Sūrah Āli 'Imrān (3) :159

Maksudnya Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu), maka bertawakallah kepada Allah.

Menurut al-Samarqandi, maksud ayat di atas ialah, jangan berserah diri kepada mesyuarat, tetapi berserah diri dan bertawakallah kepada Allah Ta'āla

selepas melaksanakan mesyuarat.³⁵⁹ Abū Hayyān pula menyebut dalam tafsirnya : Apabila telah engkau beroleh tekad dalam hati atas sesuatu perkara selepas bermesyuarat, maka kembalikanlah urusan kepada Allah Ta'āla kerana Dia Maha Mengetahui tentang kebaikan untuk engkau dan apa yang terbaik untuk dirimu.³⁶⁰

Al-Rāzī mentafsirkan dengan : Apabila telah berjaya mencapai satu keputusan yang muktamad hasil daripada mesyuarat yang dilakukan, maka tidak wajib bergantung kepadanya semata-mata. Bahkan hendaklah berpegang terus kepada Allah Ta'āla di atas pertolonganNya dan kebesaranNya. Maksudnya adalah tidak patut seorang hamba itu mengharapkan kepada sesuatu kecuali Allah Ta'āla dalam semua keadaan.³⁶¹ Manakala Ibn Kathīr pula mentafsirkan: Apabila telah engkau (wahai Muhammad) bermesyuarat dengan mereka di dalam sesuatu perkara dan engkau telah memperolehi keazaman dalam melakukannya, maka hendaklah engkau berserah diri kepada Allah.³⁶²

Kata Ahmad Sonhadji : Jika keputusan telah dibuat di dalam hati untuk melakukan sesuatu rancangan atau kerja berdasarkan kata putus yang dibuat dalam sesuatu persidangan atau mesyuarat, maka tawakkallah kepada Allah Ta'āla, berserah dirilah kepadaNya iaitu selepas bersiap sedia dengan semua

³⁵⁹ al-Samarqandī(1993), *op. cit.*, h. 311.

³⁶⁰ Abū Hayyān (1987), *op. cit.*, h. 396.

³⁶¹ al-Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 69.

³⁶² Ibn Kathīr (t.t.), *op. cit.*, h. 332.

persediaan dan keperluan yang diperlukan untuk mencapai apa yang dicitakan itu. Janganlah berserah hanya bersandar dengan kekuatan sendiri sahaja dengan tidak pula mengharapkan bantuan dan pertolongan Allah Ta'āla kerana kalau sekiranya gagal, nescaya akan timbul penyesalan yang tidak terhitung kerana telah kehilangan pendirian. Allah Ta'āla menyeru supaya meminta tolong kepadaNya dan bersandar kepadaNya sahaja- tidak kepada yang lain- kerana Allah telah menyatakan pada akhir ayat ini

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Sūrah Āli 'Imrān (3) :159

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepadaNya.*

Sementara al-Ālūsī turut menyatakan pandangannya dalam mentafsirkan ayat yang tersebut di atas: Apabila engkau telah memperoleh hati yang bulat dalam melakukan sesuatu perbuatan dan berkeputusan untuk meneruskannya setelah bermesyuarat sebagaimana yang dibenarkan, maka bergantung teguhlah kepadaNya dan serahkanlah urusanmu kepada Allah Ta'āla kerana Dialah yang paling mengetahui segala kebaikan bagimu. Tawakkal pada asalnya, ialah menzahirkan kelemahan dan pergantungan ke atas yang lain dan mencukupkan segala yang diperlukan untuk mencapainya. Maka tawakkal kepada Allah Ta'āla tidak menafikan wajib melakukan perkara-perkara penyebab berlakunya sesuatu

itu, bahkan hendaklah disediakan apa yang sepatutnya dilaksanakan di samping menyerahkan diri kepadaNya.³⁶³

Dalam tafsirnya Hamka menyebut : Sebelum ini, Allah memerintahkan NabiNya supaya mengajak mereka yang berada pada zaman baginda untuk bermesyuarat. Di sini jelas bahawa baginda s.a.w. adalah pemimpin, kepada Nabi s.a.w. datang perintah iaitu mengadakan mesyuarat. Setelah semua pertimbangan baginda s.a.w. dengar dan segala pertukaran fikiran tentang kemudaran dan manfaat telah selesai, nescaya Rasulullah s.a.w. sudah mempunyai pertimbangan dan penilaian. Setelah itu barulah Nabi s.a.w. mengambil keputusan. Suasana yang demikianlah yang di dalam Bahasa Arab dan di dalam ayat ini dinamakan azam; yang kita maksudkan bulat hati, sama ada ya atau tidak. Ini kerana keputusan terakhir itulah yang menentukan dan itulah tanggungjawab seorang pemimpin. Pemimpin yang ragu-ragu mengambil keputusan adalah pemimpin yang gagal. Di sinilah Rasulullah s.a.w. diberi pimpinan, bahawa jika sekiranya hati telah bulat, keazaman telah padat, maka hendaklah diambil keputusan dan bertawakkallah kepada Allah Ta'āla. Tidak boleh ada sebarang perasaan ragu, tidak boleh bimbang dan hendaklah sanggup menanggung segala risiko. Di samping itu, untuk lebih menguatkan hati yang telah berazam itu hendaklah bertawakkal kepada Allah Ta'āla. Maksudnya, bahawa perhitungan kita sebagai manusia sudah cukup dan kita pun percaya bahawa di atas kekuatan dan ilmu manusia itu ada lagi kekuasaan tertinggi lagi mutlak dari Tuhan. Dialah yang sebenarnya menentukan segalanya. Pada saat demikian pemimpin memutuskan, ahli mesyuarat semuanya hendaklah patuh dan tunduk. Ayat ini diamalkan oleh

³⁶³ al- Ālūsī (2001), *op. cit.*, h.435.

Rasulullah s.a.w. sebelum ia diturunkan lagi, iaitu dalam peristiwa Perang Uhud. Inisiatif segala kekalahan dan kemenangan berikutan daripada keputusan mesyuarat semuanya adalah dalam rangka selalu tawakkal kepada Allah, setelah timbul tekad dalam hati dan keputusan pun telah diambil. Apabila langkah telah diambil, maka pantang bagi seorang pemimpin itu berserah kalah. Semua hal telah diperhitungkan, tetapi dengan tawakkal harus selalu diingat, bahawa ada hal-hal yang di luar perhitungan makhluk. Maka orang-orang yang tetap bertawakkal kepada Allah s.w.t. itu akan selalu dikasihi Tuhan. Iaitu dia tidak akan merasa kehilangan akal, jika ada sesuatu yang mengecewakan dan sekali-kali tidak pula dia akan bersombong diri ketika apa yang direncanakan itu sesuai dengan taufik Allah Ta'āla. Maka dengan sebab tawakkal pula, maka hati akan selalu terbuka untuk memperbaiki mana yang kurang, menyempurnakan mana yang belum sempurna untuk zaman yang akan datang. Di dalam susunan pengajian Ilmu Tasawuf, tawakkal itu selalu mesti diiringi dengan syukur dan sabar. Syukur, jika apa yang dikehendaki tercapai, sabar jika hasil yang didapati masih mengecewakan dan ikhlas menyerahkan diri kepada Allah sehingga hidayahNya selalu datang dan kita tidak kehilangan akal.³⁶⁴

Sebagai rumusannya, walaupun umat Islam dianjurkan agar bermesyuarat, tapi kita hendaklah menyerahkan keputusan terakhir kepada Allah Ta'āla kerana Dia adalah Penentu segalanya dan Maha Mengetahui. Kelima-lima pendekatan berdakwah ini amat sesuai untuk diamalkan pada masa kini, kerana Nabi Muhammad s.a.w. telah membuktikan kejayaan baginda berdakwah selama 23 tahun dengan menggunakan pendekatan tersebut. Kesemua pendekatan dakwah

³⁶⁴ Hamka(1984), *op. cit.*, h. 155.

yang dilaksanakan baginda s.a.w. amat memikat hati para pemeluk agama Islam yang baru, sehinggakan musuh Islam sendiri tertarik hati untuk mengenali dan belajar tentang Islam dengan lebih dekat lagi.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN SARANAN

5.1 Penutup

Kajian ini merupakan perbincangan mengenai peranan yang dimainkan oleh wanita muslimah dalam dakwah. Apabila disebut dakwah, ia bukan terhad kepada bidang agama semata-mata. Malah dakwah merangkumi semua aspek kehidupan, baik sosial, ekonomi, politik dan budaya. Dakwah ialah usaha membawa orang lain kepada agama Islam dan mengikut petunjuk-petunjuk yang diberikan oleh Allah s.w.t. serta memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berdasarkan akidah Islam. Hasil daripada kajian penyelidikan dan penelitian fakta-fakta yang berkaitan dengan tajuk disertasi, satu rumusan dan kesimpulan dapat dibuat terhadap peranan yang harus dimainkan oleh pendakwah wanita dalam bidang dakwah yang merangkumi semua aspek kehidupan.

5.2 Rumusan

Perbahasan dimulai dengan membincangkan persoalan dakwah dalam al-Qur'ān dengan memberi takrif dan pendapat ulama. Seterusnya, dikupas berkenaan peranan wanita dalam dakwah disorot daripada beberapa ayat al-Qur'ān. Wanita mempunyai peranan yang besar dalam masyarakat di mana kaum wanita adalah pembantu atau penolong bagi kaum lelaki dalam semua aspek, sama ada di dalam keluarga atau di dalam komuniti masyarakat.

Peranan wanita yang utama seterusnya ialah sebagai pentadbir rumahtangga suaminya, isteri dan ibu kepada anak-anak yang akan menjadi pemimpin di masa hadapan. Sewajarnya, sebagai seorang isteri dan ibu, seorang wanita itu mengambil berat tentang keperluan suami dan juga anak-anak. Mereka hendaklah berusaha menjadi isteri dan ibu yang baik dengan sentiasa menjadikan redha Allah s.w.t. sebagai matlamat dalam kehidupan. Muslimah juga harus menjaga hubungannya dengan ibubapa dan saudara mereka. Tanggungjawab menyampaikan dakwah membetulkan kesalahan mereka tetap dituntut. Bidang pendidikan adalah satu bidang yang sesuai dengan jiwa dan tabiat semulajadi seorang wanita yang lemah-lembut, penyayang dan penyabar. Sebagai seorang guru, wanita mampu menjalankan tugasnya dengan berkesan berbekalkan sifat-sifat khusus yang dikurniakan Allah berbeza dengan fitrah kejadian kaum Adam. Matlamat seorang guru, penggubal dasar dan kurikulum di semua peringkat dan pentadbir di institusi pendidikan haruslah menjadikan perkara-perkara makruf sebagai satu budaya di dalam ruang lingkup masing-masing dan berusaha menjadikan Islam sebagai satu syiar dalam segenap aspek serta mengaplikasikan nilai-nilai Islam merentas kurikulum.

Setelah mendapat keizinan daripada suaminya dan memenuhi syarat yang ditetapkan di sisi hukum Islam, seorang muslimah itu dibenarkan bekerja dan harus bagi mereka berbuat demikian terutama dalam keadaan tertentu yang memaksa mereka seperti di masa ketiadaan orang lelaki yang boleh membeli keperluan harian mereka atau seumpamanya. Apabila berada di luar rumah, apa yang perlu mereka perhatikan ialah memastikan aurat ditutup dengan sempurna, menjaga batas-batas pergaulan dan menjauhi tempat-tempat yang boleh

mendatangkan fitnah. Mereka harus menjadikan dakwah ke arah Islam dan meninggikan syiarNya sebagai matlamat utama dalam kerjaya masing-masing.

Seterusnya pada bab ketiga pula disentuh tentang pengenalan surah Āli ‘Imrān, isu utama dalam surah tersebut dan keistimewaannya berbanding dengan surah lain. Sementara pokok perbincangan dalam disertasi ini ialah berkenaan peranan yang harus dimainkan oleh wanita muslimah menurut surah Āli ‘Imrān. Peranan yang paling utama dan asas ialah berseru ke arah Islam dan kebaikan, mengajak kepada perkara-perkara makruf dan mencegah perkara-perkara mungkar. Dalam keadaan tertentu, wanita muslimah dibenarkan keluar bekerja di luar rumah. Namun, mereka harus memberi perhatian kepada beberapa syarat sebelum keluar bergelanggang di tengah masyarakat. Antara syarat tersebut ialah semua urusan di rumah berkaitan suami dan anak-anak sudah diselesaikan, mendapat keizinan daripada suami atau ibubapa bagi mereka yang belum berkahwin, menjaga aurat dan mengelakkan pergaulan bebas antara lelaki dan wanita serta memastikan pekerjaan yang dilakukan bersesuaian dengan fitrah kejadiannya serta tidak mengundang fitnah dan perkara-perkara tidak baik.

Peranan kedua yang tidak kurang pentingnya ialah menyumbang tenaga dan khidmat dalam organisasi dakwah sama ada sektor kerajaan atau persendirian. Memandangkan pendakwah wanita adalah mereka yang paling sesuai memberi tunjuk ajar dan membimbing kaum wanita dalam masyarakat dan golongan mereka membentuk komposisi yang besar dalam masyarakat, maka keperluan kepada pendakwah wanita wujud. Di samping itu, hukum berdakwah menetapkan setiap individu muslim wajib menjalankan usaha dakwah berasaskan kemampuan inidividu serta ilmu pada mereka, dan harus juga ada satu kumpulan yang secara

khusus menjalankan usaha dakwah ke jalan Allah. Dalam kumpulan ini, peranan pendakwah wanita amat diperlukan lebih-lebih lagi untuk menguruskan hal-hal yang menyangkut secara langsung dengan wanita. Bagi wanita yang mempunyai ilmu terutama ilmu agama, penglibatan mereka dalam berdakwah dalam kumpulan ini sangat bernilai kepada *survival* agama Islam itu sendiri dan dapat memberi sumbangan yang besar kepada komuniti Islam.

Pembelajaran dan penerokaan ilmu amat penting kepada para pendakwah wanita terutama kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam organisasi dakwah. Mereka hendaklah menjadikan budaya ini sebagai satu usaha seumur hidup kerana ilmu tidak pernah berkurang. Selain nilai-nilai murni, yang perlu ada dalam diri pendakwah wanita adalah ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi menjamin kelicinan pengurusan dakwah dan pemantapan strategi serta pendekatan yang digunakan. Dalam usaha berdakwah terhadap golongan wanita, pendakwah haruslah mengambil pendekatan lemah-lembut dan tidak memaksa mereka menjalankan tanggungjawab sebagai seorang muslimah secara drastik. Sebaliknya dalam mendepani golongan ini, pendakwah sewajarnya lebih banyak bersabar dan terus mengajak mereka tanpa jemu serta tidak cepat putus asa jika mereka menolak apabila diajak pada kali pertama.

Satu perkara yang tidak harus dikesampingkan ialah adalah menjadi peranan dan tanggungjawab pendakwah wanita ini untuk mengambil bahagian yang aktif dalam menyelesaikan masalah kaum mereka sendiri dan tidak hanya menyerahkan urusan itu untuk diselesaikan oleh pendakwah dari kalangan lelaki sebegitu sahaja. Mereka hendaklah mengambil peluang untuk tampil ke hadapan dan menggunakan potensi yang ada pada mereka untuk menuntut ilmu dan

menjalankan usaha dakwah. Ini adalah kerana kaum wanita akan matang dengan banyaknya pengalaman dan perjuangan, kerana mereka belajar dari medan kehidupan serta belajar dari banyak hal yang salah mahupun yang benar untuk dijadikan pengalaman hidup.

Di samping itu, satu hal yang harus ditekankan dalam organisasi dakwah ialah pendakwah-pendakwah wanita ini yang berasal dari pelbagai organisasi dakwah sama ada sektor kerajaan atau swasta, haruslah cuba sedaya-upaya berusaha untuk mewujudkan solidariti di antara satu organisasi dengan organisasi lain. Prinsip solidariti haruslah berteraskan agama Islam semata-mata kerana mencari keredhaanNya dan kepentingan umat. Diharapkan dengan itu, persepsi negatif yang dilemparkan oleh anggota masyarakat terhadap anggota sesebuah organisasi dakwah terutama pendakwah wanita dapat diminimumkan dan selanjutnya persepakatan akan dicapai bersama setiap anggota masyarakat.

Hukum dakwah adalah fardhu ain ke atas setiap muslim berdasarkan ilmu yang ada pada dirinya. Di samping itu, hendaklah ada sebuah kumpulan yang mengkhusus dalam menjalankan usaha dakwah agar kegiatan dakwah berjalan dengan lebih efektif. Syarat-syarat yang harus dipenuhi sebagai seorang pendakwah ialah hendaklah pendakwah itu mengikhlaskan niatnya dalam menjalankan tugas berdakwah. Di samping itu pendakwah juga harus sentiasa memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu; sama ada ilmu agama atau ilmu yang dapat membantu dalam penyampaian syarahan yang baik. Pendakwah juga harus menjauhi sikap *ananiyah* iaitu mengutamakan kepentingan diri mengatasi kepentingan agama. Sementara itu, satu sikap yang amat penting bagi seseorang pendakwah bagi menjamin kelangsungan dakwah dan keberkesanannya ialah

membebaskan diri daripada terikat dengan manusia. Seorang pendakwah harus mengelakkan diri daripada terhutang budi kepada sasaran dakwahnya dan seharusnya tidak menjadikan medan dakwah sebagai sumber kekayaannya.

Manakala bagi pendakwah wanita pula, syarat paling penting ialah mendapat keizinan daripada walinya. Keizinan wali adalah penting kerana wali merupakan orang yang bertanggungjawab ke atas keselamatan seseorang wanita itu. Syarat lain yang tidak kurang pentingnya ialah pendakwah hendaklah memastikan tidak berlaku sebarang pergaulan bebas antara lelaki dan wanita di persekitaran dakwah. Syarat ini harus dipenuhi kerana keadaan pergaulan yang tidak dikawal antara lelaki dan wanita akan mengganggu usaha dakwah yang dilakukan.

Pendakwah juga harus menjadikan sifat *mahmūdah* sebagai pakaian dirinya. Sifat ikhlas, cinta Allah s.w.t., bijak merancang, menguasai ilmu psikologi manusia, pemurah dan lain-lain lagi amat penting untuk memastikan dakwah akan berjaya mencapai sasarannya.

Peranan kaum wanita yang signifikan selanjutnya ialah menyemai nilai keikhlasan dan kejujuran dalam diri setiap individu muslim. Niat yang ikhlas penting dalam sesuatu perbuatan kerana ia akan menentukan sama ada perbuatan itu diterima atau sebaliknya. Golongan munafik tidak mempunyai sifat-sifat ini lantaran mereka menyembunyikan kekafiran mereka dan menyatakan keimanan. Sesungguhnya sifat ini amat dicela oleh Allah s.w.t.

Di sini, peranan wanita amat besar dalam membasmi bibit-bibit munafik dari wujud dalam masyarakat. Wanita sebagai ibu, guru dan walau apapun jawatan profesionalnya harus mengambil langkah pro-aktif dengan mendidik masyarakat agar terbina sebuah masyarakat yang menjadikan sifat ikhlas dan jujur sebagai pakaian mereka. Wanita dengan posisinya yang penting dalam keluarga dan pendidikan mampu merealisasikan harapan ini dengan bantuan dari semua pihak.

Manakala bab keempat pula membahaskan tentang pendekatan dakwah yang dianjurkan dalam surah Āli ‘Imrān iaitu ayat 159. Pendekatan pertama ialah berlemah lembut dan menghindari dari sikap kasar. Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan contoh tauladan yang cukup baik bagaimana baginda bersikap lembut dan lunak kepada para sahabat yang terlibat dalam Perang Uhud. Sekiranya Nabi s.a.w. bersikap keras terhadap mereka, matlamat dakwah kepada mereka mungkin tidak akan tercapai. Mengikut pendapat ulama tafsir, sikap lemah lembut baginda adalah merupakan rahmat Allah s.w.t. kepada baginda agar usaha dakwah baginda berjalan lancar.

Pendekatan kedua sebagaimana dalam ayat tersebut ialah memberi kemaafan. Selepas apa yang berlaku di waktu Perang Uhud, Nabi s.a.w. tetap masih lagi memberi kemaafan kepada sahabat baginda r.anhum walaupun mereka itu telah melakukan satu kesalahan yang besar. Allah s.w.t. membimbing baginda agar tidak mengenepikan para sahabat yang berjihad dalam Perang Uhud, sebaliknya tetap menerima dengan tangan terbuka. Seterusnya, pendekatan ketiga iaitu pendekatan bermesyuarat dan berdiskusi. Allah s.w.t. telah memberi petunjuk kepada NabiNya agar sentiasa berpegang kepada keputusan yang dibuat

melalui perbincangan dan mesyuarat. Adalah suatu yang amat bahaya sekiranya berpegang kepada pendapat seorang sahaja, walaupun dia adalah dari kalangan orang yang bijak pandai. Pendekatan keempat ialah bertawakkal kepada Allah s.w.t. Allah Ta'āla membimbing Nabi s.a.w. supaya redha dan sentiasa berserah diri kepadaNya setelah mendapat keputusan hasil perbincangan. Setelah mendapat kata sepakat dan timbul keazaman dalam hati, satu tindakan harus diambil mengikut keputusan bersama. Baik buruk keputusan daripada pendapat ramai itu hendaklah diserahkan kepadaNya semata-mata kerana Dia Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

5.3 Saranan dan Cadangan

5.3.1 Saranan kepada Kerajaan

1. Jabatan-jabatan Agama di seluruh negara mengalami masalah kekurangan tenaga dari kalangan pendakwah wanita. Di beberapa jabatan, seorang pegawai wanita terpaksa menjalankan banyak tugas yang sepatutnya dilaksanakan dalam kumpulan yang ramai. Langkah ini akan menjadi serampang dua mata, di mana ia bukan sahaja akan melicinkan pengurusan Jabatan Agama, tapi dalam masa yang sama ramai siswazah bidang agama yang menganggur mendapat pekerjaan.
2. Memberi sedikit insentif dan imbuhan kepada para pendakwah wanita yang sanggup bertugas di kawasan-kawasan pedalaman. Ini akan menggalakkan mereka bertugas di luar kawasan mereka, terutama di ceruk-ceruk kampung yang terpencil dan hutan yang mana di sana ada

terdapat petempatan. Ini adalah kerana apa yang sering berlaku sekarang, orang-orang asli yang diIslamkan kembali menjadi murtad kerana mereka tidak mendapat didikan sewajarnya dari pendakwah dan tidak mendapat tindakan susulan seterusnya.

3. Menyediakan satu tabung khas di hospital untuk membantu golongan yang tidak mampu dari segi kewangan dan anggota keluarga mereka yang sedang sakit. Jika dilihat golongan ini menjadi sasaran utama para pendakwah Kristian untuk dimurtadkan.
4. Memudahkan proses perpindahan para suami kepada pendakwah wanita yang terpaksa dipindahkan ke kawasan lain dan terpaksa berjauhan dengan keluarga mereka. Ini adalah kerana jika sentiasa berjauhan, ini akan menjejaskan prestasi kerja mereka kerana terpaksa berulang-alik seminggu sekali untuk pulang berjumpa keluarga.
5. Mengadakan satu jawatankuasa khas seperti mentor untuk memantau perkembangan mereka yang baru memeluk Islam. Kebiasaannya, mereka ini menghadapi cabaran yang besar dalam mempertahankan akidah mereka. Cabaran ini kadang-kala datang daripada keluarga mereka sendiri yang mana bagi keluarga yang tidak memahami, akan memaksa mereka meninggalkan agama Islam dan kembali kepada agama asal.
6. Memberi tugas kepada para ketua kampung agar mengumpulkan nama mereka yang baru memeluk Islam. Seterusnya mereka harus membuat

pemantauan terhadap perkembangan mereka yang baru memeluk Islam ini.

7. Mengadakan lebih banyak majlis-majlis ilmu seperti ceramah agama dan program-program berbentuk motivasi mahupun keagamaan. Ini akan memberi pendedahan kepada masyarakat agar mereka mendapat kesedaran untuk mengamalkan agama Islam dalam kehidupan seharian seterusnya menghayati budaya-budaya hidup secara Islam.
8. Para pegawai peringkat tinggi berusaha untuk turun padang melihat keadaan masyarakat demi mencegah kemungkaran sebagaimana yang diamalkan oleh para Khulafa al-Rasyidin. Apabila mereka melihat sendiri apa yang berlaku, maka langkah membanterasnya lebih senang difikirkan apabila memahami masalah itu sendiri.
9. Menambah bilangan tenaga kerja di Mahkamah Syariah terutama dari kalangan wanita. Dewasa ini, banyak kes-kes yang tertunggak lantaran masalah kekurangan kakitangan dan mengakibatkan sehingga ada kes-kes yang mengambil masa bertahun untuk diselesaikan.
10. Berusaha memartabatkan Mahkamah Syariah agar ia menjadi syiar agama Islam. Segala masalah dan kesulitan dalam prosedur kehakiman dan juga pengurusan harus ditangani dengan baik dan bijaksana.

11. Mengadakan kempen mengamalkan Islam secara berkala dan dibuat secara tahunan. Sebagai contoh, Bulan Menuntut Aurat, Minggu Memberi Salam, Hari Rasuah Sifar dan seumpamanya.
12. Mewujudkan satu kod pakaian yang harus dipatuhi oleh semua pekerja sama ada di sektor kerajaan atau swasta. Kod ini harus mengambil kira anutan agama pekerja-pekerja tersebut di mana harus dijadikan kewajipan bagi pekerja Islam untuk memakai pakaian yang menutup aurat secara sempurna.
13. Mewujudkan satu undang-undang mewajibkan para ibubapa memastikan anak-anak mereka tahu membaca tulisan Jawi dan membaca al-Qur'ān dan juga khatam al-Qur'ān. Misalnya, ibubapa boleh didenda sekiranya ada anak mereka yang tidak memiliki kemahiran ini.
14. Memastikan setiap kariah mempunyai guru agama yang khas bagi mengajar anak-anak kecil mengaji. Ini akan melicinkan tugas dan bebanan ketua kampung, terutama para ibubapa.
15. Mensasarkan matlamat sifar buta Jawi iaitu mewajibkan setiap individu mengenal dan tahu membaca Jawi semasa di bangku sekolah rendah. Di samping itu, menyemai rasa cinta kepada tulisan Jawi sebagai tulisan al-Qur'ān dan Bahasa Arab sebagai bahasa para penghuni syurga.

16. Mengadakan satu anugerah bagi keluarga atau ibubapa yang berjaya mengkhatamkan anak mereka dalam pengajian al-Qur'ān, sama ada kesemua mereka atau bilangan tertentu daripada mereka. Selanjutnya, ini akan menjadi perangsang dan suntikan motivasi bagi mereka agar melipatgandakan usaha mereka mempelajari dan menekuni al-Qur'ān.
17. Memurnikan dan seterusnya memperkasakan program J-Qaf di sekolah. Salah satu cara ialah membentuk kesinambungan di rumah seperti menyediakan satu bentuk rekod bertulis untuk ibubapa melaporkan prestasi dan perkembangan anak mereka semasa berada di rumah dan sewaktu cuti sekolah.

5.3.2 Saranan kepada Ibubapa

1. Memberi didikan agama yang sempurna kepada anak-anak. Pendidikan ini harus disemai sedari anak kecil dan bukan hanya setelah mereka remaja agar tidak berlaku kekeliruan dalam diri mereka.
2. Memastikan anak-anak dapat membaca tulisan jawi dan mampu mengenal seterusnya membaca al-Qur'ān. Mereka juga harus menegaskan agar anak-anak mereka berjaya khatam al-Qur'ān dalam tempoh masa tertentu. Pengisian agama ini amat penting dalam diri anak-anak di mana ia akan menjadi pegangan mereka di masa hadapan.
3. Mengambil tahu dengan siapa anak-anak berkawan, terutama anak

remaja. Anak-anak biasanya akan menurut tingkah laku kawan-kawan mereka dan adalah penting ibubapa mengetahui latarbelakang keluarga kawan anak mereka..

4. Menyediakan makanan yang halal dan berzat demi menjamin tumbesaran anak- anak sempurna. Peribadi anak-anak akan terkesan dengan pemakanan yang mereka ambil.
5. Mengambil bahagian dalam mendidik anak-anak, bukan menyerahkan anak-anak kepada guru mereka semata-mata. Para ibubapa harus peka terhadap perkembangan anak-anak mereka dengan sentiasa berhubung dengan guru-guru anak mereka dan segera mengambil tindakan jika berlaku perkara yang tidak sewajarnya.
6. Memantau kegiatan anak-anak, terutamanya anak remaja. Ini adalah kerana usia mereka adalah dikategorikan sebagai waktu-waktu rapuh yang amat mudah terpengaruh dan terkesan oleh pengaruh luar berupa budaya kuning dan pengaruh-pengaruh negatif.
7. Mendidik anak remaja agar berkongsi pendapat dan masalah dengan menjadi sahabat kepada mereka. Mereka amat memerlukan bimbingan dan kasih sayang ibubapa walaupun kadang-kadang mereka menafikannya. Ibubapa seharusnya bersikap lebih peka kepada kehendak dan keperluan mereka, apatah lagi zaman remaja adalah zaman mereka mencari-cari identiti diri dan hala tuju masa depan yang harus terus dibimbing.

8. Bagi ibubapa yang mempunyai anak yang sudah dewasa dan mempunyai keluarga sendiri pula, hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan dan kegiatan mereka dan memastikan mereka sentiasa di landasan agama yang betul.

5.3.3 Saranan kepada Para Suami

1. Memberi galakan dan dorongan kepada isteri yang mempunyai ilmu dan kebolehan serta kemampuan untuk bergiat dalam organisasi dakwah. Para suami harus faham bahawa penglibatan isteri mereka amat diperlukan dalam mendidik masyarakat.
2. Berkongsi dengan isteri dalam melaksanakan tugas-tugas di rumah. Ini akan memberi sedikit masa yang berkualiti untuk isteri mereka menyumbang kepada masyarakat.
3. Memastikan isteri menjaga aurat dan pergaulan mereka apabila keluar rumah sama ada bekerja atau melaksanakan tugas dakwah. Kelakuan dan keselamatan isteri adalah menjadi tanggungjawab para suami.
4. Memberi didikan agama terutama asas fardu ain kepada isteri apabila isteri mereka tidak mempunyai pengetahuan asas tentang agama. Sekiranya suami tidak mampu mengajar isteri mereka, mereka hendaklah menyediakan seorang guru untuk berbuat demikian

5.3.4 Saranan kepada Organisasi Dakwah

1. Membina solidariti dengan organisasi dakwah lain. Usaha ini boleh membendung persepsi negatif masyarakat terhadap golongan yang terlibat dalam organisasi dakwah.
2. Berganding bahu dengan kerajaan untuk mengajak ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Organisasi dakwah harus bersikap pro aktif dan membuat cadangan penambahbaikan agar dilaksanakan oleh pihak yang berwajib.
3. Bekerjasama dengan pihak korporat dan badan-badan amal serta pertubuhan bukan kerajaan untuk mempromosikan cara hidup Islam. Namun, mereka hendaklah tidak sekali-kali menggadaikan prinsip dakwah Islam mereka.

5.3.5 Saranan kepada Sektor Korporat

1. Menaja program berbentuk keagamaan dengan niat untuk menyemarakkan cinta kepada agama terutama para belia dan remaja.
2. Mempromosi agama dalam produk yang dikeluarkan oleh syarikat mereka seperti menggunakan bahan yang halal sahaja dalam produk. Ini membantu menyemarakkan ekonomi umat Islam dan

menunaikan kewajiban fardhu kifayah dalam menyediakan barang keperluan dan perkhidmatan yang memenuhi tuntutan syarak.

3. Menjalin kerjasama dengan sektor swasta mahupun badan kerajaan dengan mengutamakan kepentingan agama bukan hanya keuntungan semata-mata.
4. Menerapkan budaya hidup Islam dan menjadikannya sebagai salah satu daya tarikan kepada produk mereka. Dengan menjadikan gaya hidup Islam sebagai pegangan utama dapat meninggikan lagi syiar Islam di mata dunia, terutamanya pada pandangan mereka yang bukan beragama Islam serta akan menarik minat mereka untuk menghayati keindahan Islam.

5.3.6 Saranan kepada Sasaran Dakwah

1. Sentiasa peka dan cuba memupuk minat untuk mendengar ceramah-ceramah keagamaan dan motivasi. Ini adalah untuk menambahkan ilmu berkenaan sesuatu isu dan hukum agama.
2. Berusaha seboleh mungkin untuk mengamalkan apa yang dipelajari sama ada di kelas atau ceramah-ceramah agama. Apa yang penting ialah kesedaran dari dalam diri sendiri untuk berubah menjadi lebih baik.

3. Setelah berjaya mengamalkan cara hidup Islam yang sebenarnya, cuba mengajak rakan yang belum dapat menerima hidayah dan nikmat Islam yang murni itu agar sama-sama melangkah ke jalan diredhaiNya.

5.3.7 Saranan kepada Para Muslimah

1. Melengkapkan diri dengan ilmu rumahtangga dan ilmu agama agar mendapat maklumat yang benar dan maju seiring dengan tuntutan zaman moden.
2. Memberi sepenuh komitmen terhadap perkembangan diri anak-anak dan melibatkan diri secara langsung dalam penyelesaian masalah mereka. Mengamalkan corak pendidikan demokratif yang mementingkan penglibatan semua individu dengan menyuarakan pandangan masing-masing.
3. Terbabit sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam organisasi dakwah. Memberi sumbangan setakat yang termampu sama ada berupa idea dan buah fikiran, tenaga atau kewangan.
4. Mengamalkan sikap cakna kepada masyarakat sekeliling, terutama anak-anak jiran yang masih kecil dan remaja. Ini untuk mewujudkan satu persekitaran yang baik dan mengikut tuntutan syarak serta kondusif untuk perkembangan anak-anak.

BIBLIOGRAFI

A.RUJUKAN BUKU BERBAHASA ARAB DAN BAHASA MELAYU

- ‘Abdullah Aidh al-Qarni(2010), *Rahsia dan Keajaiban Cinta Allah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar
- ‘Abdullah bin Ahmad bin Mahmūd bin Qudāmah (1972), *Al-Mughnī*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy.
- ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abdullah bin Abdu al-Rahman bin Bāz (1993), *Majmu’ Fatāwa wa Maqālāt Mutanawwi’ah*, j. 9. Al-Riyād: Dār al-Mu’ayyad.
- ‘Abd al-Halim Abu Syuqqah (1999), *Kebebasan Wanita*. As’ad Yasin (terj.). Jakarta: Gema Insani.
- ‘Abd al-Halim Mahmud (1979), *‘Alāmiyah al-Da’wah*. Riyād: Dār ‘Ukaz
- ‘Abd al-Karīm Zaydān(1979), *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*.H.M. Aswadi Syukur Lc. (terj.) Jakarta: Penerbit Media Dakwah.
- ‘Abd al-Na’īm Muhammad Hasnīn(1984), *al-Da’wah ilā Allah alā Basīrah*. Al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Khaliq(1985), *Beberapa Kebijaksanaan Islam Tentang Dakwah*. Rifyal Ka’bah (terj.). Jakarta: Lembaga Penelitian dan Pengembangan Agama Muhammadiyah.
- ‘Abd al-Rahman Hasan Hanbakah (1986), *Iqbās fī Minhāj al-Da’wah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Abdul Aziz bin Mohd. Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu Lembah Pantai.
- Abdul Halim Mat Diah(1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- _____ (1986), *Filsafat Pendidikan Islam di Malaysia Kajian Ilmiah (IAIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta*.
- Abdul Mu’min Abdul Ghani *et al.* (2001), *Buku Panduan Penulisan Tesis*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abū al-Fida’ Ismāīl Ibn Kathīr (t.t.), *Mukhtasar Tafsīr Ibn Kathīr*. Kaherah: Dār al-Sabuni.

_____(t.t), Muhammad Ali al-Sābūnī(ed.), *Mukhtasar Tafṣīr Ibn Kathīr*. Beirut : Dār al-Qur’ān al-Karīm.

Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj(t.t.), *Mukhtasar Sahīh Muslim*.

Abū Hayyān (1989), *Tafṣīr al-Nahr al-Madd*, j. 1.Istanbul: Dār al-Da’wah.

Abu Mohammad Jibril Abd al-Rahman(1985), *Wanita Solehah Ciri-ciri dan Fungsinya*. Petaling Jaya: Hikmah Enterprise.

Abu Muhammad Rasyid Ridha(1995), *Ciri dan Fungsi Wanita Shalihah*. Solo: Pustaka Al-Alaḡ.

Abu Saufi(1995), *Tanggungjawab Ibubapa Muslim*. Batu Caves : Pustaka Ilmi.

Ahmad Fāiz(1985), *Tarīq al-Da’wah Fī Zilāl al-Qur’ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

Ahmad bin Muhammad bin Abdullah Aba Butayn(1991), *al-Mar’ah al-Muslimah al-Mu’āsarah*. Riyād: Dār ‘Ālam al-Kutub.

Ahmad Sonhadji Mohamad(1989), *Tafsir al-Quran*, j. 4.Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan.

Ali Abdul Halim Mahmūd (1992), *Fiqh al-Da’wah al-Fardiyyah*. Mansūrah: Dār al-Wafā’.

Ali Hasjmy(1984), *Dustur Dakwah Mengikut al-Quran*. Jakarta: PT Bulan Bintang

Ālūsī , Abū al-Fadl Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Baghdādi al-(1993), *Rūh al-Ma’āni*, j. 3.Beirut: Dār al-Fikr.

Alwi Alatas(2004), *Remaja Gaul Nggak Mesti Ngawur*. Jakarta: Penerbit Hikmah

Amriah Buang (1993), “Pergerakan Dakwah dan Persoalan Peranan Wanita di Kalangan Wanita”, dalam *Gerakan Dakwah dan Orde Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Andek Masnah Andek Kelawa (2000), “Pengurusan Dakwah di Kalangan Wanita”, dalam Abdul Ghafar Don *et al.(ed)* , *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anshari Thayib(1992), *Struktur Rumahtangga Muslim*. Surabaya: Risalah Gusti.

‘Asqalāni, Ibn Hajar al- (2002), *Fath al-Bāri*. ‘Abd al-‘Azīz Abdullah bin Bāz (terj.).Jakarta: Pustaka Azzam.

Baghāwī, Abū Muhammad al-Husayn bin Mas’ud al-Farra’ al-Shafi’i al- (1982), *Tafṣīr al-Baghāwī*. Riyād: Dār al-Salām.

- Basri Ibrahim al-Hasani (2006), *Kisah-kisah Para Sahabat Yang Tidak Boleh Dijadikan Hujah*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Bilāli, ‘Abd al- Hamīd al- (1992), *Fiqh al-Da’wah Fi Inkār al-Munkar*. Mesir: Dār al-Da’wah.
- Brusawi, Ismāīl Haqqi al- (2001), *Tafsīr Rūh al-Bayān*, j. 3. Beirut: Dār Ihya al-Turāth al-Arabiyy.
- Bukhārī , Muhammad b Ismāīl Abū Abd Allah al- (1994), *Sahīh al-Bukhārī*.
- Charis Waddy(1987), *Wanita Dalam Sejarah Islam*. Faruk Zabidi(terj.). Jakarta : Pustaka Jaya.
- Dollah Mohamed (2006), “Kaedah Kaunseling Masalah Remaja”, dalam Fariza Md. Sham *et al.(ed)* , *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariq bin Gasim Anuz (1991), *Fiqh Nasehat*. Betawi: Pustaka Azzam.
- Fathi Yakan (1994), *Halangan- halangan Dakwah*. Ahmad Rafeai Ayudin *et al.* (terj), Kuala Lumpur: Penerbitan al-Kauthar.
- Fatimah Omar(1995), *Anak Amanah Allah*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publisher.
- Ghazāli, Muhammad al- (1998), *Fiqh al-Sīrah*. Damsyik: Dār al-Qalam
- Ghazāli, Muhammad al- (t.t.) , *Fiqh al -Sīrah*. T.T.P.: ‘Alam al-Ma’rifah
- H. Asep Muhiddin M.A. (2002), *Dakwah Dalam Perspektif al-Quran*, Bandung: CV Pustaka Setia.
- Hadi, Muhammad Zain al- (1995), *‘Ilmu Nafs al-Da’wah*. Al-Qāhirah: al- Dār al-Misriyyah al-Lubnāniyyah.
- Haidar Quffah(1994), *Muslimah Modern Hendak Ke Mana?*. F.B. Marjan(terj.). Solo: Citra Islami Press.
- Hamka(1984), *Tafsir al-Azhar*, j. 10. T.T.P.: Panji Masyarakat.
- Ibnu Hasyim(1991), *Personaliti Muslim*. Kuala Lumpur : GG Edar.
- Ibrahim Mustafā (1986), *al-Mu’jam al-Wasit*. Istanbul: Dār al-Da’wah
- Ibrahim bin Abdullah al-Mutlaqi (1997), *al-Tadarruj fi Da’wah al-Nabiyyi*. Riyadh: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah.
- Idris Ahmad (2000), “Pengurusan Dakwah di Kalangan Remaja”, dalam Abdul Ghafar Don *et al(ed)*, *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Idris Awang *et al.* (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Jabir Asysyaal(2001), *Al-Quran Bercerita Soal Wanita*. H. Aziz Salim Basyarahil(terj.). Jakarta : Gema Insani Press.
- Jaza'iri, Muhammad bin Abdu al-Karīm al- (1995), *al-Shūrā fī Mīzān al-Islām*. Beirut: Mu'assasah al-Ma'ārif.
- K.H. Zainuddin M.Z. (1994), *Rahasia Keberhasilan Dakwah*. Surabaya: Penerbit Ampel Suci.
- Kamil Musa (1994), *Anak Perempuan Dalam Konsep Islam*. Amir Hamzah Fachrudin(terj.). Jakarta: Penerbit Firdaus.
- Kenneth D. Bailey (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Konstan George (1983), *Nazrah Jadīdah fī Sīrah Rasūlullah*. Dr. Muhammad al-Tunji (terj.). Beirut: al- Dār al-‘Arabiyyah.
- M. Syafa'at Habib (1982), *Buku Pedoman Dakwah*. Jakarta: Penerbit Widjaya Jakarta
- Maimunah Haji Arshad (1997), *Di Sebalik Kelembutan Isteri Dan Kegagahan Suami*. Johor Bharu : Jahabarsa.
- Marāghī, Ahmad Mustafā al- (1963), *Tafsīr al-Marāghī*, j.4. al-Qāhirah: Sharīkah Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādh.
- _____ (2001), *Tafsīr al-Maraghī*, j. 4. Muhammad Thalib (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Miqdad Yaljan(1987), *Potret Rumahtangga Islami*. SA Zemool (terj.). Solo: Pustaka Mantiq.
- Mohd. Yusof Haji Othman (2001), *Dakwah Siapakah Sasaran Utama*. Kajang: Aras Mega Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohammad Natsir (2000), *Fiqhu al-Dakwah*. Jakarta : Media Da'wah.
- Muhammad ‘Izzah Darwazah (1961), *al-Tafsīr al-Hadīth Tartīb al-Suwar Hasbu al-Nuzūl*, j. 9.Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi.
- Muhammad bin Abdullah Sulaiman Arafah (1994), *Hak Dan Peran Aktif Wanita Muslimah*. Kathur Suhardi (terj.).Solo: Hazanah Ilmu.
- Muhammad Abdu al-Qādir Abū Fāris (1992), *Usus fī al-Da'wah wa Wasāil Nashriha*. Oman: Dār al-Furqān.

- Muhammad al-Majzūb (1995), *al-Tarīq al-Sawīy*. Riyād: Dār al-Shawaf.
- Muhammad Amhazun (2003), *Manhaj al-Nabiy fī al-Da'wah*. Al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- Muhammad Hussayn Fadl Allah (1986), *Uslūb al-Da'wah fī al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Zahra.
- Muhammad Said Ramadhan(1992), *Kemana Perginya Wanita Muslimah*. H. Salim Basyarahil(terj.). Jakarta : Gema Insani Press.
- Muhd al-Tahir Ibn 'Asyur (1984), *Tafsīr al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: al-Dār al-Tunisiyyah.
- Muhd Amhazun (2003), *Manhaj al-Nabi fī al-Da'wah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Muhy al-Dīn al-Nawawī(1996), *Sahīh Muslim bi Sharh al-Imām Muhy al-Dīn al-Nawawī*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Mustafa Malaikah (2001), *Manhaj Dakwah Yusof al-Qaradawi*. Samson Rahman (terj.). Jakarta : Pustaka al-Kauthar.
- Mustafa Masyhur (2000), *Fiqh Dakwah*. Abu Ridho (terj.). Jakarta: Al-I'tishom Cahaya Umat.
- _____ (1986), *Jalan Dakwah Antara Keaslian dan Penyelewengan*. Mohd. Yusof Ismail (terj.). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- _____ (1989), *Suri Teladan Di Sepanjang Jalan Dakwah*. Mudasir Rosder (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- _____ (1995), *Zad al-Tariq*. T.T.P. : Dār al-Tawziq wa al-nashr al-Islamiyyah.
- Nawāwī ,Muhy al-Dīn al- (1996), *Sahih Muslim bi Sharh al-Imām Muhy al-Din al- Nawāwī*, j. 11. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Nazir Muhammad Maktabi (2001), *Khasa'is Tabligh al-Da'wah ila Allah*. Beirut: Dār al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Ni'mah Rashid Ridha(1990), *Tabarruj*. Abdul Roshad Shiddiq(terj.). T.T.P. : Pustaka al-Kauthar.
- Rahmatullah Khalil (2001), *Izhar al-Haq*. Kaherah: Dār al-Hadith.
- Ramayulis(1987), *Pendidikan Islam Dalam Rumahtangga*. Jakarta : Kalam Mulia.
- Rāzī , Muhammad al-Fakhr Al- Dīn Ibn al-'Allāmah Dia' al-Dīn al- (2000), *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, j. 9. Beirut: Dār al-Fikr.

- Sa'id bin Ali(1994), *Dakwah Islam Dakwah Bijak*. Jakarta: Gema Insani Press
- Said Mohd Addib(1996), *Peraturan Rumahtangga Muslim*. Mahyuddin Hamat (terj.). Ampang: Akademi Al-Hikmah.
- Sābūnī, Muhammad Alī al- (1976), *Safwah al-Tafsīr*. Madīnah al-Nasr: Dār al-Sābūnī.
- Samarqandī, Abū Laith Nasr bin Muhammad bin Ahmad bin Ibrāhīm al- (1993), *Tafsīr al-Samarqandī*, j. 1. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Sāmiyyah Abd al Aziz Jinsi (2001), *Islām Najāshi al-Habshiyyah*. Al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-Arabiyy.
- Sayid, Sābiq al-(1985), *Da'wah al-Islām*. Beirut: Dār al- al-Kitāb al-‘Arabi
- Sayyid, Rashid Rida al- (t.t.), *al-Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*, j.4. Al-Qāhirah: Maktabah al-Qahirah.
- _____ (1986), *Panggilan Islam Terhadap Wanita*. Afif Mohammad (terj.). Bandung. Penerbit Pustaka.
- Sayyid Muhammad bin Alwi al-Malikiy al-Hasaniy *et al* (t.t.), *Manhaj Dakwah*. Novel Muhammad al-Aydrus (terj.) Gurawan: Putera Riyadi.
- Sheikh Othman Sheikh Salim *et al* (1989), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Rugayah Tibek (2000), “Pengurusan Dakwah di Kalangan Wanita Sabah”, dalam Abdul Ghafar Don *et al. (ed)* , *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Tahhān, Mustafā Muhammad al- (2000), *Sifāt al-Da’iyyah al-Muslim*. Al-Qāhirah : Dār al-Tawzi’ wa al-Nashr al-Islāmiyyah.
- Tawfiq Yūsuf al-Wa’ī(1990), *al-Nisa’ al-Da’iyāt*. Mansūrah: Dār al-Wafa’ li al-Taba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Toha Jahya Omar M.A. (1985), *Ilmu Dakwah*. Jakarta: penerbit Widjaya Jakarta.
- Umar Yūsuf Hamzah (1994), *Usus al-Da’wah ilā Allah Ta’āla fī al-Qur’ān al-Karīm*. Al-Qāhirah: al-Fanniyyah.
- Wāhidi, Ali bin Ahmad al- (2003), *Asbāb al-Nuzūl Li al- Imām Abī al-Hassan*. Al-Qāhirah: Dār al-Hadīth.
- Wan Hussein Azmi (1988), *Panduan Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuhaylī Wahbah al- (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al- ‘Aqīdah wa al-Sharī’ah wa al-Manhaj*. Beirut : Dār al-Fikr al-Mu’āsir.

Zuraini Husain (t.t.), *Wanita Muslimah*. Subang Jaya : Penerbitan Al-Kauthar.

B.RUJUKAN BUKU BERBAHASA INGGERIS

Andrian D. De Grook(1969), *Methodology: Foundation of Inference and Research In The Behavioural Sciences*, Belgium: Mountain & Co.

Carol L. Anway (1998), *Daughter Of Another Path*. USA: Yawna Publications.

Carolyn Webster-Stratton(1999), *Children's Social And Emotional Competence*. London: Paul Chapman Publishing.

David F. Bjorklund(2005), *Children's Thinking*. Belmont USA: Thomson Learning Academic Resource.

David R. Shaffer(1999), *Developmental Psychology*. Pacific Grove USA :Cole Publishing.

Fathi Yakan (1984), *Problem Faced By The Da'wah And The Da'iyah*. Delhi: Hindustan Publications.

Frank J. Landy (1987), *The Science Of People*. New Jersey: Prentice Hall.

Gerald S. Ferman & Jade Levin(1975), *Social Sciences Research*, USA: John Wisley & Sons.

Karen B. Owens (2002), *Child And Adolescent*. Belmont: Thomson Learning.

Lawrence A. Pervin(1989), *Personality Theory and Research*. New York : John Wiley & Sons Inc.

M.R. Bawa Muhaiyaddeen (1987), *Islam And World Peace*. Philadelphia: The Fellowship Press.

Muhammad Shafiq (1996), *Islamic Da'wah : A Message For All*. Pakistan: Universal Books.

Norlain Dindang Mababaya (1998), *Da'wah According To The Quran and The Sunnah*. Riyadh: Darussalam Publishers and Distributers.

S. Hidibroto(1976), *Metode Research*, Bandung: Penerbitan Alumnii.

Robertt V. Kail (2002), *Children*. New Jersey: Prentice Hall.

Spencer A. Rathus (1988), *Understanding Child Development*.Florida: Holt, Rinehart and Winston Inc.

T.W. Arnold (1974), *The Preaching of Islam*. New York: Ams Press Inc.

Thomas L. Crandell dan Corrine Haines Crandell (2004), *Human Developmental*. USA: Mc Graw-Hill Higher.

Yahiya Emerick (1996), *How To Tell Them About Islam*. New York : International Books and Tapes Suppl

C. RUJUKAN LAMAN WEB

Bank Rakyat,
<http://www.bankrakyat.com.my/index.php?idx=main&ch=13&pg=38&ac=12321&lorg=bm>, 20 Januari 2007.

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
http://ms.wikipedia.org/wiki/masjid_sultan_salahuddin_abdul_aziz_shah,
12 September 2006

Pengiktirafan Digi,
<http://allmalaysia.info/services/printerfriendly.asp?file=/2005/7/4/state/11246152>
12 September 2006

Sistem Perbankan Islam,
<http://kпки0..tripod.com/seminarkпки2000/index.html>, 20 Januari 2007

Tunjuk Perasaan Maria Hertogh,
http://en.wikipedia.org/wiki/maria_hertogh_riots, 12 September 2006